

KUCHING: Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW) menyasarkan pembinaan 5,691 rumah rakyat miskin di seluruh negara menerusi Program Bantuan Rumah (PBR) menjelang akhir tahun ini. Selain itu, Kementerian turut menetapkan sasaran membaik pulih 3,456 rumah penduduk kurang berkemampuan yang sudah usang. Menterinya, Datuk Seri Mohd Shafie Apdal, berkata projek itu dilaksanakan menerusi Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) Infrastruktur Asas Luar Bandar bagi tempoh 2010 hingga 2012. Tahun lalu, projek itu membabitkan 16,926 rumah yang mana 6,204 daripadanya adalah pembinaan rumah baru manakala 10,722 lagi dibaik pulih. "Kerajaan memperuntukkan RM300 juta bagi pelaksanaan projek penyediaan kediaman bagi rakyat miskin itu. Saya percaya sasaran melaksanakan projek pembinaan dan membaik pulih sebanyak 9,146 rumah akan kita capai menjelang akhir tahun ini," katanya.

Beliau berkata demikian pada Majlis Penyampaian Anugerah Perkhidmatan Cemerlang, KEMAS Negeri Sarawak 2010 di Dewan Utama, Kompleks Islam Kuching, di sini, semalam. Mohd Shafie berkata, daripada 5,691 unit rumah baru yang bakal dibina itu, sebanyak 2,203 unit dibina di Sabah, 2,029 di Sarawak dan 1,459 lagi di Semenanjung. Bagi rumah yang dibaik pulih pula, sebanyak 1,982 daripadanya bakal dilaksanakan di Sarawak, Semenanjung (1,195) manakala di Sabah (479). Mengenai proses menaik taraf kelayakan guru tabika KEMAS, Mohd Shafie, berkata sehingga kini 40 peratus daripada 9,824 guru tabika seluruh negara sudah berjaya memperoleh diploma. Berdasarkan peningkatan sejak program menaik taraf itu dilaksanakan beberapa tahun lalu, beliau percaya semua guru tabika akan memiliki diploma dan dinaikkan ke gred S27 menjelang 2015. "Saya percaya program bersama Kementerian Pelajaran dan Kementerian Pengajian Tinggi itu akan membantu kita mencapai sasaran 100 peratus guru tabika berkelayakan diploma dalam tempoh empat tahun lagi," katanya.

PEMBENTANGAN bajet kerajaan yang diadakan setiap tahun sememangnya menjadi perhatian kepada segenap lapisan masyarakat. Apatah lagi apabila negara sedang menghadapi cabaran yang getir akibat daripada krisis hutang di negara maju. Selain itu, kenaikan kos sara hidup yang masih membelenggu masyarakat juga mampu memberikan tamparan terhadap momentum pertumbuhan ekonomi. Persoalan yang timbul, adakah kewangan kerajaan masih mampu untuk menyokong pertumbuhan ekonomi? Defisit kewangan serta kenaikan hutang kerajaan memberi tanggapan kepada kita bahawa kerajaan tidak mempunyai ruang yang luas untuk memperuntukkan sejumlah perbelanjaan yang besar bagi memacu pertumbuhan ekonomi. Untuk rekor, nisbah hutang kerajaan terhadap Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) berada pada sekitar 53 peratus bagi tempoh separuh tahun pertama 2011. Angka ini agak tinggi jika dibandingkan sebelum berlaku kemelesetan ekonomi dunia iaitu 41 peratus yang dicatatkan pada 2008. Walau begitu, pendapat seperti ini seharusnya diimbangi dengan fakta bahawa sebahagian besar daripada jumlah hutang kerajaan itu adalah diterbitkan di dalam negara. Ia merangkumi 96 peratus daripada jumlah keseluruhan hutang kerajaan dan selebihnya adalah dari sumber luar negara. Dengan kadar kecairan yang tinggi di dalam sistem kewangan negara serta permintaan yang tinggi daripada pelabur institusi, kerajaan di lihat tidak mempunyai masalah untuk menerbitkan hutang bagi tujuan perbelanjaan pembangunan, sekali gus mampu merancakkan pertumbuhan ekonomi. Dalam konteks ini, kerajaan dijangka akan lebih berhati-hati di dalam usul pembentangan Bajet 2012 pada Jumaat ini. Isu seperti kenaikan hutang isi rumah, pemilikan rumah mampu milik serta inflasi dijangka akan menjadi fokus utama. Ini adalah di sebabkan isu ini mampu memberi kesan negatif terhadap perbelanjaan swas-ta sekiranya ia tidak ditangani. Sehubungan itu, pengenalan insentif cukai menggalakkan penggunaan kad debit dilihat sebagai langkah bersesuaian bagi menangani isu hutang isi rumah. Kerajaan Korea, sebagai contoh, mengumumkan pengenalan insentif cukai bagi meningkatkan penggunaan kad debit berikutkan kebimbangan terhadap kenaikan hutang isi rumah di negara itu. Umumnya, penggunaan kad debit di Malaysia masih jauh ketinggalan jika dibandingkan dengan kad kredit.

Perangkaan yang dikeluarkan Bank Negara Malaysia menunjukkan nilai urus niaga melalui kad debit tahun lalu adalah RM4.7 bilion. Manakala, kad kredit mencatatkan nilai urus niaga RM79.8 bilion pada tempoh sama. Ianya adalah suatu perbezaan yang ketara dan menunjukkan kecenderungan rakyat di negara ini untuk ber hutang. Selain itu, kenaikan cukai keuntungan harta tanah (RPGT) pada kadar lebih tinggi adalah satu langkah yang baik bagi mengekang aktiviti spekulasi. Kini, RPGT adalah pada kadar lima peratus bagi tempoh lima tahun pertama bagi harta tanah yang dibeli dan dijual. Sebelum ini, kerajaan telah melupuskan kadar cukai RPGT ini pada 2007, justeru pengembalian RPGT pada kadar asal mungkin boleh dilihat sebagai langkah sesuai memandangkan ia boleh mendatangkan hasil tambahan kepada kerajaan selain dapat mengurangkan aktiviti spekulasi. Kadar RPGT sebelum ini adalah 30 peratus untuk tempoh dua tahun pertama, 20 peratus untuk tahun ketiga, 15 peratus bagi tahun keempat dan 5 peratus bagi tahun kelima. Bagi menangani isu kenaikan harga makanan, kerajaan di jangka akan terus memperuntukkan perbelanjaan bagi meningkatkan produktiviti di sektor pertanian ter-utama industri berkaitan pengeluaran makanan. Seharusnya, peruntukan kerajaan akan menjurus kepada peningkatan di dalam tahap sara diri dalam beberapa komoditi atau barang seperti beras, daging, buah-buahan dan susu bagi menampung keperluan domestik. Ini bagi mengurangkan pergantungan terhadap import makanan yang menyebabkan negara terdedah kepada turun-naik harga pasaran di luar negara. Setakat 2010, tahap sara diri bagi tanaman seperti beras, sayur-sayuran dan buah-buahan adalah 71.4, 41.2 dan 65.8 peratus. Manakala daging lembu dan kerbau, kambing dan biri-biri serta susu adalah 28.6, 10.6 dan 4.9 peratus. Namun langkah ini bersifat jangka panjang yang mungkin akan dinikmati pada masa akan datang. Oleh itu, harapan yang realistik terhadap pembentangan Bajet 2012 seharusnya menjadi teras kepada setiap masyarakat memandangkan kerajaan perlu berhati-hati di dalam setiap usul belanjawan negara. Ini bagi memastikan setiap ringgit yang di belanjakan akan mampu menjana dan memperkasakan pertumbuhan ekonomi terutama di dalam suasana ekonomi dunia yang tidak menentu.

\* Penulis adalah penganalisis ekonomi di Malaysian Rating Corporation Bhd (MARC).

## BERITA HARIAN online

Isnin, 3 Oktober, 2011 - Pelabur tunggu pengumuman positif Bajet 2012

SETIAP tahun, Oktober menjadi bulan penting dalam diari pelabur pasaran saham tempatan kerana mereka sangat menantikan pengumuman positif daripada kerajaan menerusi pembentangan bajet tahunan negara. Bajet itu lazimnya menampilkan kejutan yang mampu merangsangkan aktiviti belian secara keseluruhan di pasaran saham tempatan. Pembentangan Bajet 2012 dijangka menarik perhatian kerana pelabur amat mengharapkan pengumuman insentif daripada kerajaan yang dapat merangsangkan pelaburan domestik, sekali gus dapat menyerap tekanan penurunan yang dihadapi pasaran tempatan kini ekoran ketidaktentuan pasaran global. Ramai penganalisis pasaran percaya kali ini kerajaan akan memberi tumpuan kepada pertumbuhan domestik bagi menyerap tekanan penurunan pasaran global ekoran krisis hutang yang berlarutan di zon Eropah dan pertumbuhan lembap ekonomi Amerika Syarikat (AS). Bajet 2012 dijangka menyaksikan kerajaan terus meliberalisasikan sektor perkhidmatan bagi merancakkan lagi pelaburan dalam sektor berkenaan yang dilihat menjadi pemacu kepada pertumbuhan ekonomi negara pada masa depan. Proses liberalisasi itu akan ditumpukan kepada industri yang mempunyai pertumbuhan yang tinggi serta berpotensi untuk dikembangkan seperti penjagaan kesihatan, minyak dan gas, pendidikan dan perkhidmatan perniagaan profesional. Selain menghapuskan atau mengurangkan had pegangan ekuiti asing, kerajaan mungkin mengambil langkah melonggarkan syarat operasi dan pengambilan pekerja. Bajet 2012 juga akan menyaksikan beberapa pengumuman pelaksanaan projek di bawah Program Transformasi Kerajaan (GTP) dan Program Transformasi Ekonomi (ETP) terutama yang membabitkan perbelanjaan daripada Kerajaan Persekutuan. Bagi merangsang minat pelabur di negara ini, bajet tahunan itu juga dijangka memperlihatkan beberapa perubahan ketara dalam struktur peratusan cukai korporat. Selain perubahan dalam cukai korporat, Bajet 2012 akan turut mengandungi kajian semula insentif taraf perintis serta pelbagai potongan cukai lain dalam mengurangkan lagi kos menjalankan perniagaan di Malaysia sejak dengan pengenalan Inisiatif Pembaharuan Strategik (SRI). Cukai korporat Malaysia ketika ini pada kadar 25 peratus dan ia lebih tinggi berbanding negara jiran. Di samping cukai korporat, Bajet 2012 juga dijangka mengumumkan mengenai status pengenalan Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) dan kemungkinan pengurangan dalam cukai persendirian.

Ketua Penyelidikan Runcit Affin Investment Bank, Dr Nazri Khan, berkata pengumuman dalam Bajet 2012 yang mesra perniagaan itu dijangka dapat merancakkan aktiviti dagangan dalam pasaran tempatan, sekali gus menyerap tekanan penurunan pasaran saham tempatan bagi tempoh tiga bulan akan datang. Beliau berkata kebiasaannya pembentangan bajet akan memberi rangsangan yang positif kepada sentimen pembelian secara keseluruhan di pasaran tempatan dan menyerap tekanan penurunan yang disebabkan oleh faktor luar. Nazri berkata saham yang mempunyai hubungan dengan politik dan berkaitan kerajaan akan menerima rangsangan dari segi harga selain peningkatan asas. Katanya, saham seperti United Malaya Land Bhd, Malaysian Resources Corp Bhd dan Gamuda Bhd serta saham sektor pendidikan seperti International Bhd dan Help International Corp bakal meraih manfaat daripada pembentangan bajet itu. Ketua Penyelidik Jupiter Securities, Pong Teng Siew, berkata saham berkaitan kerajaan akan menjadi pilihan utama pelabur menjelang pengumuman bajet tahunan negara itu. Beliau berkata secara lazimnya pasaran saham tempatan mencatatkan aliran meningkat dalam tempoh seminggu sebelum pengumuman bajet, disokong aktiviti mencantikkan akaun. Antara saham yang bakal mendapat manfaat daripada pengumuman Bajet 2012 ialah saham yang terbabit dalam sektor perkhidmatan, harta tanah, pembinaan dan perbankan. "Kami jangka kerajaan akan mengumumkan perubahan dalam struktur cukai korporat dan individu. Selain itu kami menjangkakan kerajaan akan mengumumkan mengenai status pengenalan GST di negara ini," katanya.

## **BERITA HARIAN online**

**Isnin, 3 Oktober, 2011 - DBKL cari pelabur ubah suai bangunan lama jadi hotel**

KUALA LUMPUR: Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) berminat mencari pelabur yang ingin menukar bangunan lama sekitar bandar raya seperti Stesen Keretapi Tanah Melayu (KTMB) kepada hotel dengan perkhidmatan bertaraf lima bintang tanpa mengubah keunikan sedia ada bagi menarik lebih ramai pelancong ke sini. Datuk Bandar, Tan Sri Ahmad Fuad Ismail, berkata bagaimanapun matlamat itu mungkin sukar dicapai kerana kekurangan pelabur berminat membangunkan semula bangunan lama sebagai hotel, sebaliknya lebih ramai ingin membina hotel baru atau mengubah suai hotel sedia ada. "Selain hotel mewah, kita banyak menerima permintaan membina hotel bajet yang lebih murah tetapi menyediakan perkhidmatan tidak kurang hebat. Kita memang berminat menjadikan bangunan lama sebagai hotel seperti bangunan KTMB kerana keunikan seni binanya tetapi masalahnya siapa yang sanggup melabur?" katanya selepas menyempurnakan majlis pecah tanah pembinaan hotel Holiday Villa Kuala Lumpur City Center (Holiday Villa KLCC) di Jalan Mayang.

Hadir sama, Penggerusi Holiday Villa Hotels & Resorts (HVHR), Datuk Azman Shah Haron dan Pengarah Urusan merangkap Ketua Eksekutif HVHRs, Datin Mavis Masri Azman. Sementara itu, Azman Shah, berkata hotel setinggi 25 tingkat dengan kos RM95 juta itu dijangka siap hujung 2013 dan bakal diuruskan HVHR, dengan tarikan utamanya terletak di lokasi strategik iaitu kira-kira lima minit berjalan kaki ke Menara Berkembar Petronas, Taman KLCC, Suria KLCC, K Avenue, Petronas Philharmonic dan Masjid KLCC. "Menawarkan 200 bilik, Holiday Villa KLCC turut dilengkapi pusat kesihatan dan terapi hidro, selain kemudahan terapi ultra moden serta makanan dan minuman organik menyihatkan. Bahan pembinaan turut diambil kira bagi memastikan ia mesra alam berdasarkan polisi amalan Holiday Villa yang mementingkan kehijauan," katanya. Ia turut menyediakan konsep bilik yang boleh ditukar kepada ruang mesyuarat menggunakan rekaan terbaru sistem Sico Amerika. Kemudahan lain termasuk ruang mesyuarat peribadi dan lounge untuk pengunjung, restoran dengan masakan Malaysia yang beroperasi 24 jam, ruang bankuet dan persidangan untuk 300 orang, lima bilik mesyuarat, pusat perniagaan, gimnasium, kolam mandi, spa, salun rambut, surau dan kemudahan untuk orang kurang upaya (OKU). Bagi kemudahan pengunjung, hotel ini turut menyediakan tujuh tingkat ruang meletak kereta dengan teknologi mekanikal yang canggih iaitu kereta diletakkan secara bertingkat," katanya.

MELAKA TENGAH: Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) sudah menyiapkan sebanyak 27 projek perumahan membabitkan pembinaan 14,758 unit rumah dengan kos keseluruhan bernilai RM196 juta di sembilan negeri sehingga penghujung Jun lalu. Pengerusi SPNB, Datuk Idris Haron, berkata projek yang dilaksanakan di Kedah, Perak, Selangor, Melaka, Johor, Pahang, Negeri Sembilan, Sabah dan Sarawak itu adalah membabitkan kawasan seluas kira-kira 320 hektar. "Daripada 14,758 unit kediaman jenis Rumah Mampu Milik (RMM) itu, sebanyak 10,085 unit sudah berjaya dijual, manakala 16,560 unit lagi sedang dalam pembinaan menerusi 22 projek di sembilan negeri terbabit. "Jika dibandingkan dengan semua negeri, Sabah mencatatkan jumlah tertinggi iaitu sebanyak 17 projek. Semua projek ini sedang dalam peringkat pembangunan yang membabitkan jumlah keseluruhan sebanyak 15,336 unit," katanya kepada Berita Harian di sini, semalam. Idris yang juga Ahli Parlimen Tangga Batu berkata, SPNB sudah menyerahkan sebanyak 15,483 unit rumah di seluruh negara menerusi Program Rumah Mesra Rakyat (RMR) dengan nilai keseluruhan projek sebanyak RM303 juta. Katanya, sejak diperkenalkan lapan tahun lalu, pihaknya sudah menerima kira-kira 44,359 permohonan bagi membina rumah menerusi Program RMR. "Daripada bilangan itu, hanya 19,443 permohonan diluluskan dengan peruntukan sejumlah RM1.2 bilion," katanya. Idris berkata, SPNB juga berjaya menyiapkan sebanyak 82 projek perumahan membabitkan 24,856 unit kediaman terbengkalai di seluruh negara dengan kos pembangunan RM557 juta. Katanya, daripada jumlah itu, sebanyak 11,611 unit rumah berjaya dibaik pulih menggunakan bantuan kewangan, manakala 13,245 unit lagi dibaik pulih melalui khidmat nasihat dan kepakaran pihaknya. Beliau berkata, setakat ini sebanyak sembilan projek membabitkan 3,500 unit rumah sedang dalam proses baik pulih iaitu 3,183 unit masih dalam pembinaan, manakala 317 unit lagi dalam proses pengeluaran tender. "Kita juga dalam usaha membina dan memproses perjanjian bagi 3,123 unit rumah yang dibangunkan menerusi program RMR, sebelum diberikan kepada setiap pemohon yang layak," katanya.

KUALA LUMPUR: Belanjawan 2012 yang akan dibentangkan Datuk Seri Najib Razak di Dewan Rakyat, Jumaat ini, akan mengimbangi kepentingan negara dan keperluan rakyat khususnya golongan berpendapatan rendah. Perdana Menteri berkata, strategi itu bagi memastikan golongan berpendapatan rendah dapat dibantu dan ekonomi negara terus kukuh berikutan kemungkinan berlaku kemelesetan ekonomi dunia dan kenaikan kos serta harga barang. "Kerajaan akan terus melaksanakan pelbagai aktiviti bagi meringankan beban golongan ini, seperti bantuan kewangan, subsidi, insentif, bantuan latihan, kemahiran, perkhidmatan kesihatan dan perumahan. "Kerajaan yakin semua inisiatif yang akan diumumkan pada Jumaat ini akan dapat menangani kesulitan golongan pendapatan rendah dalam cabaran persekitaran ekonomi yang sangat hebat," katanya menjawab kebimbangan beberapa Ahli Parlimen mengenai strategi Malaysia menghadapi kemelesetan ekonomi pada Mesyuarat Ketiga, Penggal Keempat Dewan Rakyat yang bermula semalam. Perdana Menteri berkata, kerajaan akan memastikan ekonomi negara terus kukuh dengan melaksanakan langkah mengurangkan beban rakyat dan merancakkan penggunaan domestik. Terdahulu, Dr Tan Seng Giaw (DAP-Keppong) meminta kerajaan menyatakan langkah yang diambil bagi mempertukuh Malaysia terhadap kemerosotan ekonomi dunia. Najib yakin prestasi ekonomi negara akan terus berkembang, walaupun berhadapan ketidaktentuan persekitaran negara luar, termasuk kelembapan pertumbuhan ekonomi Amerika Syarikat, krisis hutang kerajaan di Eropah dan inflasi akibat peningkatan harga komoditi. "Namun kesan ini dijangka memberi impak minimum memandangkan kekuatan daya tahan dan asas ekonomi yang mapan dan perancangan kerajaan dalam memastikan ekonomi kekal kukuh. "Dalam tempoh separuh pertama 2011, dengan persekitaran yang mencabar, termasuk gangguan bekalan akibat gempa bumi di Jepun, ekonomi negara mencatat pertumbuhan 4.4 peratus dan dijangka lebih baik pada separuh kedua," katanya. Najib berkata, perbelanjaan penggunaan dijangka mencatat pertumbuhan kukuh berikutan peningkatan pendapatan hasil harga komoditi yang kekal tinggi dan prospek pekerjaan yang stabil.

Katanya, pelaburan swasta juga dijangka terus cergas dirangsang peluang perniagaan melalui Program Transformasi Ekonomi (ETP), inisiatif kerajaan menarik pelaburan, liberalisasi ekonomi, penswastaan syarikat milik kerajaan, pengkorporatan MIDA dan penambahbaikan berterusan sistem penyam-paian kerajaan. "Prestasi ekonomi rantau Asia juga dijangka terus positif dan berkembang pesat seperti China, India dan Indonesia serta mengimbangi kelembapan ekonomi Amerika Syarikat dan Eropah," katanya.

## BERITA HARIAN online

Selasa, 4 Oktober, 2011 - Teknologi hijau perlu dipertingkat secara serius

PEMBENTANGAN Belanjawan 2012 Jumaat ini akan menarik minat peserta industri, khususnya yang terbabit dalam sektor berdaya maju seperti teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) serta cabangnya, teknologi hijau dan bioteknologi. Saban tahun, semua sektor berkenaan tidak terlepas daripada menerima bahagian besar perbelanjaan kerajaan yang melihat industri itu sebagai penyumbang penting pendapatan negara. Tahun lalu, kerajaan menyediakan bajet yang disifatkan mesra industri teknologi menerusi beberapa peruntukan untuk perkembangan sektor terbabit. Antaranya, inisiatif untuk melahirkan 500 usahawan teknologi menerusi dana permulaan Cradle Fund di bawah Kementerian Kewangan, dana RM100 juga untuk Perbadanan Pembangunan Teknologi Malaysia (MTDC) bagi mengkomersialkan beberapa inisiatif berkaitan penyelidikan dan pembangunan (R&D) serta peruntukan RM119 juta untuk mempromosikan industri isi kandungan. Kerajaan juga meneruskan perhatian ke arah mempromosikan bidang teknologi hijau, dengan menyediakan pengecualian cukai pelopor, duti eksais, pengiktirafan dan promosi khas kepada penggiat sektor terbabit. Inisiatif teknologi negara, Koridor Raya Multimedia (MSC) Malaysia sehingga lapan bulan pertama tahun ini saja dilaporkan menerima komitmen pelaburan baru berjumlah kira-kira RM2 bilion. Daripada jumlah itu, 85 peratus adalah pelaburan asing, manakala 15 peratus lagi pelaburan tempatan. Di kalangan pelaburan asing berkenaan, ia termasuk oleh 12 syarikat multinasional terkemuka membabitkan operasi penyumberan luar, pusat pembangunan atau pusat perkhidmatan bagi menyokong operasi global mereka. Eksport syarikat berstatus MSC Malaysia meningkat 19 peratus kepada RM4.25 bilion dalam tempoh Januari hingga Jun tahun ini berbanding RM3.57 bilion dalam tempoh sama tahun lalu. Perniagaan itu terdiri daripada pelbagai perkongsian perkhidmatan dan aktiviti penyumberan luar daripada Penyumberan Luar Proses Perniagaan (BPO), Penyumberan Luar IT (ITO) hingga kepada Penyumberan Luar Proses Pengetahuan (KPO).

Setakat akhir tahun lalu, ada 2,088 syarikat berstatus MSC Malaysia yang beroperasi di seluruh negara. Daripada jumlah itu, 1,605 adalah syarikat tempatan manakala 424 syarikat asing dan bakinya terdiri daripada syarikat usaha sama tempatan dan asing. Sebanyak 1,556 syarikat berstatus MSC Malaysia terbabit dalam sektor teknologi maklumat, 233 dalam bidang multimedia kreatif, 192 syarikat penyumberan luar perkhidmatan perkongsian (SSO) dan 107 terbabit dalam sektor inkubator. Sebagai tahun kedua Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMK10), maka 2012 menjadi tahun penting untuk melaksanakan dasar dan aktiviti dalam bidang yang dikenal pasti menerusi Program Transformasi Ekonomi (ETP) dan Model Baru Ekonomi (MBE). Susulan itu, Malaysia perlu mengamalkan dasar mesra pasaran, membina tenaga kerja mahir bingkas serta produktif, memiliki perusahaan berdaya saing ketika mempelopori bidang teknologi dan inovasi. Rata-rata peserta dalam industri teknologi menzhirkir bahawa keyakinan perniagaan dan pengguna harus dikekalkan pada tahap tertinggi, selain mewujudkan persekitaran ekonomi berdaya saing dengan negara lain untuk menarik sebahagian daripada pelaburan langsung asing (FDI). Pengarah Eksekutif, PricewaterhouseCoopers Taxation Services Sdn Bhd, Farah Rosley, berkata antara cadangan adalah dengan memberikan pengiktirafan dan manfaat kepada syarikat tempatan yang berjaya menembusi pasaran luar negara ataupun yang terus dapat berkembang ke tahap seterusnya dengan menghasilkan produk yang lebih kreatif dan inovatif. "Ini secara langsung membuka mata dunia kepada Malaysia dan seterusnya menggalakkan pelaburan asing ke dalam negara. "Syarikat tempatan yang berdaya saing dan inovatif akan membuka peluang pekerjaan dan membantu mengembangkan ekonomi Malaysia," katanya. Teknologi hijau ialah aplikasi sains alam sekitar untuk memulihara sumber dan alam semula jadi bagi menangani impak negatif aktiviti manusia. Ia juga mempunyai potensi besar dalam memacu pembangunan negara. Industri yang menggunakan atau membangunkan produk berhubung teknologi hijau dapat menyediakan peluang pekerjaan untuk masyarakat tempatan.

Presiden Negara Malaysia Bagi Schneider Electric, Peter Cave, berkata kerajaan perlu terus memberi perhatian kepada sektor itu dalam bajet kali ini, khususnya dengan melancarkan lebih banyak inisiatif bagi merangsang syarikat tempatan bergiat dalam bidang itu. Katanya, inisiatif hijau yang diperkenalkan sebelum ini berjaya mencetuskan kesedaran di kalangan peserta industri, namun ia perlu diperluaskan bagi menggalakkan amalan pengurusan penggunaan tenaga lebih baik, sekali gus membantu merangsang pertumbuhan ekonomi negara.

## **BERITA HARIAN** **online**

**Rabu, 5 Oktober, 2011 - RM2 juta hentikan perhimpunan BERSIH**

KUALA LUMPUR: Polis Diraja Malaysia (PDRM) membelanjakan lebih RM2 juta bagi menghentikan perhimpunan haram Gabungan Pilihan Raya Bersih dan Adil (BERSIH) pada 9 Julai lalu. Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Hishammuddin Hussein berkata, PDRM juga menugaskan 11,046 pegawai dan anggota bagi menjaga keselamatan di sekitar Lembah Klang. "Jumlah itu termasuk 2,600 orang yang dikerah untuk bersiap sedia di kontinen seluruh negara dan akan dipanggil jika keadaan memerlukan. "Polis juga terpaksa membuat persiapan rapi yang memerlukan perbelanjaan bagi perolehan kelengkapan tambahan, makan minum, penginapan dan keperluan logistik lain," katanya dalam jawapan bertulis kepada Teresa Kok (DAP-Seputeh) di Dewan Rakyat semalam. Kok ingin mengetahui bilangan anggota polis yang ditugaskan bermula 6 hingga 9 Julai lalu dan kos perbelanjaan digunakan sepanjang operasi menghentikan perhimpunan BERSIH. Sementara itu, akta Buang Negeri 1959 dimansuhkan kerana akta berkenaan sudah lapuk dan tidak berguna lagi sekarang, menurut Rang Undang-Undang Akta Buang Negeri (Pemansuhan) 2011 yang diedarkan di Parlimen, semalam. Bagaimanapun, pemansuhan akta itu tidak menjelaskan sebarang waran, perintah, arahan atau surat cara lain, atau penahanan yang sudah dikeluarkan atau dibuat di bawah akta berkenaan sebelum tarikh pemansuhan mula dikuatkuasakan. "Rang Undang-Undang ini tidak akan membabitkan kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan, menurut rang undang-undang itu. Datuk Seri Najib Razak kelmarin mengemukakan dua usul, iaitu Rang Undang-Undang Kediaman Terhad (Pemansuhan) 2011 dan Rang Undang-Undang Buang Negeri (Pemansuhan) 2011 untuk bacaan kali pertama di Dewan Rakyat. Perdana Menteri dalam perutusan khas sempena sambutan Hari Malaysia baru-baru ini, turut mengumumkan kerajaan akan memansuhkan Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960 (ISA) dan menggubal dua undang-undang baru. Dua akta baru itu akan dibentangkan di Dewan Rakyat pada sesi Mac tahun depan dan ISA akan dimansuhkan sebaik saja kedua-dua akta baru terbabit diluluskan.

## **BERITA HARIAN** **online**

**Rabu, 5 Oktober, 2011 - GTP hapus jenayah diiktiraf**

USAHA kerajaan dalam mengurangkan jenayah seperti dirangka dalam Program Transformasi Kerajaan (GTP) di bawah Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) sudah mula menampakkan kesan. Ini berdasarkan kedudukan Malaysia yang berada di tangga yang lebih baik seperti yang ditunjukkan dalam beberapa indeks dan kaji selidik yang dijalankan sama ada di peringkat antarabangsa dan kebangsaan. Walaupun ia agak perlahan, namun apa yang jelas adalah perubahan sudah mula boleh dilihat selain pengiktirafan yang diberikan. INSTITUTE for Economics and Peace (IEP) yang berpangkalan di Sydney, Australia, melalui Global Peace Index yang diumumkan pada Mei lalu, meletakkan Malaysia berada di kedudukan negara paling selamat di Asia Tenggara dan keempat paling selamat di Asia Pasifik selepas New Zealand, Jepun dan Australia. Selain itu, Malaysia juga diisyiharkan sebagai negara ke-19 paling selamat dan aman daripada 153 negara di dunia. Pengurus Penyelidik IEP, Daniel Hyslop, berkata indeks berkenaan mengandungi 23 petunjuk kualitatif dan kuantitatif dengan data adalah daripada sumber boleh dipercayai seperti Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, Program Data Konflik Upsala, International Institute for Strategic Studies dan SIPRI. Bagi memastikan keputusan tidak memihak, Hyslop berkata, markah disemak oleh panel pakar dari pelbagai bidang dan negara dan data mereka sentiasa dikemas kini. Kejayaan GTP dalam mengurangkan jenayah juga boleh dilihat melalui Global Competitiveness Report (GCR) 2011-2012 yang diterbitkan Forum Ekonomi Dunia pada awal September lalu di mana dari segi daya saing, Malaysia secara keseluruhan berada di tangga ke-21 berbanding 26 untuk tempoh 2010-2011.

Kedudukan ini adalah berbanding 142 negara dengan pencapaian indeks skor lebih tinggi iaitu 5.08 peratus berbanding 4.88 peratus untuk tempoh 2010-2011 (skor maksimum 7) yang menggambarkan asas ekonomi Malaysia yang kukuh dan perubahan positif dalam persepsi responden. Berdasarkan laporan GCR juga, kos perniagaan terhadap jenayah dan keganasan menunjukkan Malaysia meningkat 30 tangga daripada 93 tahun lalu kepada 63 tahun ini. World Justice Project Rule of Law Index 2011 pula meletakkan Malaysia di kedudukan nombor satu di kalangan 19 negara berpendapatan tinggi-pertengahan dari segi keselamatan, menjadikan negara ini setaraf dengan Perancis dan Belgium. Secara keseluruhan, Malaysia berada di kedudukan 12, satu tangga di atas Amerika Syarikat yang berada di tangga ke-13 dan Britain di tangga ke-14. World Justice Project Rule of Law Index dikira berdasarkan pelaksanaan dan penguatkuasaan undang-undang dan kesannya kepada kehidupan penduduk dan laporan itu menunjukkan Malaysia mendapat mata 1 untuk keberkesanan konflik dalaman dan 0.5 terhadap ketidakhadiran jenayah dan orang ramai tidak terbabit dalam keganasan. Sementara itu, statistik Insurance Services Malaysia terhadap tuntutan kehilangan kenderaan menunjukkan penurunan sebanyak 9.4 peratus pada tahun 2010 berbanding tahun 2009 yang mana pada tahun 2009 jumlah yang dicatatkan adalah 42,136 manakala pada tahun lalu adalah 38,897. Penurunan ini dilihat sejajar dengan keutamaan Polis Diraja Malaysia dalam membendung jenayah curi motosikal, pecah rumah dan curi kereta. Kajian dijalankan Jabatan Komunikasi Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) yang dibentangkan baru-baru ini pula menunjukkan kebimbangan masyarakat terhadap kegiatan jenayah berkurang kepada 21 peratus berbanding 33 peratus yang dicatatkan tahun lalu. Penyelaras kajian itu, Prof Datuk Seri Dr Syed Arabi Idid, menjelaskan kajian membabitkan 1,647 responden berumur lebih 21 tahun yang dipilih secara rawak di seluruh negara termasuk Sabah dan Sarawak meliputi kawasan bandar dan luar bandar.

**Kesedaran awam meningkat.** KESEDARAN di kalangan orang awam dalam usaha memerangi jenayah pada masa ini adalah semakin meningkat kerana orang awam dilihat tidak lagi bertoleransi dengan kejadian jenayah. Naib Pengerusi Yayasan Pencegahan Jenayah Malaysia (MCPF), Tan Sri Lee Lam Thye, berkata pihaknya mengalui-alukan perkembangan ini dan ingin melihat kebimbangan masyarakat terhadap jenayah diterjemahkan dengan menyertai dan terbabit dalam program pencegahan dan aktiviti dianjurkan pihaknya. "Kita mahu lebih ramai lagi rakyat Malaysia tampil untuk mengambil bahagian dalam program dan aktiviti pencegahan jenayah sama ada dianjurkan Persatuan Penduduk di kawasan mereka, Kesatuan Sekerja atau NGO lain bagi meningkatkan kesedaran dan apa yang boleh dan patut dilakukan untuk mencegah jenayah," katanya. Pihak polis pada masa sama perlu berusaha lebih untuk memperbaiki kaedah berkomunikasi kerana ini penting untuk meningkatkan interaksi mereka dengan orang awam terutama dalam keadaan yang sukar juga bagi menjamin silaturahim lebih baik.

**Strategi jangka panjang banteras jenayah berkesan.** INISIATIF GTP terutama NKRA mengurangkan jenayah yang dilaksanakan Malaysia adalah sesuatu yang amat menarik kerana ia adalah satu kaedah dalam mencari pendekatan lebih baik untuk rakyat dan negara terus maju ke hadapan. Pengerusi Zaffyre International, Margot Cairnes, berkata ini menunjukkan Malaysia mempunyai strategi jangka panjang yang menggabungkan elemen utama dalam perniagaan, kerajaan dan komuniti. "Ia jarang dilakukan banyak pihak. Ia adalah rakyat Malaysia bertindak terhadap negara mereka dalam dunia yang penuh dengan perubahan. Ia berkenaan melakukan sesuatu ke arah yang lebih baik untuk membawa semua pihak ke hadapan," katanya dalam satu temu bual ketika diminta pandangannya sebagai orang luar mengenai program transformasi yang sedang dilaksanakan kerajaan. Zaffyre International adalah firma antarabangsa yang mengkhusus dalam transformasi. Firma ini membantu kerajaan, sektor korporat dan komuniti mengawal persekitaran mereka melalui perancangan dan melaksanakan transformasi bagi memperbaiki kehidupan mereka yang terbabit, meningkatkan kejayaan strategik dan membangunkan komuniti. Cairnes berkata, semua orang mahu berada dalam persekitaran yang selamat. "Golongan peniaga mahu melabur di negara yang selamat dari segi jenayah dan politik. Ibu bapa mahu membesarkan anak mereka di tempat yang selamat. Warga emas mahu tinggal di tempat di mana mereka boleh berasa selamat apabila berada di jalan," katanya. Inisiatif yang dilaksanakan di sekitar NKRA mengurangkan jenayah dapat dilihat sebagai sesuatu yang pintar, insaniah dan penting untuk kebaikan rakyat Malaysia dan juga dari segi ekonomi, katanya.

Alam

PERBADANAN Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) akan bekerjasama dengan 11 pemaju harta tanah, termasuk i-City Properties Sdn Bhd dan IJM Properties bagi membina persimpangan bertingkat baru bernilai RM58 juta di Shah Alam yang dijangka siap pada Disember 2013. Pengurus Besar PKNS, Othman Omar, berkata persimpangan bertingkat sepanjang dua kilometer itu akan menghubungkan Lebuh Raya Persekutuan bermula di Plaza Tol Sungai Rasah dengan kawasan pembangunan Seksyen 7, Shah Alam. Katanya, kemudahan baru itu nanti akan mengatasi masalah kesesakan lalu lintas yang semakin meruncing berikutan pembangunan pesat selain daripada memberi impak kepada pertumbuhan di sekitar kawasan terbabit. "Pembinaan struktur utama projek persimpangan bertingkat itu akan dimulakan Januari depan," katanya selepas majlis pecah tanah projek itu di Shah Alam, semalam. Othman berkata, daripada anggaran kos pembinaan berjumlah RM58 juta itu, lebih RM40 juta akan dibiayai pemaju harta tanah yang terbabit, manakala selebihnya oleh kerajaan negeri menerusi Perbadanan Menteri Besar (MBI). "Kos yang dinyatakan itu tidak termasuk yuran akses dan kos penyelenggaraan," katanya. Projek yang dilaksanakan PKNS itu bakal memberi kesan positif kepada sosioekonomi penduduk di Seksyen 7 yang berkeluasan 670.8 hektar termasuk kawasan penempatan, kawasan perindustrian dan institusi pengajian tinggi. Ia pada asalnya dicadangkan i-City Properties Sdn Bhd yang bertindak sebagai pemaju di kawasan pembangunan berhampiran Plaza Tol Sungai Rasah. Apabila persimpangan bertingkat itu beroperasi, ia akan mengurangkan bebanan trafik daripada lebih 3,000 kepada 2,000 kenderaan sehari di sebahagian jajaran sepanjang Persiaran Kayangan, Persimpangan Permai, Lebuh Keluli dan Persiaran Bestari.

KERJA menaik taraf Kompleks Bangunan Parlimen membabitkan kos keseluruhan RM520 juta dan projek itu akan dilaksanakan secara konvensional melalui tiga fasa sehingga pertengahan 2015. Menteri Kerja Raya, Datuk Shaziman Abu Mansor berkata, fasa pertama membabitkan kerja membaik pulih Dewan Serbaguna yang kini menjadi Dewan Persidangan sementara, serta pembinaan blok baru Pejabat Pentadbiran Parlimen setinggi tiga tingkat dengan keluasan 9,000 meter persegi. Katanya, kerja membaik pulih Dewan Serbaguna bermula 28 Mac dan siap 5 September lalu membabitkan kos RM31 juta, iaitu meningkat RM3 juta berbanding kontrak asal RM28 juta. "Pembinaan blok baru Pejabat Pentadbiran Parlimen akan dimulakan Jun tahun depan membabitkan anggaran kos RM92 juta," katanya menjawab soalan Sim Tong Him (DAP-Kota Melaka), semalam.

KUALA LUMPUR: Kerajaan mampu merealisasikan segala perancangan Bajet 2012 yang menyaksikan banyak faedah dan bantuan akan diberikan kepada semua lapisan masyarakat, kerana sudah membuat kajian mendalam serta terperinci dari segi pelaksanaannya, kata Menteri Kewangan II, Datuk Seri Ahmad Husni Mohamad Hanadzlah. Beliau berkata, kerajaan mesti memiliki kemampuan kewangan diperlukan sebelum memuktamadkan belanjawan negara untuk pembentangan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, termasuk memastikan dari segi sumber pendapatan dan juga perbelanjaan terbabit. "Ketika menyediakan belanjawan, kita melihat kepada semua anggota masyarakat dan bentuk belanjawan yang harus kita berikan kepada mereka. Perdana Menteri sudah menyuarakan hasrat mendahuluikan rakyat ketika mula memegang tampuk kepemimpinan negara lagi, dan sekarang kita nampak kemuncak ilham beliau," katanya di lobi Parlimen, semalam. Ketika ditanya mengenai kesan senario ekonomi global yang tidak menentu terhadap pelaksanaan Bajet 2012 nanti, Ahmad Husni berkata, Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) meliputi penggunaan, pelaburan swasta, perbelanjaan kerajaan dan eksport bersih.

"Dalam konteks krisis global yang berlaku di Amerika Syarikat, Eropah dan Jepun, jika ia menjelaskan pun, ia akan menjelaskan dari segi eksport kita. Jadi, kita perlu bergantung kepada penggunaan, pelaburan swasta dan perbelanjaan kerajaan, jadi ini yang kita tumpukan," katanya sambil percaya sasaran KDNK untuk 2012 mampu dicapai. Mengenai dakwaan pembangkang bahawa Bajet 2012 adalah untuk memancing undi pilihan raya umum (PRU) akan datang pula, beliau berkata: "PRU kita tahu paling lewat Mac 2013, sama ada ia dipercepat atau sehingga tempoh maksimum, hanya Perdana Menteri yang tahu. Namun dari segi penyediaan belanjawan, kita melihat dalam suasana ekonomi global yang sekarang berdepan dengan krisis," katanya.

## **BERITA HARIAN online**

**Sabtu, 8 Oktober, 2011 - MTUC hampa tiada banyak keistimewaan**

KUALA LUMPUR: Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC) hampa dengan pembentangan Bajet 2011 semalam yang dikatakan tidak banyak memberi keistimewaan kepada pekerja swasta di negara ini. Presidennya, Mohd Khalid Atan, berkata berikutan itu pihaknya akan mengadakan perbincangan di kalangan ahli kesatuan sebelum berunding dengan kerajaan bagi mencari jalan terbaik menyeimbangkan kebijakan pekerja swasta dengan apa dinikmati penjawat awam. "Bagaimanapun ada perkara yang boleh dibanggakan pekerja iaitu kenaikan satu peratus caruman majikan dalam Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) selain usia persaraan dinaikkan kepada 60 tahun bagi sektor awam yang dijangka dapat diterima baik oleh sektor swasta. "Namun, saya kecewa dan hampa kerana pembentangan Bajet 2011 tidak banyak menyentuh aspek kebijakan pekerja swasta. Jika sebelum ini, kami ternanti-nanti keistimewaan yang bakal diperoleh tetapi terkilan apabila banyak tuntutan kami tidak dipenuhi," katanya ketika dihubungi semalam.

Sempena Hari Pekerja pada 1 Mei lalu, MTUC mengemukakan enam tuntutan kepada Kementerian Sumber Manusia iaitu penetapan gaji minimum RM900 sebulan, mengurangkan waktu bekerja daripada 48 jam kepada 40 jam seminggu serta peningkatan usia persaraan daripada 55 kepada 60 tahun. MTUC juga mahu kerajaan memberikan faedah persaraan yang dikira berdasarkan sebulan gaji bagi setiap tahun perkhidmatan pekerja, menghapuskan sistem kerja kontrak dan mewujudkan persekitaran kerja yang selamat termasuk menyediakan pusat penjagaan kanak-kanak di tempat kerja. Berdasarkan statistik kerajaan, masih ada 34 peratus daripada pekerja menerima gaji rendah iaitu di bawah garis kemiskinan. Setakat ini jumlah ahli adalah 620,000 orang yang diwakili 272 kesatuan, namun yang aktif hanya 530,000 orang. Khalid Atan berkata, MTUC juga kecewa kerana isu elaun kos sara hidup (COLA) dan pendapatan minimum yang amat dinantikan pekerja swasta tidak disentuh sedangkan harga barang keperluan semakin meningkat. "Apa yang saya lihat Bajet 2011 kali ini lebih mengutamakan penjawat awam, sebaliknya pekerja swasta yang turut menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi dan kemajuan negara dipinggirkan," katanya.

## **BERITA HARIAN online**

**Sabtu, 8 Oktober, 2011 - Peruntukan RM320 juta bantu kegiatan belia**

KUALA LUMPUR: Peruntukan RM320 juta dan sumbangan pengupayaan untuk Majlis Belia Negeri dan daerah bagi melaksanakan pelbagai program kepemimpinan, daya tahan dan keusahawanan dilihat sebagai tepat pada masanya untuk terus memperkasa golongan belia di negara ini. Presiden Majlis Belia Malaysia (MBM), Mohamad Maliki Mohamad Rafiee berkata, langkah itu selaras dengan kehendak serta misi MBM dalam melahirkan lebih ramai pemimpin muda yang mempunyai daya kepemimpinan tinggi supaya mereka mampu menongkah arus moden pada hari ini. "Kita mengalau-alukan saranan kerajaan untuk terus memberi keyakinan kepada belia di negara ini dalam pelbagai bentuk terutama peruntukan bagi persatuan menjalankan aktiviti dan sebarang latihan kepemimpinan. "Apa yang kita harapkan, peruntukan yang diberikan dapat digunakan sebaik mungkin oleh semua pemimpin dan penggerak belia di seluruh negara bagi memastikan misi utama untuk membantu kerajaan dalam memperkasakan kepemimpinan belia tercapai," katanya ketika dihubungi semalam. "Melalui Bajet 2012 itu kita boleh lihat banyak peruntukan disalurkan kepada golongan yang benar-benar memerlukan termasuk pemansuhan RM150 juta terhadap bayaran kokurikulum, kertas ujian dalaman, yuran Majlis Sukan Sekolah-Sekolah Malaysia, dan insurans takaful kepada semua pelajar sekolah rendah dan menengah," katanya.

Sementara itu, Timbalan Presiden Majlis Belia Selangor, Badrul Hisham Badruddin berkata, Bajet 2012 dibentangkan Perdana Menteri bersifat menyeluruh kepada semua lapisan belia. "Kerajaan juga tidak lupa kepada belia yang tercicir di dalam pembelajaran dengan mewujudkan program strategik untuk belia 1Malaysia atau Strategic Action for Youth (SAY) untuk membela rakyat dan mensejahterakan negara. "Belia diberi persediaan kemahiran atau soft skills dikendalikan Kolej Komuniti, Institusi Kemahiran Mara, Institusi Latihan Perindustrian dan Giat Mara," katanya.

## **BERITA HARIAN online**

**Sabtu, 8 Oktober, 2011 - Bajet paling inklusif bantu tangani inflasi**

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Najib Razak semalam membentangkan Bajet 2012, iaitu pelan kewangan lengkap dianggap paling inklusif yang memberi manfaat kepada semua rakyat dalam menangani kesan inflasi. Pada masa sama, bajet ke-54 itu dirangka bagi memastikan negara kekal dalam landasan pertumbuhan dan kesejahteraan jangka panjang. Bertemakan 'Dasar Transformasi Nasional: Bajet Membela Rakyat, Mensejahterakan Negara' dengan peruntukan RM232.8 bilion berbanding RM212 bilion tahun lalu itu, disasarkan bagi melaksanakan semua rancangan pembangunan kerajaan, termasuk projek dan program di bawah Rolling Plan Kedua, Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA), Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) dan Inisiatif Pembaharuan Strategik (SRI). Bajet transformasi yang cuma membabitkan satu kenaikan cukai itu dibentuk sejarah dengan lima tumpuan utama iaitu meligatkan pelaburan; mengungguli modal insan, mencernakan kreativiti dan mencetuskan inovasi; program transformasi luar bandar; memperkejap perkhidmatan awam dan meredakan inflasi dan mengimarah kehidupan rakyat. Perdana Menteri dalam ucapan pembentangannya di Dewan Rakyat berkata, bajet berkenaan mendakap segenap taraf sosioekonomi rakyat kerana tidak meninggalkan golongan yang berpendapatan rendah, menengah atau tinggi serta tidak pula meminggirkan mereka yang tinggal di bandar dan desa. "Hakikatnya, Malaysia adalah negara yang berjaya.

Dalam masa yang singkat kita sudah mengubah wajah daripada sebuah watan pertanian berpendapatan rendah menjadi negara perindustrian moden berpendapatan sederhana tinggi. "Sesungguhnya kejayaan ini tidak datang bergolek dan tidak terhidang di atas dulang emas. Ia hasil ikatan kerajaan dan rakyat yang bersama memecah ruyung ketidakyakinan dan dogma dengan bertunjangkan perancangan sistematik dan pelaksanaan berkesan," katanya. Bagi meligatkan pelaburan, Perdana Menteri menggariskan enam inisiatif utama, iaitu meliberalisasi 17 subsektor perkhidmatan, pelaksanaan Rolling Plan Kedua berjumlah RM98.4 bilion, pengurusan nilai bagi projek baru bernilai RM50 juta ke atas, Dana Mudahcara perkongsian awam-swasta (PPP) dengan peruntukan RM2.5 bilion, pembangunan Lima Wilayah Koridor (RM978 juta), Paket Rangsangan Khas (RM6 bilion). Bagi mengungguli modal insan, mencerna kreativiti dan mencetus inovasi, Najib mengumumkan 2012 sebagai tahun Gerakan Inovasi Nasional dan bagi menjayakan hasrat itu, kerajaan sudah mengatur beberapa inisiatif strategik dengan peruntukan RM100 juta. Bagi Program Transformasi Luar Bandar (RTP), Najib berkata, ia direncana untuk menransformasi kawasan luar bandar supaya mampu menarik pelaburan swasta, menyediakan peluang pekerjaan dan kegiatan ekonomi serta menggalakkan generasi muda kembali berkhidmat.

## **BERITA HARIAN online**

**Sabtu, 8 Oktober, 2011 - Dasar fiskal negara 2012 kekal berhemat**

DASAR fiskal negara bagi 2012 akan kekal berhemat dan menyokong pertumbuhan ekonomi dengan jumlah perbelanjaan kerajaan pusat pada 2012 dijangka stabil sebanyak RM230.8 bilion. Sejak peningkatan aktiviti ekonomi, prestasi perusahaan awam bukan kewangan (PABK) dan syarikat berkaitan kerajaan (GLC) yang lebih baik serta kutipan cukai lebih tinggi, hasil kerajaan pusat dijangka meningkat kepada RM186.9 bilion. Ini memberi kekuatan kepada kerajaan terus memperteguhkan kedudukan fiskal dengan defisit fiskal kerajaan pusat dianggar berkurangan ketara kepada 4.7 peratus daripada keluaran dalam negara kasar (KDNK) pada 2012. Bajet 2012 akan memperhebatkan usaha meningkatkan daya saing ekonomi negara melalui pelaksanaan inisiatif pembaharuan dan menggalakkan pertumbuhan inklusif dan mampar.

Justeru, sejumlah besar peruntukan disediakan untuk program NKRA (RM7.4 bilion), NKEA (RM4 bilion) dan SRI (RM121.5 juta) yang menjadi langkah penting untuk mengerakkan Malaysia ke arah negara maju berpendapatan tinggi. Bajet 2012 akan melaksanakan program dan projek yang mampu bertindak berkesan menangani isu peningkatan kos sara hidup, menjamin kesejahteraan rakyat, merangsang pertumbuhan ekonomi luar bandar serta mempercepat pelaburan swasta. Aktiviti inovasi akan digalakkan menjadi sebahagian budaya rakyat, manakala pelaburan pembangunan sumber manusia berkualiti akan terus diperkuuhkan. Perkhidmatan awam akan dimantapkan menerusi pembaharuan komprehensif yang sedang dilaksanakan supaya menjadi lebih cergas dan responsif. Perbelanjaan mengurus dijangka kekal stabil dan berkembang perlahan 0.7 peratus kepada RM181.6 bilion sejajar usaha memastikan sasaran fiskal bagi 2012 tercapai. Peruntukan untuk inisiatif pembaharuan di bawah NKRA, NKEA dan SRI berjumlah RM1.6 bilion, emolumen (RM52 bilion), bayaran khidmat hutang (RM20.5 bilion), bekalan dan perkhidmatan (RM30.5 bilion) dan geran kepada badan berkanun (RM14.5 bilion). Selain itu, bayaran subsidi (RM22.5 bilion), geran dan pindahan kepada kerajaan negeri (RM5.8 bilion), perolehan aset (RM1.1 bilion). Perbelanjaan pembangunan pula diperuntukkan RM49.2 bilion atau 21.3 peratus daripada jumlah perbelanjaan. Peruntukan turut disediakan untuk NKRA infrastruktur asas luar bandar (RM5.1 bilion) dan pengangkutan awam bandar (RM1 bilion).

## **BERITA HARIAN online**

**Sabtu, 8 Oktober, 2011 - Momentum ekonomi meningkat**

EKONOMI Malaysia terus berkembang, walaupun berdepan persekitaran luar lebih mencabar dengan Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) benar mencatat pertumbuhan 4.4 peratus dalam tempoh separuh pertama 2011. Pertumbuhan sederhana ini disebabkan eksport yang perlahan berikutan prestasi ekonomi Amerika Syarikat (AS) lebih rendah daripada jangkaan, krisis hutang berdaulat euro yang semakin berlarutan, gangguan rantaian bekalan kesan daripada gempa bumi dan tsunami di Jepun serta peningkatan inflasi global. Pertumbuhan sederhana ini juga disebabkan sebahagiannya oleh kesan asas pertumbuhan ekonomi yang tinggi memandangkan KDNK berkembang pada kadar yang kukuh sebanyak 9.5 peratus dalam tempoh sama 2010. Bagaimanapun, momentum pertumbuhan dijangka meningkat dalam separuh kedua 2011, dipacu penggunaan swasta yang berdaya tahan dan pelaburan swasta yang kukuh. Pertumbuhan ini juga akan disokong projek infrastruktur awam yang rancak serta eksport komoditi dan barang pembuatan sumber yang kekal kukuh. Justeru, ekonomi Malaysia dianggar berkembang pada kadar lima peratus hingga 5.5 peratus pada 2011 (2010: 7.2 peratus). Dari sudut permintaan, pertumbuhan ekonomi akan disokong perbelanjaan pengguna yang mampan diperkuuh oleh aktiviti pelaburan yang teguh. Perbelanjaan pengguna dijangka mencatat pertumbuhan kukuh disokong peningkatan pendapatan isi rumah dan keadaan pekerjaan yang stabil. Sementara itu, pelaburan swasta dijangka terus kukuh dirangsang peluang perniagaan daripada pelaksanaan inisiatif di bawah Program Transformasi Ekonomi (ETP) dan pelaburan berterusan dalam industri berkaitan teknologi, perkhidmatan dan berasaskan sumber. Aliran masuk pelaburan langsung asing (FDI) yang rancak dalam tempoh separuh pertama 2011 (RM21.2 bilion) dijangka berterusan dengan pelaksanaan beberapa inisiatif utama kerajaan seperti insentif cukai dan langkah liberalisasi menarik pelaburan, terutama dalam sektor minyak dan gas serta perkhidmatan. Perbelanjaan awam dijangka terus menyokong aktiviti ekonomi dengan pengembangan perbelanjaan modal oleh Perusahaan Awam Bukan Kewangan (PABK). Seiring perkembangan aktiviti ekonomi pada 2011, pendapatan negara seperti diukur berdasarkan Pendapatan Negara Kasar dianggar berkembang 10.9 peratus kepada RM820.2 bilion dengan pendapatan perkapita meningkat 9.7 peratus kepada RM28,725 (2010: 11.1 peratus; RM739.5 bilion, 9.7 peratus; RM26,175).

PERUNTUKAN RM30 juta untuk melatih dan mengasah atlit bagi pembangunan dan kemajuan sukan prestasi tinggi membuktikan keprihatinan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak sebagai peminat sukan nombor satu negara. Ketua Pengarah Majlis Sukan Negara (MSN), Datuk Zolkples Embong berkata, ini adalah pertama kali pihaknya menerima peruntukan itu, sekali gus membuktikan kerajaan prihatin terhadap pembangunan dan kemajuan sukan negara. "Saya bagi pihak MSN berterima kasih kepada Perdana Menteri dan kita akan menggunakan peruntukan ini untuk program pembangunan di peringkat akar umbi bagi memastikan negara mampu melahirkan lebih ramai bakat berpotensi untuk mencorakkan masa depan sukan negara." Ingin saya tegaskan di sini, kami tidak akan menggunakan peruntukan ini untuk program 'Road To London' kerana program itu sudah mempunyai bajet khusus," katanya mengulas Belanjawan 2012 yang diumumkan semalam. Selain peruntukan itu, Perdana Menteri turut mengumumkan RM50 juta bagi pembinaan padang tiruan di beberapa lokasi terpilih seluruh negara serta RM15 juta lagi untuk membina 150 padang futsal dalam program 'satu mukim satu padang futsal'. Sementara itu, Setiausaha Kehormat Majlis Olimpik Malaysia (MOM), Datuk Sieh Kok Chi turut menyambut baik peruntukan itu yang disifatkan perlu bagi membangunkan dan memajukan sukan di peringkat akar umbi. "Kita harus segera mencari lebih ramai bakat di peringkat akar umbi untuk diasah dan dibimbing demi menjamin kelangsungan sukan negara pada masa depan," katanya.

PERTUMBUHAN ekonomi Malaysia pada 2012 akan dipacu permintaan domestik berikutan ketidaktentuan ekonomi global yang semakin mencabar. Walaupun persekitaran luar yang tidak menentu akan memberi kesan kepada prospek 2012, asas ekonomi kukuh seiring dasar pengurusan makroekonomi pragmatik serta pelaksanaan Program Transformasi Ekonomi (ETP) akan meningkatkan sumber pertumbuhan ekonomi dalam negara. Permintaan domestik, terutama perbelanjaan sektor swasta dijangka memainkan peranan penting memacu perkembangan ekonomi pada 2012. Sektor awam akan terus menyokong pertumbuhan dengan perbelanjaan modal oleh Perusahaan Awam Bukan Kewangan (PABK) lebih tinggi. Kerajaan akan terus menyediakan persekitaran kondusif bagi membantu pelaburan swasta dengan melaksanakan inisiatif utama di bawah Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) dan Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA). Dari sudut sektor luar, pengukuhan permintaan domestik rantau Asia dan peningkatan perdagangan antara serantau akan menyokong eksport Malaysia. Justeru, pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) benar Malaysia dijangka kekal pada kadar lima hingga enam peratus pada 2012, mengambil kira pertumbuhan ekonomi dunia sederhana dan kegiatan perdagangan antara serantau yang kekal kukuh, selain pemulihan eksport elektrik dan elektronik negara serta harga komoditi yang teguh. Berdasarkan sektor, perlombongan dijangka kembali pulih dengan pengeluaran dianggar kembali pada paras normal pada 2012, di sokong pengeluaran minyak mentah dan gas asli lebih tinggi. Sektor itu dijangka berkembang 2.5 peratus pada 2012 (2011: -2.4 peratus). Sektor pembinaan diunjur meningkat tujuh peratus tahun depan (2011: 3.4 peratus), disokong pembinaan projek infrastruktur besar, terutama projek aliran MY Rapid Transit (MRT) Sungai Buloh-Kajang serta projek Sungai Nadi Kehidupan.

**Sabtu, 8 Oktober, 2011 - Dana PKS syariah RM2b diwujud**

SEBUAH Dana Pembentangan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) berlandaskan syariah berjumlah RM2 bilion akan diwujudkan pada 2012 bagi meningkatkan lagi sumbangan sektor itu kepada pertumbuhan ekonomi. Dana yang akan dibiayai dua peratus kadar keuntungannya oleh kerajaan itu akan dikendalikan bank Islam terpilih. Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak dalam pembentangan Bajet 2012 semalam berkata, PKS menyumbang kira-kira 31 peratus kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) Malaysia, 56 peratus kepada tenaga kerja dan 19 peratus kepada eksport negara. Najib berkata, bagi membantu memulihkan PKS bermasalah, tetapi berpotensi dimajukan, kerajaan akan juga menyediakan RM100 juta bagi Dana Mempergiat PKS yang akan menawarkan pinjaman mudah hingga maksimum RM1 juta bagi usahawan menggiatkan semula perniagaan mereka. Dana ini akan diuruskan SME Bank dan akan ditawarkan mulai Januari 2012. Katanya, Dana Kecemasan PKS berjumlah RM10 juta juga akan diwujudkan untuk membantu PKS yang terjejas oleh bencana alam. Beliau berkata, dana itu akan disalurkan kepada PKS dalam bentuk geran dan pinjaman mudah melalui SME Corp dan Malaysian Industrial Development Finance Bhd (MIDF). Skop pembiayaan dana akan meliputi pembelian mesin dan peralatan bagi menggantikan mesin dan peralatan yang musnah dalam bencana alam itu, membeli bahan mentah dan membaik pulih premis masing-masing, katanya. Najib berkata, bagi membolehkan PKS mengkomersialkan hasil penyelidikan mereka, Kerajaan akan mewujudkan Dana Inovasi Pengkomersialan berlandaskan syariah berjumlah RM500 juta dengan margin keuntungan yang menarik. Dana ini akan membiayai PKS yang produknya telah melalui proses perakuan pengkomersialan pasaran. Berkuat kuasa 2012, dana ini ditawarkan di bank-bank Islam, dengan pembiayaan dua peratus kadar keuntungan dana oleh Kerajaan. Sementara itu, bagi menyokong pembangunan industri francais tempatan, kerajaan akan memberikan potongan cukai bagi yuran francais yang ditanggung francais.

**Sabtu, 8 Oktober, 2011 - RM30 juta untuk atlit sukan prestasi tinggi**

PERUNTUKAN RM30 juta untuk melatih dan mengasah atlit bagi pembangunan dan kemajuan sukan prestasi tinggi membuktikan keprihatinan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak sebagai peminat sukan nombor satu negara. Ketua Pengarah Majlis Sukan Negara (MSN), Datuk Zolkples Embong berkata, ini adalah pertama kali pihaknya menerima peruntukan itu, sekali gus membuktikan kerajaan prihatin terhadap pembangunan dan kemajuan sukan negara. "Saya bagi pihak MSN berterima kasih kepada Perdana Menteri dan kita akan menggunakan peruntukan ini untuk program pembangunan di peringkat akar umbi bagi memastikan negara mampu melahirkan lebih ramai bakat berpotensi untuk mencorakkan masa depan sukan negara." Ingin saya tegaskan di sini, kami tidak akan menggunakan peruntukan ini untuk program 'Road To London' kerana program itu sudah mempunyai bajet khusus," katanya mengulas Belanjawan 2012 yang diumumkan semalam. Selain peruntukan itu, Perdana Menteri turut mengumumkan RM50 juta bagi pembinaan padang tiruan di beberapa lokasi terpilih seluruh negara serta RM15 juta lagi untuk membina 150 padang futsal dalam program 'satu mukim satu padang futsal'. Sementara itu, Setiausaha Kehormat Majlis Olimpik Malaysia (MOM), Datuk Sieh Kok Chi turut menyambut baik peruntukan itu yang disifatkan perlu bagi membangunkan dan memajukan sukan di peringkat akar umbi. "Kita harus segera mencari lebih ramai bakat di peringkat akar umbi untuk diasah dan dibimbang demi menjamin kelangsungan sukan negara pada masa depan," katanya.

USAHA ke arah menjadi sebuah ekonomi berpendapatan tinggi dan maju melalui beberapa inisiatif transformasi ekonomi dan kerajaan telah memberi hasil positif. Ini terbukti dalam Indeks World Economic Forum Global Competitiveness 2011-2012 yang menyaksikan kedudukan Malaysia meningkat sebanyak lima tangga ke kedudukan ke-21 daripada 142 negara. Para pelabur telah meningkatkan pelaburan mereka di Malaysia secara ketara dengan pelaburan langsung asing (FDI) berkembang hampir enam kali ganda kepada RM29 bilion pada tahun 2010, pertumbuhan yang tertinggi di Asia. Kemasukan FDI terus melonjak kukuh sebanyak 75.4 peratus. kepada RM21.2 bilion dalam tempoh enam bulan pertama 2011 berbanding RM12.1 bilion dalam tempoh sama tahun 2010. Kita akan terus menangani isu seperti modal insan, liberalisasi, kemampunan kewangan awam serta jurang ketidaksamaan pembangunan dalam usaha meningkatkan daya saing dan daya tahan negara. Kita juga akan memberikan lebih tumpuan kepada inovasi dan kreativiti serta penambahbaikan produktiviti bagi mempercepat industri meningkat ke rantai nilai yang lebih tinggi. Agenda transformasi yang dilaksanakan akan mencergas dan mengembalikan peranan sektor swasta sebagai peneraju pertumbuhan ekonomi, manakala sektor awam terus menyediakan persekitaran yang kondusif bagi membolehkan aktiviti sektor swasta berkembang pesat. Bagi memperkuuh peranan Kerajaan sebagai pemudah cara, pelbagai langkah sedang diambil untuk menjadikan perkhidmatan awam lebih cekap, fleksibel dan mengutamakan pelanggan. Kesejahteraan rakyat akan sentiasa menjadi keutamaan. Sejak tahun 2009, pelbagai usaha telah diambil bagi menangani masalah utama rakyat melalui enam Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA). Sehingga kini, kemajuan signifikan telah dicapai dalam mengurangkan kemiskinan, jenayah dan rasuah serta memperbaiki pencapaian pendidikan, pengangkutan awam bandar dan infrastruktur asas di luar bandar. Kerajaan amat prihatin dengan beban rakyat dan telah memperkenalkan NKRA yang ketujuh pada bulan Julai tahun ini bagi menangani masalah peningkatan kos sara hidup.

Cabar terhadap ekonomi Malaysia semakin meningkat sejak suku kedua 2011. Ini termasuk pertumbuhan global yang perlahan disebabkan masalah fiskal yang dihadapi Amerika Syarikat dan Eropah, pasaran kewangan antarabangsa yang tidak menentu serta kenaikan harga komoditi. Meskipun mengharungi pelbagai cabaran ini, ekonomi Malaysia terus berkembang pada kadar sederhana iaitu 4 peratus bagi tempoh suku kedua berbanding dengan 4.9 peratus dalam suku pertama 2011. Pertumbuhan ini disokong oleh permintaan domestik yang kukuh serta peningkatan eksport komoditi dan barang berdasarkan sumber. Asas makroekonomi negara kekal mampan, termasuk rizab luar negara dan tabungan negara yang kukuh serta kadar pengangguran yang rendah dan lebih dalam akaun semasa. Ekonomi Malaysia dijangka mencapai pertumbuhan pada kadar 5 peratus hingga 5.5 peratus pada tahun 2011, disokong oleh permintaan domestik yang kukuh serta pelaksanaan 12 Bidang Keberhasilan Utama Ekonomi (NKEA) dan projek Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10). Kita telah menyediakan pelbagai inisiatif untuk mempercepat transformasi negara ke arah ekonomi maju di samping meningkatkan lagi kesejahteraan rakyat. Dalam hal ini, pelaksanaan semua inisiatif yang telah dirancang dan projek RMKe10 adalah amat penting. Walaupun kita telah mencapai kemajuan yang ketara dalam pelbagai inisiatif NKEA, namun kita perlu memastikan pelaksanaan yang pantas dan berkesan, lebihlebih lagi dalam persekitaran luar yang semakin mencabar. Justeru, sektor swasta mesti komited dalam melaksanakan pelaburan mereka serta menerajui pertumbuhan ekonomi negara. Kerajaan bertekad untuk melakukan yang terbaikbagimengjadikanMalaysia sebuah ekonomi berpendapatan tinggi yang berketerangkuman. Yakinlah, tiada rakyat yang akan ketinggalan dalam usaha kita mencapai kemajuan, kemakmuran dan kualiti hidup yang lebih baik. Ini menuntut setiap rakyat untuk terus bersatu dan bekerjasama demi mencapai aspirasi negara. Bersama, kita mampu mengatasi pelbagai cabaran dan menjadi negara berpendapatan tinggi dan maju. *Dato' Sri Mohd Najib Putrajaya*

PERUNTUKAN RM30 juta untuk melatih dan mengasah atlit bagi pembangunan dan kemajuan sukan prestasi tinggi membuktikan keprihatinan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak sebagai peminat sukan nombor satu negara. Ketua Pengarah Majlis Sukan Negara (MSN), Datuk Zolkples Embong berkata, ini adalah pertama kali pihaknya menerima peruntukan itu, sekali gus membuktikan kerajaan prihatin terhadap pembangunan dan kemajuan sukan negara. "Saya bagi pihak MSN berterima kasih kepada Perdana Menteri dan kita akan menggunakan peruntukan ini untuk program pembangunan di peringkat akar umbi bagi memastikan negara mampu melahirkan lebih ramai bakat berpotensi untuk mencorakkan masa depan sukan negara." Ingin saya tegaskan di sini, kami tidak akan menggunakan peruntukan ini untuk program 'Road To London' kerana program itu sudah mempunyai bajet khusus," katanya mengulas Belanjawan 2012 yang diumumkan semalam. Selain peruntukan itu, Perdana Menteri turut mengumumkan RM50 juta bagi pembinaan padang tiruan di beberapa lokasi terpilih seluruh negara serta RM15 juta lagi untuk membina 150 padang futsal dalam program 'satu mukim satu padang futsal'. Sementara itu, Setiausaha Kehormat Majlis Olimpik Malaysia (MOM), Datuk Sieh Kok Chi turut menyambut baik peruntukan itu yang disifatkan perlu bagi membangunkan dan memajukan sukan di peringkat akar umbi. "Kita harus segera mencari lebih ramai bakat di peringkat akar umbi untuk diasah dan dibimbing demi menjamin kelangsungan sukan negara pada masa depan," katanya.

KUALA LUMPUR: Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin menyifatkan Bajet 2012 sebagai yang terbaik dalam sejarah kerana mencakupi semua aspek yang menyentuh hampir semua peringkat rakyat. Beliau berkata, dalam keadaan ekonomi tidak menentu, Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak berjaya membentangkan bajet seimbang dan meneruskan pertumbuhan ekonomi dengan sasaran mengurangkan defisit daripada 5.55 peratus kepada 4.7 peratus pada tahun depan. Katanya, kali ini ia membabitkan rakyat terutama mengurangkan beban pelbagai peringkat seperti menangani inflasi di peringkat mikro dengan mengemukakan bantuan RM500 sebulan kepada isi rumah berpendapatan bawah RM3,000 sebulan. "Peruntukkan RM1.8 billion itu sudah tentu menyentuh perasaan 3.4 juta isi rumah. Itu sejrah belanjawan negara sebab Perdana Menteri bermurah hati nak kurangkan beban rakyat. Kerajaan juga menjamin akan teruskan subsidi RM33.3 billion dan jelas ia menepati kesungguhan membantu rakyat," katanya. Muhyiddin menjelaskan, pembentangan belanjawan kali ini mencakupi semua bidang dan menyentuh hati semua peringkat rakyat seperti petani, nelayan, pekebun kecil, pesara dan pegawai kerajaan. Katanya, pendekatan kerajaan menangani masalah rakyat melalui pelbagai transformasi dianggap sebagai holistik kerana membabitkan semua lapisan masyarakat dan pelbagai bidang. "Kerajaan sentuh pelbagai isu, masalah pembangunan luar bandar dan kemudahan rakyat. Lebih 100 isi penting yang perlu dihuraikan dan itu adalah usaha terbaik membela rakyat," katanya. Selaku Menteri Pelajaran, Muhyiddin berterima kasih kepada kerajaan kerana diberi banyak peruntukkan baru dan beliau sendiri akan mengumumkan butiran terperinci pengagihan peruntukkan kepada kira-kira 480,000 guru seluruh negara pada awal November ini. Katanya, guru adalah satu pertiga daripada jumlah keseluruhan penjawat awam yang terbabit dalam usaha penambahbaikan perkhidmatan awam dan bakal menikmati skim kenaikan gaji serta peruntukkan lain. Selain itu, bantuan RM100 kepada pelajar akan diserahkan pada awal tahun membabitkan 5.6 juta pelajar, sekali gus meringankan beban keluarga berpendapatan rendah. Ditanya mengenai pemansuhan bayaran tambahan sekolah, Muhyiddin menjelaskan ia membabitkan yuran tambahan yang dikenakan pihak sekolah berjumlah hampir RM150 juta setahun dengan purata RM24 bagi setiap murid sebelum ini. "Itu tidak termasuk dalam yuran percuma sebelum ini. Sekarang kerajaan akan tanggung sepenuhnya. Kita berharap PIBG tidak kenakan apa-apa yuran tertentu tanpa merujuk kepada jabatan pendidikan negeri. Mereka tak boleh sewenang-wenangnya kutip yuran, melainkan dipersetujui dengan tujuan tertentu misalnya yuran kelas tambahan atau tuisyen," katanya. Daripada jumlah RM150 juta itu, RM72.4 juta diperuntukkan kepada lebih 2.9 juta murid sekolah rendah dan RM80 juta kepada 2.4 juta murid sekolah menengah.

Ia termasuk bayaran bagi sukan tahunan sekolah, kertas ujian, insurans takaful, kegiatan agama Islam atau moral, aktiviti kokurikulum. Mengulas dakwaan pembangkang yang menganggap ia sebagai belanjawan pilihan raya, Muhyiddin secara sinis berkata, mereka boleh berkata apa-apa saja sedangkan kerajaan tetap mengutamakan keperluan rakyat. "Mereka dakwa kita tiru idea negara berkebajikan... kita dah buat sejak 54 tahun lalu sedangkan pembangkang baru suarakan hal ini. Kerajaan BN dan lama buat kebajikan. Mereka dakwa belanjawan kerajaan BN hampir sama dengan laporan Buku Jingga. Mereka boleh janjikan apa saja, bulan dan matahari sebab mereka tidak berada dalam kerajaan dan tidak ada perasaan tanggungjawab.

## **BERITA HARIAN online**

**Sabtu, 8 Oktober, 2011 - Kakitangan awam dapat bonus**

KUALA LUMPUR: Kakitangan awam menikmati bonus setengah bulan gaji atau minimum RM500 yang akan dibayar bersama gaji Disember depan, sekali gus menjadikan sebulan bonus untuk mereka pada tahun ini. Pada Ogos lalu, mereka sudah menerima bonus setengah bulan atau minimum RM500. Kerajaan juga mengumumkan bayaran bantuan RM500 kepada pesara kerajaan, tambahan kepada RM500 yang diterima pada Ogos lalu. Ketika mengumumkannya ketika membentangkan Bajet 2012 semalam, Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, berkata ia sebagai menghargai sokongan dan komitmen penjawat awam dalam mencapai pembangunan negara. Katanya, kerajaan yakin penjawat awam akan terus mempertingkatkan kualiti perkhidmatan bagi memastikan agenda pembangunan nasional menjadi kenyataan. "Pembayaran bonus dua kali pada tahun ini akan memanfaatkan kira-kira 1.3 juta penjawat awam serta 618,000 pesara kerajaan membabitkan perbelanjaan RM4 bilion," katanya.

## **BERITA HARIAN online**

**Sabtu, 8 Oktober, 2011 - Bayaran khas RM3,000 seorang**

KUALA LUMPUR: Kerajaan semalam mengumumkan bayaran khas sebanyak RM3,000 setiap orang kepada hampir 62,000 orang bekas anggota pasukan keselamatan serta duda dan balu mereka yang pernah berkhidmat semasa zaman darurat. Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak berkata, bayaran khas sebagai mengenang jasa itu juga termasuk kepada lebih 48,000 bekas anggota polis khas dan polis tambahan yang mana jasa mereka sering dinafi dan diperlekeh sesetengah pihak ketika ini. "Kerajaan Barisan Nasional kerajaan yang mengenang budi, kita tidak akan membiarkan wirawan dan wirawati tanpa pembelaan yang sewajarnya kerana sesungguhnya, keringat dan air mata mereka serta keluarga yang membiasahi bumi bertuah ini akan terus malar dan segar dalam sanubari dan ingatan rakyat Malaysia," katanya. Najib berkata, bekas anggota keselamatan itu daripada anggota Home Guard, Special Constable, Extra Police Constable, Auxilliary Police, Women Auxilliary Police, Women Special Constable, Border Scout dan Jungle Scout. Katanya, bagi memastikan anggota tentera fokus dalam menjalankan tugas, kerajaan memperuntukkan RM500 juta menerusi program 'Army Care' untuk menaik taraf dan menyelenggarakan kem dan kuarters tentera di seluruh negara. Beliau berkata, tempat tinggal dan suasana kem selesa dapat menjadi pemangkin kepada prestasi kerja positif dalam kalangan anggota. Bagi meringankan beban 175,000 anggota tentera yang menamatkan perkhidmatan selepas berkhidmat kurang daripada 21 tahun dan tidak menerima pencen, Najib berkata kerajaan akan menyediakan program latihan khusus untuk mereka dengan dana sebanyak RM50 juta. "Program latihan khusus itu membolehkan mereka yang sudah bersara tanpa pencen menceburii bidang perniagaan serta membantu mendapatkan pekerjaan dalam sektor awam dan swasta kepada mereka yang layak," katanya. Perdana Menteri berkata, kerajaan juga akan menyediakan peruntukan khas RM200 juta dalam usaha memastikan integriti dan wibawa pasukan polis kekal terjunjung. "Insentif itu membuktikan kerajaan sentiasa mengambil berat pesara dan mengambil perihal kos sara hidup malah peningkatan dua peratus pencen setiap tahun menjalankan pendapatan berganda seperti sebelum ini. Justeru, diharapkan tiada lagi 'suara sumbang' yang memohon penyelarasang gaji pencen dibincangkan setiap tahun sebaliknya, memberikan mutu perkhidmatan cemerlang kepada kerajaan" Shafie Bakri, Presiden Persatuan Bekas Polis Malaysia. "Besar ertinya pelarasang pencen kepada bekas tentera untuk merasai kesenangan dan ia cara terbaik dalam membala pengorbanan serta menjalani kehidupan harian". Datuk Muhammad Abdul Ghani, Presiden Persatuan Bekas Tentera Malaysia.

KUALA LUMPUR: Seorang saksi memberitahu semalam, bekas Menteri Pengangkutan, Tun Dr Ling Liong Sik pernah mengemukakan permohonan supaya syarikat penjual tanah, Kuala Dimensi Sdn Bhd (KDSB) membangunkan tanah menerusi pemberian tender membabitkan projek Zon Bebas Pelabuhan Klang (PKFZ) di Pulau Indah, Klang. Bekas Timbalan Ketua Setiausaha Perbendaharaan, Datuk Abdul Rahim Mokti, 66, berkata, Liong Sik pernah meminta pertimbangan Kementerian Kewangan supaya melaksanakan pembangunan tanah itu dalam satu mesyuarat pada Januari 2002. Bagaimanapun, katanya, beliau tidak mempunyai sebarang catatan untuk dikemukakan bagi menyokong keterangan itu. "Saya berkeyakinan tertuduh ada menyampaikan hasratnya itu tetapi tidak pasti bagaimana kaedah penyampaian dilakukan dan tidak dapat mengingatinya secara terperinci. "Beliau (Liong Sik) minta pertimbangan pembangunan tanah untuk diberikan kepada KDSB menerusi tender," katanya ketika menjawab soalan balas peguam Liong Sik, Wong Kian Kheong yang menghadapi tuduhan menipu dengan memperdayakan Jemaah Menteri bagi memberikan persetujuan pembelian tanah di Pulau Indah bagi projek PKFZ mengikut terma dipersetujui antara KDSB dan Lembaga Pelabuhan Klang (LPK). Liong Sik dituduh menipu kerajaan Malaysia apabila tidak mendedahkan kepada Jemaah Menteri fakta berkaitan kadar faedah sebanyak 7.5 peratus setahun adalah tambahan kepada harga pembelian tanah pajakan negeri 7324 Lot 67894, yang berasaskan RM25 sekaki persegi (30.48 sentimeter) iaitu RM1,088,456,000, sedangkan beliau tahu Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta (JPPH), sudah mengambil kira kadar kupon dan faedah. Dia dituduh melakukan semua kesalahan itu di Tingkat 4, Pejabat Perdana Menteri, Bangunan Perdana Putra, Putrajaya, antara 25 September dan 6 November 2002. Perbicaraan di depan Hakim Datuk Ahmad Asnawi disambung Isnin.

KUALA LUMPUR: Pemberian insentif RM1.86 juta kepada 62,000 bekas polis termasuk duda dan balu dalam Bajet 2012 dianggap sumbangan terbesar kerajaan pimpinan Datuk Seri Najib Razak dalam mengenang jasa dan pengorbanan bekas pejuang tanah air yang berhempas pulas menjaga keamanan negara semasa zaman darurat. Presiden Persatuan Bekas Polis Malaysia (PBPM), Shafie Bakri berkata, pemberian ini menunjukkan kerajaan sentiasa prihatin dan bertanggungjawab dalam memastikan setiap pejuang tanah air terutama bekas polis terus diberi pembelaan. "Ini yang kita harapkan dan pengumuman dibuat Perdana Menteri sedikit sebanyak menyinari keluh resah dialami pesara polis selama ini yang seolah-olah dipinggirkan tanpa sebarang pembelaan. Kita yakin dengan keputusan ini, ia mampu menggembirakan mereka. "Walaupun sumbangan diberikan tak begitu tinggi, namun ia cukup bernilai terutama kepada pejuang kemerdekaan yang dulu bermati-matian mempertahankan negara daripada ancaman komunis. Kami terima keputusan ini dengan hati terbuka," katanya ketika dihubungi semalam. Shafie berkata, sejak 2009, persatuan sudah menghantar beberapa cadangan termasuk mahu sambutan Hari Pahlawan akan datang dapat dikongsi bersama dengan bekas pejuang zaman darurat. "Kita akan terus mengemukakan beberapa lagi cadangan kepada kerajaan termasuk mahu bahagian khas yang bertanggungjawab dalam menjaga hal ehwal bekas polis dinaikkan taraf kepada jabatan selain menimbang meluluskan cadangan melantik wakil ke Dewan Negara dan memberi Pingat Jasa Malaysia (PJM) atau Seri Pahlawan Gagah Berani (SPGB) kepada mereka yang layak," katanya. Sementara itu, Presiden Persatuan Veteran Tentera Melayu (PVTM), Mohd Ali Baharom berkata, pengumuman penting itu amat bermakna selain menunjukkan keikhlasan kerajaan kepada bekas tentera dalam menghadapi kehidupan seterusnya dengan terbabit dalam perniagaan. "Ini adalah satu perancangan baik apabila setiap pesara diberi galakan ceburi bidang perniagaan. "Kita yakin, pasti banyak permohonan dibuat pesara yang berminat untuk terbabit dengan perniagaan kelak. Namun persatuan mahu mengingatkan supaya menggunakan peluang diberikan ini sebagai saluran untuk terus menyokong dan membantu kerajaan dalam meningkatkan taraf hidup rakyat," katanya.

KERAJAAN memperuntukkan RM2.5 bilion di bawah Dana Mudah Cara perkongsian awam-swasta pada 2012 dengan RM300 juta akan digunakan oleh usahawan Bumiputera. Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak dalam pembentangan Bajet 2012 berkata, di bawah Rancangan Malaysia Ke-10 (RMKe-10), kerajaan telah menyediakan peruntukan sebanyak RM20 bilion di bawah dana itu yang berperanan membantu sektor swasta membangunkan projek yang mempunyai nilai strategik kepada negara. Daripada jumlah itu, RM18 bilion ringgit untuk kegunaan projek berimpak tinggi manakala RM2 bilion untuk projek membabitkan usahawan Bumiputera, katanya. Bagi 2012 ini, kerajaan memperuntukkan RM978 juta untuk pembangunan di lima wilayah koridor. Katanya, antara projek yang akan dilaksanakan adalah, pembinaan lebuh raya persisiran pantai Johor Bahru-Nusa Jaya di Iskandar Johor; projek pelancongan warisan Taiping di Koridor Utara; projek agropolitan Besut di Koridor Pantai Timur; projek kelompok industri berdasarkan sawit Lahad Datu di Wilayah Koridor Sabah dan projek bekalan air Samalaju di Wilayah Koridor Sarawak. Perdana Menteri berkata, 2012 adalah tahun pertama pelaksanaan Rolling Plan Kedua bagi RMKe-10. Beliau berkata, Rolling Plan kedua yang membabitkan peruntukan RM49.2 bilion akan menumpukan kepada projek pembangunan berimpak tinggi dan menyumbang pertumbuhan ekonomi. Katanya, antara projek utama yang akan dilaksanakan ialah projek landasan kereta api berkembar Gemas - Johor Bahru; Projek Lebuhraya Pantai Timur Jabor - Kuala Terengganu, Lebuhraya Pantai Barat Banting - Taiping, Lebuhraya Segamat - Tangkak dan Lebuhraya Central Spine serta pembinaan jalan Kota Marudu - Ranau; dan Pembangunan semula Pangkalan Udara Sungai Besi Kuala Lumpur.

KUALA LUMPUR: Golongan guru yang meliputi kira-kira sepertiga daripada 1.2 juta penjawat awam mendapat kenaikan gaji terbesar menerusi Sistem Saraan Baru Perkhidmatan Awam (SBPA) seperti yang diumumkan dalam Bajet 2012. Guru bukan siswazah menerima kenaikan sehingga 39 peratus, manakala guru siswazah menerima kenaikan 37.7 peratus. Sebagai contoh, gaji maksimum guru bukan siswazah gred DGA34 dinaikkan daripada RM3,860 di bawah Sistem Saraan Malaysia (SSM) kepada RM5,370 mengikut SBPA. Bagi guru siswazah pula, gaji maksimum gred DG48, di bawah SSM ialah RM6,325 menjadi RM8,710 mengikut SBPA. Perdana Menteri juga mengumumkan bantuan persekolahan one-off RM500 untuk isi rumah berpendapatan kurang RM3,000 bagi menangani kos sara hidup. Bajet 2012 juga memberi durian runtuh kepada 5.3 juta pelajar dari Tahun Satu hingga Tingkatan Lima yang layak mendapat bantuan RM100 untuk setiap pelajar. Sebanyak RM530 juta diperuntukkan untuk bantuan itu yang akan dilaksanakan menerusi Bank Simpanan Nasional. Kerajaan juga memperkenal Dana Pengkomersialan Inovasi RM500 juta untuk membolehkan institusi pengajian tinggi dan perusahaan kecil dan sederhana mengkomersialkan hasil penyelidikan dan pembangunan.

Seramai 20,000 guru diploma diberi peluang melanjutkan pengajian ke peringkat ijazah sarjana muda dengan yuran dibiayai Kementerian Pelajaran. Bajet berkenaan menyediakan dana RM80 juta bagi bantuan yuran pengajian itu. Sementara itu, Kesatuan Guru Melayu Malaysia Barat (KGMMB) menganggap penurunan tempoh kenaikan gred guru siswazah daripada DG44 kepada DG48 daripada 20 tahun ke 16 tahun sebagai penghargaan besar kepada pendidik di seluruh negara dan tanda kerajaan mendengar rintihan rakyat. Presidennya, Mohamed Sabri Mohd Arsal, berkata pengurangan tempoh itu bermakna guru siswazah yang cemerlang berpeluang untuk mencapai gred DG52 dan DG54 sebelum usia persaraan yang kini dinaikkan kepada 60 tahun. "KGMMB sangat berpuas hati dengan pengumuman dalam Bajet 2012 kerana turut membabitkan penurunan tempoh kenaikan gred mengikut time-based yang membuka peluang kenaikan gaji bagi guru yang enggan menerima kenaikan pangkat kerana sukar berpindah rumah atau komitmen lain. "Guru yang tidak dilantik sebagai pengetua atau pegawai pelajaran daerah kekal di sekolah sebagai pendidik tetapi masih menerima kenaikan gred," katanya ketika dihubungi di sini, semalam.

REAKSI - "Tahniah kepada Perdana Menteri kerana bajet ini mengandungi pelbagai suntikan dan insentif yang melegakan rakyat, terutama berpendapatan sederhana dan rendah termasuk peneroka" -Datuk Seri Mohd Ali Rustam, Ketua Menteri Melaka. "Membuktikan kerajaan dipimpin Barisan Nasional perjuangkan kebijakan rakyat, terutama golongan pendapatan rendah"- Datuk Abdul Ghani Othman, Menteri Besar Johor."Menunjukkan komitmen kerajaan bertindak balas terhadap keperluan segera rakyat kerana menjurus ke arah memenuhi kumpulan sasaran"- Datuk Seri Zambray Abdul Kadir, Menteri Besar Perak."Bukti Perdana Menteri mempunyai perancangan ekonomi kukuh dengan tidak meletakkan punca pendapatan kerajaan kepada hasil cukai"- Datuk Seri Mohamad Hasan, Menteri Besar Negeri Sembilan. "Perhatian kerajaan dalam menjalankan pelbagai langkah menerusi projek berimpak tinggi seperti Zon Industri Akuakultur (ZIA) dan Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM) tindakan yang tepat kerana sektor ini memainkan peranan penting dalam sediakan makanan mencukupi"- Tan Sri Lee Lam Thye,Aktivis masyarakat.



Sabtu, 8 Oktober, 2011 - Dana kasar pasaran modal RM106.2 bilion

DANA kasar yang diperoleh dalam pasaran modal berkembang 31.8 peratus kepada RM106.2 bilion dalam tempoh tujuh bulan pertama 2011. Dana bersih yang diperoleh meningkat 28.8 peratus kepada RM62 bilion selepas mengambil kira penebusan dengan sektor awam mencakupi 58 peratus atau RM35.9 bilion dan sektor swasta (RM26.1 bilion). Dana kasar yang diperoleh sektor awam melonjak 47.6 peratus kepada RM62.2 bilion mencerminkan inisiatif untuk mentransformasi struktur dan prestasi ekonomi Malaysia menerusi pelaksanaan Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10), Program Transformasi Kerajaan (GTP) dan Program Transformasi Ekonomi (ETP). Dana diperoleh melalui terbitan Sekuriti Kerajaan Malaysia (SKM) dan Terbitan Pelaburan Kerajaan. Pemerolehan dana oleh sektor swasta yang dijana menerusi terbitan sekuriti hutang swasta (PDS) meningkat kukuh 67.7 peratus kepada RM35.8 bilion dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun ini mencerminkan permintaan lebih tinggi berikutan aktiviti ekonomi domestik yang teguh. Walaupun sektor kewangan, insurans, hartanah dan perkhidmatan perniagaan terus menyumbang kepada sebahagian besar pemerolehan dana berjumlah RM14.4 bilion atau 40.3 peratus daripada jumlah keseluruhan terbitan PDS, aktiviti pemerolehan dana adalah menyeluruh membabitkan lebih banyak sektor.

Dana diperoleh digunakan, terutama untuk modal kerja dan menyokong aktiviti perniagaan am. Dana diperoleh melalui pasaran ekuiti menyusut 51.9 peratus kepada RM8.2 bilion disebabkan terbitan hak lebih rendah kepada RM1.6 bilion, manakala dana yang dijana menerusi tawaran awam permulaan terus kekal cergas pada RM6.7 bilion. Dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun ini, kadar hasil bon berdaulat tempatan dipengaruhi, terutama oleh faktor luaran. Dalam tempoh tiga bulan pertama, penghindaran risiko global yang memuncak dan jangkaan peningkatan tekanan inflasi mengakibatkan kadar hasil meningkat. Selepas suku pertama 2011, ada tekanan yang meningkat terhadap kadar hasil bagi tempoh matang yang lebih pendek berikutan kenaikan OPR pada Mei lalu. Kedua-dua kadar hasil bagi tempoh matang lebih panjang dan pendek menurun akibat permintaan yang kekal mampan daripada bukan pemastautin dan keimbangan pertumbuhan global yang semakin perlahan.



Sabtu, 8 Oktober, 2011 - Kutipan hasil 2011 meningkat

HASIL Kerajaan Persekutuan pada 2011 dijangka meningkat, dengan jumlah kutipan hasil tumbuh 14.9 peratus kepada RM183.4 bilion atau 21.6 peratus daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) berbanding 0.6 peratus kepada RM159.7 bilion atau 20.8 peratus daripada KDNK pada 2010. Kenaikan itu disokong pertumbuhan dua angka hasil cukai yang mencakupi 70.4 peratus daripada jumlah hasil yang dianggarkan meningkat 18 peratus kepada RM129.2 bilion, serta peningkatan hasil bukan cukai sebanyak 8.1 peratus kepada RM54.2 bilion. Hasil cukai langsung dijangka meningkat 22.1 peratus kepada RM96.5 bilion berbanding 0.8 peratus (RM79 bilion) pada 2010, manakala kutipan cukai pendapatan syarikat dijangka meningkat 21.2 peratus kepada RM44 bilion mencerminkan keuntungan syarikat terus bertambah baik.

Kutipan cukai pendapatan individu diunjurkan meningkat 10.6 peratus kepada RM19.7 bilion berikutan peningkatan stabil pendapatan individu. Walaupun jumlah pengeluaran lebih rendah, permintaan kukuh minyak mentah terutama daripada negara membangun dijangka meningkatkan hasil cukai pendapatan petroleum (PITA) yang diunjurkan melonjak 38.9 peratus kepada RM26 bilion. Sejajar transaksi perniagaan lebih tinggi, hasil daripada duti setem dijangka kekal teguh sebanyak RM4.6 bilion dan duti atas keuntungan harta sebanyak RM369 juta dan cukai pegangan sebanyak RM1.4 bilion. Tahun lalu, perdagangan borong dan runcit adalah penyumbang terbesar kepada hasil cukai, diikuti industri minyak dan gas, hotel dan restoran, sektor pembuatan, pertanian dan perhutanan serta pengangkutan dan komunikasi. Sehingga Julai lalu, jumlah pembayar cukai berdaftar adalah 6.6 juta dan daripada jumlah itu 6.1 juta atau 92.7 peratus adalah pembayar cukai individu, 468,808 (7.1 peratus) pembayar cukai syarikat manakala baki termasuk pertubuhan dan pelbagai pertubuhan amanah. Hasil cukai tak langsung pula dijangka meningkat 7.3 peratus kepada RM32.7 bilion disebabkan penggunaan swasta yang kukuh, pengembangan aktiviti pembuatan dan perniagaan serta harga minyak mentah menggalakkan. Hasil duti eksais barang import dan tempatan dijangka kekal teguh sebanyak RM11.8 bilion. Terimaan daripada cukai jualan ke atas barang import dan buatan tempatan juga dijangka kekal stabil sebanyak RM8.6 bilion, disokong perbelanjaan berterusan pengguna dan aktiviti pelaburan swasta.

## **BERITA HARIAN online**

**Sabtu, 8 Oktober, 2011 - 'Manfaat pemberian, subsidi secara berhemah'**

KUALA LUMPUR: Gabungan Persatuan Pengguna Malaysia (FOMCA) menasihati rakyat yang menerima pelbagai bantuan dan subsidi seperti diumumkan dalam Bajet 2012 menggunakan secara berhemah dan memanfaatkan ganjaran itu dengan sebaik-baiknya. Pengarah Komunikasi FOMCA, Mohd Yusof Abdul Rahman, berkata ini penting bukan saja bagi meringankan beban mereka, tetapi memastikan matlamat kerajaan mengurangkan kekangan kewangan rakyat, tercapai. "Walaupun pemberian ganjaran termasuk baucar buku bernilai RM200 itu bersifat sekali saja dan tidak memberi kesan terlalu besar dalam mengurangkan beban rakyat, ia boleh mendatangkan manfaat jika diguna dengan betul," katanya ketika dihubungi Berita Harian di sini, semalam. Pada pembentangan Bajet 2012, kerajaan mengumumkan peruntukan RM1.8 bilion bagi menyalurkan bantuan sebanyak RM500 kepada isi rumah yang berpendapatan kurang RM3,000 serta peruntukan RM530 juta dalam bentuk bantuan persekolahan bernilai RM100 kepada semua pelajar sekolah rendah dan pelajar Tingkatan Satu hingga Lima sekolah menengah di seluruh negara. Selain itu, kerajaan juga menyediakan peruntukan RM260 juta untuk pemberian baucar buku sebanyak RM200 kepada semua pelajar warga negara Malaysia di institusi pengajian tinggi awam dan swasta tempatan, matrikulasi dan pelajar Tingkatan Enam di seluruh negara. FOMCA juga, kata Mohd Yusof, menyambut baik peruntukan bagi menambah baik sistem pengangkutan awam di luar bandar. "Kita sebelum ini mengusulkan cadangan supaya projek penambahbaikan pengangkutan awam tidak hanya tertumpu di kawasan Lembah Klang tetapi diperluaskan ke luar bandar. "Kita harap penambahbaikan ini merangkumi pembelian bas baru serta perluasan liputan kawasan laluan pengangkutan awam terbabit," katanya. Beliau berkata, penambahan bilangan Kedai Rakyat 1Malaysia, perluasan inisiatif Menu Rakyat 1Malaysia dan peningkatan had maksimum harga rumah dalam Skim Rumah Pertamaku juga dilihat usaha baik bagi membantu mengurangkan beban sara hidup rakyat.

## **BERITA HARIAN online**

**Sabtu, 8 Oktober, 2011 - Perbelanjaan kerajaan naik RM229.6 bilion**

PERBELANJAAN Kerajaan Persekutuan pada 2011 dijangka meningkat 12.3 peratus kepada RM229.6 bilion. Daripada jumlah itu RM180.3 bilion untuk perbelanjaan mengurus, manakala baki RM49.3 bilion untuk perbelanjaan pembangunan. Perbelanjaan mengurus dijangka meningkat ketara sebanyak 18.9 peratus berikutan komitmen semakin bertambah disebabkan peningkatan harga minyak mentah dan komoditi dunia serta bagi memenuhi keperluan pertambahan peruntukan 2011. Pertambahan peruntukan termasuk perbelanjaan bagi menampung transformasi di bawah Bidang Keberhasilan Utama (NKRA) (RM1.2 bilion), Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA) (RM281 juta).

Emolumen kekal komponen terbesar perbelanjaan mengurus iaitu 27.7 peratus atau RM49.9 bilion. Peruntukan lebih tinggi ini termasuk pemberian bonus setengah bulan dengan bayaran minimum sebanyak RM500 kepada 1.27 juta penjawat awam berjumlah RM1.7 bilion. Komponen kedua terbesar iaitu subsidi yang merangkumi 18.2 peratus daripada perbelanjaan mengurus dijangka meningkat ketara 41.9 peratus kepada RM32.8 bilion atau 3.9 peratus daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) walaupun dengan program rasionalisasi subsidi. Penyumbang kepada kategori subsidi ialah subsidi bahan api, gula, minyak masak, insentif untuk meningkatkan pengeluaran makanan serta bantuan pendidikan dan program kebajikan sosial. Perbelanjaan subsidi bahan api yang merangkumi 8.8 peratus daripada perbelanjaan mengurus dijangka melonjak 65.1 peratus kepada RM15.9 bilion berikutan kenaikan harga minyak mentah. Subsidi meringankan beban kewangan rakyat termasuk peruntukan untuk skim penstabilan rakyat termasuk peruntukan untuk skim penstabilan harga minyak masak (RM1.6 bilion), pampasan tol (RM200 juta), tepung gandum (RM113 juta), pengangkutan udara dan kereta api luar bandar (RM283 juta) serta rebat bagi isi rumah berpendapatan rendah dengan penggunaan elektrik kurang daripada RM20 sebulan (RM150 juta). Pada 2011, RM2.9 bilion diperuntukkan bagi program pengeluaran makanan mencukupi, meningkatkan produktiviti dalam subsektor makanan serta menstabilkan harga barang makanan keperluan, manakala program bantuan sosial pula diperuntukkan RM9.8 bilion. Bekalan dan perkhidmatan yang merangkumi 16.4 peratus daripada perbelanjaan mengurus dijangka meningkat 23.9 peratus kepada RM29.5 bilion. Peruntukan bagi perolehan aset dijangka menguncup 18.6 peratus kepada RM1.5 bilion selaras langkah kerajaan untuk mengawal perbelanjaan dengan memaksimumkan penggunaan aset.

## BERITA HARIAN online

Isnin, 10 Oktober, 2011 - RM11.3b pelihara keamanan

PUTRAJAYA: Kementerian Dalam Negeri akan memanfaatkan peruntukan RM11.311 bilion Bajet 2012 bagi melaksanakan pelbagai inisiatif membabitkan usaha memelihara keamanan, keselamatan dan kesejahteraan rakyat serta negara. Ketua Setiausaha kementerian, Tan Sri Mahmood Adam, berkata daripada jumlah itu, RM249.85 juta sudah diperuntukkan bagi melaksanakan inisiatif Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) Mengurangkan Jenayah. Katanya, antara inisiatif NKRA itu pembangunan bandar selamat, menyediakan laluan pejalan kaki serta laluan bermotor berasingan bagi mengurangkan risiko jenayah ragut, meningkatkan sistem peralatan penggera keselamatan serta pemetaan berkomputer bagi membantu operasi polis membanteras jenayah dengan berkesan. "Kementerian akan menggunakan peruntukan belanja mengurus RM10.49 bilion dan perbelanjaan pembangunan sebanyak RM821 juta untuk menggerakkan segala usaha bagi menjamin usaha memelihara keamanan, keselamatan, kesejahteraan rakyat dan negara dengan lebih maksimum," katanya dalam kenyataan semalam. Sementara itu, Ketua Pengarah Jabatan Pendaftaran Negara (JPN), Datin Jariah Mohd Said, berkata peruntukan Bajet 2012 akan digunakan untuk memastikan semua rakyat Malaysia memiliki dokumen pengenalan diri menjelang 2013.

Sehubungan itu, katanya, Unit Khas Bergerak JPN akan digerakkan dengan lebih menyeluruh untuk mendekati golongan sasaran terutama di kawasan terpinggir, pedalaman dan pesisir pantai dengan lebih tersusun berbanding sebelum ini, akibatkekangan kewangan. "Dengan adanya inisiatif ini, JPN berharap lebih banyak masalah penduduk yang tidak dapat hadir ke pejabat JPN untuk mengemukakan permohonan dapat diselesaikan. "Pada masa sama, ia akan memberi peluang kepada jabatan ini untuk mengemas kini rekod kependudukan rakyat di negara ini," katanya dalam kenyataan semalam. Dalam pada itu, Jabatan Imigresen menyatakan komitmen mereka untuk mengatasi masalah warga asing menerusi Program Penyelesaian Menyeluruh Pekerja dan Pendatang Asing Tanpa Izin atau (Program 6P) menggunakan sistem biometrik. Ketua Pengarahnya, Datuk Alias Ahmad berkata, penggunaan sistem biometrik di semua pintu masuk dan keluar negara bagi pelancong serta warga asing sudah terbukti mampu membantu mengatasi masalah pemalsuan pasport khususnya yang membabitkan penjenayah antarabangsa. "Keprihatinan kerajaan menerusi Bajet 2012 dialu-alukan dan kami (Jabatan Imigresen) bertekad memastikan kejayaan Program 6P," katanya dalam kenyataan semalam.

**Khamis, 13 Oktober, 2011 - RM4.7b untuk PLKN.**

KERAJAAN membelanjakan sebanyak RM4.7 bilion untuk Program Latihan Khidmat Negara (PLKN) sejak ditubuhkan pada 2004 sehingga 31 Ogos lalu. Timbalan Menteri Pertahanan, Datuk Dr Abdul Latif Ahmad, berkata program itu berjaya memberi kesedaran awal kepada pelatih untuk menjadi warga berakhhlak mulia dan tidak terjebak gejala negatif. Beliau berkata, ia terbukti apabila semakin ramai bekas pelatih PLKN mendaftar dalam Pasukan Sukarelawan setiap tahun. "Kajian keberkesanan PLKN bersama kumpulan penyelidik Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) menunjukkan 80 peratus pelatih PLKN berjaya meningkatkan semangat kesukarelaan, peningkatan perpaduan kaum dan berkeyakinan tinggi," katanya menjawab soalan Amran Ab Ghani (PKR-Tanah Merah), semalam. Amran meminta penjelasan pencapaian kejayaan PLKN dan peruntukan yang dibelanjakan kerajaan sejak awal penubuhan sehingga 2011.

**Jumaat, 14 Oktober, 2011 - Peruntukan RM55 juta 'lesap'**

SHAH ALAM: Badan Perhubungan UMNO Selangor semalam mendesak Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim memberi penjelasan berhubung dakwaan penyalahgunaan wang peruntukan penyelenggaraan infrastruktur sebanyak RM315 juta yang diberi Kerajaan Pusat pada 2009. Setiausaha, Datuk Seri Mohd Zin Mohamed, berkata ini kerana berdasarkan laporan diterima, sebanyak RM55 juta 'hilang' begitu saja kerana Jabatan Kerja Raya (JKR) dan pihak berkuasa tempatan (PBT) masing-masing menerima RM183 dan RM76 juta, manakala sebanyak RM900,000 bagi Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS). Katanya, tindakan kerajaan negeri itu jelas mengkhianati kepentingan rakyat yang berhak mendapat kemudahan infrastruktur selesa. "Jika dihitung semuanya, terdapat baki RM55 juta dan saya ingin bertanya, ke mana perginya duit peruntukan diberi Kerajaan Pusat. Jika ia dimasukkan dalam tabung wang amanah negeri, sila jelaskan tujuannya," katanya pada sidang media di Bangunan UMNO, di sini.

Mohd Zin berkata, rakyat berhak tahu mengenainya kerana peruntukan itu bukan untuk disimpan atau digunakan bagi kepentingan pihak lain, sebaliknya untuk keselesaan rakyat. "Banyak lagi jalan rosak perlu diperbaiki dan diselenggara, tetapi kenapa ia tidak digunakan sepenuhnya. Jika Kerajaan Pusat tidak bagi duit, kerajaan negeri cakap macam-macam tetapi bila dapat duit, jadi macam ini pula," katanya. Sementara itu, katanya, beliau sudah mengarahkan UMNO Selangor membuat laporan polis terhadap Pakar Perlembagaan, Prof Dr Abdul Aziz Bari berhubung kenyataan mempertikaikan titah Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah berhubung isu pemeriksaan Gereja Methodist Damansara Utama (DUMC), Petaling Jaya, 3 Ogos lalu. Beliau berkata, tindakan memburukkan institusi raja satu hasutan amat serius dan perlu dikenakan tindakan sewajarnya oleh polis. "Ia tidak harus dipertikai kerana jelas Sultan ada kuasa dalam hal ehwal agama dan Abdul Aziz sepatutnya tahu. Selain itu, tindakan kerajaan negeri mempertikaikan prosedur operasi standard (SOP) Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) juga tidak wajar. "Badan pemantau yang ditubuhkan menyebabkan JAIS tidak ada kebebasan dalam membuat kerja dan jika hendak kaji semula SOP, kita boleh bentangkan di sidang Dewan Undangan Negeri (DUN)," katanya.

**Sabtu, 15 Oktober, 2011 - Tabung Bumiputera dilancar**

KUALA LUMPUR: Ketua Menteri Sarawak, Tan Sri Abdul Taib Mahmud melancarkan Tabung Bumiputera pada majlis 'Lan Berambeh Anak Sarawak' di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini, malam tadi. Tabung yang diwujudkan dengan dana permulaan RM5 juta itu bertujuan membantu golongan Bumiputera khususnya generasi muda Sarawak di luar bandar menerima latihan berbentuk teknikal dan kemahiran. Ketika berucap, Abdul Taib berkata, keperluan sumber tenaga manusia perlu dibangunkan secara menyeluruh bagi membantu menyokong pembangunan negeri itu. "Sarawak yang mempunyai empat universiti turut melahirkan ramai graduan yang menjadi rebutan dalam industri pekerjaan.

"Malah ada di antara mereka yang biarpun masih belum tamat pengajian, tetap menjadi rebutan ramai majikan untuk diambil bekerja. "Kerajaan Negeri juga akan membangunkan bidang farmaseutikal serta industri bio selepas melihat potensi bidang berkenaan yang menyediakan peluang pekerjaan dan menarik minat pelabur ke Sarawak," katanya ketika berucap pada majlis itu. Hadir sama, isteri beliau, Puan Sri Ragad Kurdi Taib dan Timbalan Ketua Menteri, Tan Sri Alfred Jabu Numpang. Lebih 3,000 anak Sarawak bermastautin di Semenanjung menghadiri acara tahunan kali keempat dianjurkan Persatuan Anak Sarawak Di Perantauan. Ia bertujuan merapatkan hubungan silaturahim selain menjadi kesempatan beramah mesra dengan pemimpin kanan negeri.

## BERITA HARIAN online

Sabtu, 15 Oktober, 2011 - Tiada aduan dibuat menteri berhubung PKFZ

KUALA LUMPUR: Mahkamah Tinggi semalam diberitahu tiada sebarang aduan dikemukakan mana-mana menteri mengenai penipuan bekas Menteri Pengangkutan, Tun Dr Ling Liang Sik, berhubung pembelian tanah seluas 400 hektar di Pulau Indah, Klang, bagi projek pembangunan Zon Bebas Pelabuhan Klang (PKFZ). Bekas Menteri Pertanian, Datuk Seri Effendi Norwawi dalam keterangannya berkata, beliau tidak pernah membuat sebarang laporan polis berhubung penipuan itu dan sepanjang pengetahuannya juga tiada sebarang laporan sama pernah dibuat mengenai perkara itu. Menjawab soalan peguam Wong Kian Kheong yang mewakili Ling Sik, jika beliau ada memaklumkan pihak polis bahawa Ling Sik menipu ketika diambil keterangan bulan lalu, Effendi yang juga saksi ke-15 pendakwaan menjawab: "Tidak." Effendi berkata demikian dalam perbicaraan terhadap Ling Sik yang menghadapi tuduhan menipu dengan memperdayakan Jemaah Menteri untuk memberikan persetujuan pembelian tanah di Pulau Indah bagi projek PKFZ mengikut terma yang dipersetujui antara KDSB dan Lembaga Pelabuhan Klang (LPK). Ling Sik dituduh menipu Kerajaan Malaysia apabila tidak mendedahkan kepada Jemaah Menteri fakta berkaitan kadar faedah sebanyak 7.5 peratus setahun adalah tambahan kepada harga pembelian tanah pajakan negeri 7324 Lot 67894, yang berdasarkan RM25 sekaki persegi (skp) iaitu RM1,088,456,000, sedangkan beliau tahu Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta (JPPH) sudah mengambil kira kadar kupon dan faedah. Effendi turut bersetuju dengan cadangan Kian Kheong bahawa keterangannya membabitkan beberapa mesyuarat Kabinet ketika menjawab soalan dikemukakan pihak pendakwaan dalam sesi pemeriksaan utama hanya berdasarkan kepada pendapatnya saja dan bukan pengetahuan peribadi.

Saksi juga bersetuju dengan cadangan peguam itu atas alasan beliau bukan individu bertanggungjawab menyediakan, meneliti serta mendengar rakaman audio minit mesyuarat berkenaan malah mesyuarat itu juga tidak membabitkan hal ehwal kementeriannya. Bagaimanapun, ketika disoal semula Timbalan Pendakwa Raya Manoj Kurup, Effendi berkata pendapatnya adalah berdasarkan apa dibuktikan dalam minit mesyuarat dikemukakan pihak pendakwaan di mahkamah. Selain itu, Effendi bersetuju dengan cadangan Kian Kheong bahawa jika kerajaan hendak membeli tanah berkenaan melalui pengeluaran bon, maka harga pembelian tanah itu tidak termasuk faedah. Saksi itu juga bersetuju dengan Kian Kheong bahawa tidak dapat dipastikan sama ada harga tanah berdasarkan RM25 bagi keluasan 30.48 sentimeter (sm) persegi berdasarkan pembayaran balik selama 10 tahun seperti terkandung dalam surat penilaian oleh JPPH, adalah termasuk kadar faedah. Perbicaraan depan Hakim Datuk Ahmad Asnawi bersambung 10 November depan.

## BERITA HARIAN online

Selasa, 18 Oktober, 2011 - 585 projek perkilangan RM35.8 bilion dilulus

KERAJAAN meluluskan 585 projek perkilangan dengan nilai pelaburan RM35.8 bilion bagi tempoh Januari hingga Ogos lalu. Daripada jumlah itu, RM16.4 bilion atau 45.8 peratus adalah pelaburan domestik (DDI) manakala pelaburan langsung asing (FDI) sebanyak RM19.4 bilion (54.2 peratus). Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Mukhriz Mahathir, berkata sepanjang tahun lalu, sebanyak 910 projek perkilangan diluluskan dan daripada jumlah itu, sebanyak RM18.1 bilion adalah pelaburan domestik manakala RM29.1 bilion pelaburan asing. Berkata berkata demikian ketika menjawab soalan Datuk Tajuddin Abdul Rahman (BN-Pasir Salak).

Tajuddin sebelum itu meminta kementerian menyatakan perbandingan antara pelaburan dalam negeri dan FDI dalam tempoh setahun lalu. Mukhriz yang juga Ahli Parlimen Jerlun berkata lima sektor utama yang menyumbang kepada jumlah pelaburan domestik yang diluluskan dari 2010 hingga Ogos 2011 adalah kelengkapan pengangkutan dengan jumlah pelaburan RM6.5 bilion; produk petroleum termasuk petrokimia (RM6.4 bilion); logam asas (RM4.4 bilion), logam fabrikasi (RM3.3 bilion) dan elektronik dan elektrikal (RM2.7 bilion). FDI tempoh sama, katanya, disumbangkan produk elektronik dan elektrikal dengan jumlah pelaburan RM19.1 bilion; logam asas (RM6 bilion); kimia dan produk kimia (RM4.9 bilion); galian bukan logam (RM3.6 bilion) dan pengilangan makanan (RM2.9 bilion). Menjawab soalan tambahan Tajuddin mengenai pelaburan di Proton City, Tanjung Malim dan jumlah pelaburan yang masuk ke Perak, Mukhriz berkata sebanyak RM1.6 bilion digunakan untuk membangun Proton City. Proton kini, katanya, merancang membina kilang pemasangan kenderaan OEM dan kilang membuat enjin yang membabitkan pelaburan sebanyak RM800 juta.

**BERITA HARIAN**  
**online**

Rabu, 19 Oktober, 2011 - RM5.9 bilion diperuntuk bantu ramai sertai PKS

KERAJAAN memperuntukkan sejumlah RM5.9 bilion dalam Bajet 2012 untuk membantu perusahaan kecil dan sederhana (PKS) termasuk usahawan muda yang ingin membabitkan diri dalam perniagaan, kata Ketua Eksekutif SME Corporation Malaysia (SME Corp), Datuk Hafsa Hashim. Beliau berkata, dana itu diagihkan kepada beberapa kementerian dan agensi kerajaan. "Ia diagihkan mengikut fungsi dengan ada dana untuk pembangunan, dana Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM), SME Revitalisation Fund, Dana Pembentukan PKS patuh syariah, Dana Kecemasan PKS serta Tabung Ekonomi Kumpulan Usaha Niaga (Tekun)." Namun, walaupun diletakkan pada beberapa kementerian dan agensi, SME Corp berperanan sebagai penyelaras untuk memastikan PKS mendapat akses kepada dana berkenaan," katanya pada sidang media selepas perasmian selepas perasmian Persidangan Usahawan Muda Asia Pasifik (APEC YES) 2011 di Kuala Lumpur, semalam. Hafsa juga berkata, SME Corp akan bekerjasama dengan Agensi Inovasi Malaysia tahun depan untuk menggalakkan inovasi di kalangan PKS di negara ini. "Kita ingin melihat inovasi menjadi budaya di kalangan PKS. Melalui budaya dipacu inovasi dan pertumbuhan diterajui produktiviti, PKS akan menjadi lebih kompetitif dan dapat menghadapi segala cabaran mendatang," katanya. Sementara itu, Mukhriz berkata, dalam APEC YES 2011, pihaknya memang memberi penekanan inovasi kepada usahawan muda. "Kita ingin memberitahu orang ramai bahawa sama ada di mana saja atau berapa usia mereka, mereka mempunyai ruang untuk melakukan inovasi dalam perniagaan terutama dengan penggunaan teknologi komunikasi maklumat (ICT)," katanya.

**BERITA HARIAN**  
**online**

Khamis, 20 Oktober, 2011 - Malaysia dapat kontrak RM10 bilion di

Bangladesh

MALAYSIA meraih kontrak bagi melaksanakan projek prasarana bernilai RM10 bilion di Bangladesh yang akan dilaksanakan dalam tempoh dua hingga lima tahun akan datang, kata Duta Khas Malaysia, Datuk Seri S Samy Vellu. Malaysia dan Bangladesh telah menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) bagi memudahkan pelaksanaan projek berkenaan di Dhaka semalam. Dokumen itu akan diserahkan kepada Perdana Menteri Bangladesh Sheikh Hasina oleh Samy Vellu hari ini. Samy Vellu yang sedang melakukan lawatan kerja empat hari ke Bangladesh berkata, projek itu termasuk projek perumahan, perbandaran satelit, jejambat, rawatan air serta loji pemprosesan kumbahan. Katanya, projek pertama membabitkan pembinaan 161 blok apartmen 16 tingkat bernilai hampir RM3 bilion di Uttara akan dimulakan awal tahun depan. "Kedua-dua kerajaan Malaysia dan Bangladesh menandatangani MoU itu selepas mengadakan rundingan selama enam bulan. Ia adalah kejayaan yang membanggakan Malaysia," kata Samy Vellu kepada pemberita selepas menandatangani MoU itu bagi pihak kerajaan Malaysia semalam. Kerajaan Bangladesh diwakili Menteri Negara bagi Perumahan dan Kerja Awam, Abdul Mannan Khan dan Menteri Negara bagi Kerajaan Tempatan, Kerajaan Luar Bandar dan Koperasi Jahangir Kabir Nanok.

Samy Vellu, yang dilantik Duta Khas bertaraf Menteri bagi Infrastruktur ke India dan Asia Selatan Januari lalu, berkata kerja bagi projek apartmen itu dijangka bermula beberapa bulan selepas pemeteraian perjanjian antara agensi kerajaan kedua-dua negara. Satu lagi projek yang dijangka bermula tahun depan ialah projek jejambat Jalan Poltan-Mawa empat lorong sejauh 10.8 kilometer (km) bernilai RM1 bilion, katanya. Projek lain termasuk pembinaan rumah mampu milik bagi setinggan dan sebuah perbandaran satelit baru di tapak seluas 400 hektar di Kamrangichar dan pembangunan yang serupa yang lain di Mohammadpur. "Malaysia akan turut membina telaga Dhalla-Jamirta bagi membekalkan air bersih ke Dhaka," katanya, sambil menyatakan beberapa syarikat Malaysia telah menunjukkan minat untuk mengambil bahagian dalam projek bernilai RM10 bilion itu.

## **BERITA HARIAN online**

**Khamis, 20 Oktober, 2011 - Ketua menteri berang**

ALOR GAJAH: Ketua Menteri, Datuk Seri Mohd Ali Rustam berang apabila projek pembinaan jalan pintas sepanjang 300 meter di Pekan Pulau Sebang, dekat sini, bernilai kira-kira RM5.9 juta tidak dapat disiapkan mengikut jadual. Beliau yang meninjau sendiri perkembangan projek itu, mendapati kerja pembinaan di situ setakat ini hanya berjaya disiapkan kira-kira 55 peratus, ketika tempoh diberikan berbaki sehingga 31 Oktober ini. Beliau berkata, kelewatan itu berpunca daripada kegagalan syarikat kontraktor menyiapkan projek kerana tidak membuat persediaan kelengkapan jentera dan mesin khusus seperti cerucuk. "Memang saya marah sebab projek ini sepatutnya hampir siap kerana jadual ditetapkan 31 Oktober, tetapi sehingga kini, hanya 55 peratus berjaya disiapkan. "Pelaksanaan projek ini lembap kerana kontraktor tidak cukup membuat persediaan kelengkapan sedangkan projek ini mudah diselenggara jika mereka menyediakan peralatan pembinaan seperti mesin pematat 'roller', mesin cerucuk dan mesin paver. "Selepas ini, saya mahu kontraktor buat kerja dan tak perlu lagi saling tuduh menuduh," katanya dalam lawatan turut disertai Pengarah Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPIN) Datuk Zainal Husin dan Pengarah Jabatan Kerja Raya Negeri, Datuk Razif Mohd. Jalan pintas baru yang dibina kerajaan negeri ini bertujuan memudahkan pengguna melalui Pekan Sebang ke Tampin kerana laluan sedia ada akan ditutup bagi membolehkan pembinaan landasan kereta api berkembar dari Tampin ke Gemas. Laluan sedia ada iaitu jalan lintas rata Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB) Tampin, dijadual ditutup 31 Oktober ini, iaitu tarikh sepatutnya jalan pintas baru itu berjaya disiapkan. Mengulas lanjut, Mohd Ali berkata, beliau sudah mengarahkan kontraktor projek melaksanakan kerja sepanjang tempoh 24 jam sehingga 31 Oktober ini. Katanya, beliau juga mengarahkan Pejabat Daerah dan Tanah Alor Gajah mengeluarkan permit tanah serta pasir bagi tempoh 24 jam kepada kontraktor bagi membolehkan kerja penambakan dijalankan tanpa henti.

## **BERITA HARIAN online**

**Khamis, 20 Oktober, 2011 - Perkampungan Hang Tuah siap tempoh dua tahun**

MELAKA TENGAH: Projek fasa pertama Perkampungan Hang Tuah bernilai RM34.1 juta di Duyong dekat sini, dijangka dapat disiapkan dalam tempoh dua tahun, kata Ketua Menteri, Datuk Seri Mohd Ali Rustam. Beliau berkata, projek di kawasan seluas 10.4 hektar menerusi peruntukan Kementerian Pelancongan itu usaha terbaru kerajaan negeri mengalih tumpuan pelancong terhadap produk pelancongan di negeri ini. Katanya, projek berkenaan merangkumi kerja menaik taraf bangunan sedia ada, rumah tradisional, balai adat, Muzium Hang Tuah, rumah landskap bersaudara, gelanggang silat, pentas silat utama, gerai makan dan kraftangan, perkhidmatan kereta kuda dan kerja infrastruktur. "Selain itu, ia turut membabitkan kerja baik pulih 20 rumah tradisional milik penduduk di sini, selain 25 rumah tradisional di sekitar Melaka yang akan dipindahkan ke perkampungan ini supaya suasana di situ menyerupai keadaan di zaman kegemilangan Hang Tuah dulu," katanya selepas merasmikan majlis pecah tanah projek itu di Duyong, dekat sini. Mohd Ali berkata, projek pembangunan perkampungan seluas 24.7 hektar membabitkan empat fasa dengan nilai keseluruhan RM135 juta ini turut membabitkan Sungai Duyong.

KUALA TERENGGANU: Terengganu akan menerima pelaburan bernilai RM5 bilion untuk projek pembangunan Kuala Terengganu City Centre (KTCC) membabitkan kawasan seluas 72 hektar di Kampung Tanjung, di sini. Projek KTCC yang berpusat di sekitar lima lokasi tumpuan, Muara Utara dan Selatan, Pulau Warisan, Kampung Ladang dan Tanjung serta tebing Pesisir Air, bakal mewujudkan 82,000 pekerjaan menjelang 2020. Menteri Besar, Datuk Seri Ahmad Said, berkata projek pembangunan bersepadu KTCC akan mula dilaksanakan tahun depan dijangka siap sepenuhnya menjelang 2018, dilengkapi dengan pusat perniagaan komersial, pusat konvensyen antarabangsa serta kediaman moden, selain kawasan tarikan membeli-belah, percutian, perubatan dan pendidikan. Katanya, rancangan pembangunan menyeluruh dan sistematik KTCC dibiayai inisiatif Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER) dan kerajaan negeri dijangka menarik penyertaan pelabur antarabangsa dan tempatan. "Dalam usaha menarik lebih banyak pelabur dari dalam dan luar negara ke negeri ini, kerajaan bersedia memberikan insentif seperti diskaun bagi kadar premium dan cukai tanah, penilaian hartanah, tempoh pajakan tanah dan keanjalan dalam proses pengambilan tenaga mahir asing bekerja. "Dengan kepelbagaiannya sumber semula jadi, kos tanah, buruh dan menjalankan perniagaan yang berdaya saing, potensi kukuh dalam pembangunan hartanah serta kos sara hidup yang rendah mampu menjadikan KTCC sebagai tanda aras baru kepada program pembangunan hartanah dan pelancongan," katanya selepas Majlis Pecah Tanah dan Pelancaran KTCC, di sini, semalam.

Hadir sama Setiausaha Kerajaan negeri, Datuk Mazlan Ngah dan Ketua Pegawai Eksekutif, Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (EcerDC), Datuk Jebasingam Issace John. Ahmad berkata, kerajaan negeri berpuas hati dengan perkembangan dan pembangunan projek di bawah inisiatif ECER yang menunjukkan kemajuan memberangsangkan dan antara projek berimpak tinggi ialah Taman Polimer Kertih, Agropolitan Besut-Setiu, Pusat Pembiakan dan Inovasi Kambing, Taman Perindustrian Berat Kemaman. Katanya, pelaksanaan projek yang sedang giat dilaksanakan mampu meningkatkan pencapaian Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) negeri sehingga 7.5 peratus pada 2020. "KTCC bakal membawa projek hartanah dan pelancongan moden bertaraf dunia di negeri ini dan projek berkenaan mampu memacu kemajuan ekonomi dan infrastruktur negeri serta bakal mengubah lanskap pembangunan negeri," katanya. Ketika mengulas jumlah peruntukan dikeluarkan kerajaan negeri untuk melaksanakan projek KTCC, Ahmad berkata, projek berkenaan dibiayai sepenuhnya pelabur dan kerajaan hanya mengeluarkan peruntukan sebanyak RM66 juta untuk pengambilan balik tanah.

KERAJAAN yakin ekonomi Malaysia mampu berkembang sekitar 5.6 peratus dalam separuh kedua ini, sekali gus membolehkan negara mencapai sasaran pertumbuhan lima peratus untuk seluruh 2011. Menteri Kewangan Kedua, Datuk Seri Ahmad Husni Hanadzlah, berkata ia akan didorong perbelanjaan dan pelaburan swasta yang masih kukuh serta pelaksanaan lebih cepat projek awam. "Ekspor kukuh komoditi dan barang perlilangan berdasarkan sumber juga akan menjadi penyokong kepada pertumbuhan dalam separuh kedua ini," katanya dalam ucaptama pada Perbincangan Sukuan Panel Ekonomi anjuran Dewan Perniagaan dan Industri Kesatuan Eropah-Malaysia (EUMCCI) di Kuala Lumpur, semalam. Bank Negara Malaysia dijangka mengumumkan prestasi ekonomi negara bagi tempoh suku suku ketiga pada 16 November ini. Ekonomi negara berkembang 4.4 peratus pada separuh pertama tahun ini, di tengah-tengah faktor persekitaran luar yang lemah. Bagi mencapai sasaran pertumbuhan tahun ini, kerajaan memberi tumpuan kepada usaha merangsang permintaan domestik bagi melindungi ekonomi daripada terlalu bergantung kepada eksport, termasuk beberapa inisiatif yang digariskan di bawah Program Transformasi Ekonomi (ETP). Ahmad Husni menegaskan, Malaysia secara umumnya mencatatkan pemulihan baik daripada krisis kewangan global antara 2008 hingga 2009 yang mana momentum pertumbuhan ekonomi negara sejak tempoh krisis itu adalah mapan.

Beliau berkata, dalam tempoh lima hingga 10 tahun lalu, kerajaan secara aktif meningkatkan usaha untuk mempelbagaikan corak perdagangan negara. "Langkah itu berkesan mengimbangi penurunan jualan barang negara di peringkat antarabangsa. Contohnya, sejak pengenalan perjanjian Kawasan Dagangan Bebas ASEAN (AFTA), jumlah dagangan Malaysia dengan rantau ASEAN meningkat ketara," katanya. Bagi tempoh 2005 hingga 2010, katanya, purata dagangan Malaysia dengan negara ASEAN bernilai AS\$82 bilion (RM246 bilion), namun ia meningkat kepada AS\$100 bilion (RM305 bilion) dalam tahun pertama AFTA berkuat kuasa. Malaysia juga, katanya turut mempunyai perjanjian dagangan dua hala dengan India, China dan beberapa negara membangun lain di seluruh dunia yang menyediakan sokongan teguh ke atas pertumbuhan ekonomi negara. "Pasaran baru berkenaan menyediakan daya tahan kepada sektor eksport negara. Pada masa sama, kerajaan akan terus menyediakan ekosistem kepada sektor swasta untuk menjadi tunjang utama ekonomi negara," katanya.



**Sabtu, 22 Oktober, 2011 - Bajet 2012 harapan baru rakyat hidup lebih sempurna**

PEMBENTANGAN Bajet 2012 pada 7 Oktober lalu memberikan sinar baru kepada segenap lapisan masyarakat sama ada kelompok profesional mahu pun golongan marhaen. Berbekalkan tema Dasar Transformasi Nasional: Bajet Membela Rakyat, Mensejahtera Negara, sebanyak RM232.8 bilion diperuntukan untuk negara. Bajet itu dipecahkan kepada dua elemen utama iaitu perbelanjaan mengurus (RM181.6 bilion) dan perbelanjaan pembangunan (RM51.2 bilion). Bajet paling sempurna dalam sejarah ini menyandarkan lima fokus utama iaitu meningkatkan pelaburan, mengungguli modal insan, mencerna kreativiti dan mencetus inovasi serta peruntukan bagi program transformasi luar bandar. Selain pemberian subsidi RM33.2 bilion, negara turut mensasarkan pertumbuhan ekonomi mencecah kepada 5.5 peratus pada 2012. Kerajaan turut berhasrat mencapai pengurangan defisit kepada 4.5 peratus. Bagi mengukuhkan ekonomi Malaysia, peruntukan RM232.8 bilion akan dimanfaatkan untuk melaksana semua rancangan pembangunan negara. Antara perkara dikenal pasti adalah pelaksanaan projek dan program di bawah Rolling Plan Kedua, Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA), Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) dan Inisiatif Pembaharuan Strategik (SRI). Menerusi perancangan pihak kerajaan membantu meringankan beban rakyat, peruntukan bantuan perumahan turut disentuh dalam belanjawan itu. Antara perkara paling menarik ialah:

\* Peruntukan RM443 juta untuk membina 15,000 unit rumah kos rendah di bawah Program Perumahan Rakyat. \* RM63 juta untuk membaikpulih 1,270 rumah terbengkalai. \* Peruntukan untuk penyelenggaraan dan membaikpulih perumahan awam dan swasta sebanyak RM40 juta. \* Program bantuan sosial Anjung Singgah akan dikembangkan ke Johor, Pulau Pinang dan Sarawak untuk membantu memberi tempat tinggal kepada mereka yang tiada rumah kediaman (homeless).\* Had maksimum harga rumah dalam Skim Rumah Pertamaku dinaikkan daripada RM200,000 kepada RM400,000. Dalam usaha mempertingkatkan keselesaan hidup dalam kalangan rakyat, kerajaan sudah menubuhkan Perumahan Rakyat 1Malaysia (PR1MA). Ia adalah agensi tunggal untuk membangun dan menyelenggara perumahan mampu milik berkualiti khusus untuk memenuhi keperluan golongan berpendapatan sederhana. Pada 2012, disasarkan sebanyak 7,700 unit rumah akan dibina di kawasan Cyberjaya, Putra Heights, Seremban, Damansara dan Bukit Raja, Klang. Menerusi PR1MA, harga seunit rumah lebih rendah berbanding pasaran disebabkan tanah dan dana mudah cara disediakan kepada pemaju. Kerajaan turut memberikan pengecualian sepenuhnya duti setem ke atas surat cara perjanjian pinjaman di bawah program PR1MA ini. Secara tidak langsung ia akan mempengaruhi harga seunit rumah yang dijual menerusi PR1MA. Contohnya, satu unit pangsapuri 1,000 kaki persegi di Putrajaya akan dijual pada harga RM150,000 berbanding harga pasaran yang mencecah RM220,000. Selain itu, menerusi Program Perumahan Rakyat (PPR), 75,000 unit rumah mampu milik akan dibina di bawah Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMK-10). Tahun 2012 bakal menyaksikan 8,000 unit rumah PPR dibina untuk disewa manakala 7,000 unit lagi untuk dimiliki. Keseluruhan 15,000 unit rumah PPR ini membabitkan kos RM443 juta. Kerajaan turut memberi peruntukan tambahan RM200 juta menerusi Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) untuk membina 10,000 unit Rumah Mesra Rakyat pada tahun depan.

Berita paling gembira untuk golongan berpendapatan rendah dalam belanjawan ini adalah pengurangan harga rumah. Kos rumah RM65,000 akan dijual pada harga RM45,000 iaitu terdapat pemberian subsidi RM20,000 untuk setiap unit rumah. Peruntukan bantuan perumahan dalam Belanjawan 2012 ini mampu memberikan satu harapan baru kepada rakyat yang terhimpit dengan ketidakmampuan mereka untuk memiliki rumah. Mereka boleh menarik nafas lega dan mengukir senyum kerana janji ini boleh membantu mereka untuk mendapatkan keperluan paling asas dalam hidup iaitu memiliki rumah kediaman. Menyorot masalah rakyat, kita tidak seharusnya lupa bahawa kebanyakan masyarakat Malaysia terbelenggu dek harga rumah yang tinggi. Hal ini mengekang keupayaan mereka memiliki kediaman yang selesa untuk didiami. Di Malaysia, Pulau Pinang adalah negeri yang menyaksikan lambungan harga rumah yang melampau sehingga menghalang keperluan masyarakat berpendapatan rendah dan sederhana untuk mendiami rumah yang selesa. Perjuangan Pusat Penyelidikan Sosio-Ekonomi Pulau Pinang (PReCISE) selama tiga tahun dalam isu perumahan seakan disuntik dengan semangat baru apabila pihak kerajaan memandang serius isu perumahan yang dihadapi rakyat dalam pembentangan Belanjawan 2012. PReCISE akan terus berusaha melobi pihak kerajaan dan swasta untuk rakyat mendapatkan kediaman yang selesa. \* Penulis ialah Penyelidik Kanan, Pusat Penyelidikan Sosio-Ekonomi Pulau Pinang (PReCISE)

## **BERITA HARIAN online**

**Isnin, 24 Oktober, 2011 - Lebih 1,000 hotel tiada sijil halal**

BACHOK: Hampir satu pertiga atau 429 daripada lebih 1,500 hotel berdaftar dengan Kementerian Pelancongan sudah mempunyai Sijil Halal dari Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN). Ketua Pegawai Eksekutif Halal Industry Development Corporation (HDC), Datuk Seri Jamil Bidin, berkata lebih 1,000 hotel lagi yang masih belum berbuat demikian dengan kebanyakannya membabitkan hotel lima bintang. "Keadaan ini berlaku kerana hotel terbabit masih tidak memahami mengenai persijilan halal kerana ada yang beranggapan bahawa ia membabitkan keseluruhan hotel, sedangkan tumpuan hanya diberikan kepada bahagian dapur saja," katanya. Beliau memberitahu pemberita selepas majlis Pelancaran Latihan Audit Dalaman Halal untuk Hotel (HIA) dan Pecah Tanah Taman Teman Mini Sudara serta Penutup Kempen Kesedaran Penggiat Pelancongan Negeri Kelantan, di sini, semalam, yang disempurnakan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Mustapa Mohamed. Hadir sama Penggerusi HDC, Tan Sri Dr Syed Jalaluddin Syed Salim dan Ketua Pegawai Eksekutif Persatuan Hotel Malaysia, Reginald T Pereira. Jamil berkata, dengan mempunyai Sijil Halal ini, ia mampu menjadi tarikan pelancong Islam terutama dari negara Islam untuk melancong ke Malaysia kerana berupaya menyediakan kemudahan halal terutama makanan. Malah katanya, hotel yang sudah mempunyai Sijil Halal mampu mengelak dari berlaku sebarang isu berkaitan dengan makanan terutama apabila menjelang bulan puasa dengan kebanyakan hotel menyediakan perkhidmatan berbuka puasa. "Supaya tidak timbul sebarang isu berkaitan dengan makanan halal terutama pada setiap bulan Ramadan, HDC berharap semua hotel di negara ini tanpa mengira taraf bintang, memiliki Sijil Halal," katanya. Beliau berkata, HDC menyediakan perkhidmatan bimbingan dan latihan kepada sektor perhotelan dalam proses serta prosedur pensijilan halal yang membabitkan tenaga kerja terlatih dan berpengetahuan tinggi.

## **BERITA HARIAN online**

**Isnin, 24 Oktober, 2011 - RM127 juta sudah diluluskan**

PENGGIAT industri kandungan kreatif disarankan memanfaatkan Dana Industri Kreatif bernilai RM200 juta yang diberikan kerajaan pada pembentangan bajet 2010, dengan menghasilkan projek yang boleh mendatangkan keuntungan kepada industri. Dana itu yang kini berbaki RM40 juta lagi dijangka dapat diselesaikan menjelang Januari tahun depan. Sejak dilancarkan, Dana Industri Kreatif menerima 255 permohonan. Sebanyak 115 permohonan dengan jumlah pinjaman RM127 juta diluluskan, manakala sebanyak 45 permohonan bernilai RM87 juta masih lagi dalam pertimbangan kelulusan. Dana Industri Kreatif kini lebih terjamin menerusi penggubalan Dasar Industri Kreatif Negara (DIKN) yang dilancarkan Menteri Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan, Datuk Seri Dr Rais Yatim baru-baru ini. DIKN digubal bagi merangsang pertumbuhan ekonomi berdasarkan kandungan kreatif negara serta mewujudkan masyarakat yang dapat menjana pendapatan tinggi.

Selain menggalakkan masyarakat berlumba-lumba meneroka peluang pada peringkat antarabangsa. Industri kreatif yang meliputi tiga skop utama iaitu multimedia, seni budaya dan warisan budaya dikatakan dapat mewujudkan kirakira 50,000 peluang pekerjaan menjelang 2015 hingga 2020. Serta menjana pendapatan antara RM6 bilion hingga RM7.2 bilion setahun. Ketua Pengarah Perbadanan Kemajuan Filem Nasional (FINAS), Mohd Naguib Razak berpandangan dana industri kreatif yang diberikan kepada calon yang layak, khususnya kepada penggiat industri perfileman harus mempunyai kesan lanjutan. Katanya, penerima harus menggunakan dana diberikan dengan cara betul supaya dapat memberi pulangan dan seterusnya melahirkan lebih banyak projek yang menjana keuntungan. "Setiap dana yang diluluskan perlulah mempunyai putaran keuntungan. Bukan bermakna bila dapat dana, ia habis hanya dengan sekali guna. Sebaliknya penggiat industri perlu memikirkan cara untuk melipat gandakan keuntungan supaya dapat menghasilkan lebih banyak projek lain. Pada waktu sama, penggiat lain juga mendapat manfaat dari keuntungan itu. "KRU Studio sebagai contoh, mereka bermula dari sebuah kumpulan muzik. Tetapi mereka mengambil inisiatif menghasilkan filem, kemudian membuka pula peluang pekerjaan kepada anak muda. "Studio yang mereka tubuhkan pula memberi servis pada industri. Inisiatif yang diusahakan KRU secara tidak langsung dapat meyakinkan orang luar," katanya yang berharap lebih banyak karya tempatan di bawa ke luar negara.

Berdasarkan kepada jumlah penduduk, pemasaran dan kuasa membeli, Malaysia agak ketinggalan berbanding rantau Asia lain seperti Thailand, Singapura dan Jepun. Justeru, FINAS, katanya akan berusaha untuk membantu memberi pendedahan kepada penggiat industri pada peringkat antarabangsa. "Usaha meneroka pasaran antarabangsa sudah dilakukan atas inisiatif penggiat seni sendiri contohnya filem Hikayat Merong Mahawangsa dan Bunohan yang berjaya mendapatkan perjanjian di beberapa daerah di luar negara. "Pihak kerajaan akan berusaha menyenangkan proses membawa karya kita ke luar supaya penggiat kita tidak berasa beban. Kita juga akan mencari cara untuk memudahkan kerjasama antarabangsa antara syarikat Malaysia dan syarikat di negara lain. Contohnya kini kita sedang dalam proses untuk menjalinkan usaha sama dengan syarikat dari Australia," katanya. Sementara itu, bagi Pengarah Urusan KRU Studios, Norman Abdul Halim pula, dengan adanya satu dasar yang tertulis, pelan pembangunan industri lebih mudah direncana. Norman yang juga Setiausaha Kehormat Persatuan Penerbit Filem Malaysia (PFM) turut berharap, lebih banyak perkembangan positif bakal berlaku kepada industri kreatif menerusi kewujudan dasar ini. "Sekurang-kurangnya dengan adanya dasar ini, kita dapat melihat industri kreatif dengan lebih menyeluruh. Bagaimanapun untuk mengembangkan industri ini, bantuan dari kerajaan memang amat perlu. "Penerbit filem ada kalanya memerlukan puluhan ribu untuk menghasilkan filem. Oleh kerana risiko yang besar ditanggung oleh penerbit, kewujudan dana sedikit sebanyak dapat membantu. Bagaimana janganlah menggunakan dana untuk menghasilkan filem yang bukan-bukan. "Selain itu, kewangan industri kreatif juga perlu diurus tadbir dengan baik dan diberikan kepada orang yang benar-benar layak," katanya.

#### INFO Ringkas DIKN

\* Kerajaan memperuntukkan RM200 juta untuk Dana Industri Kreatif pada pembentangan Bajet 2011.  
\* Sebanyak RM40 juta belum digunakan

\* Sebanyak 255 permohonan diterima tetapi 115 diluluskan membabitkan jumlah pinjaman RM127 juta.  
\* Sebanyak 45 permohonan bernilai RM87 juta masih lagi dalam pertimbangan kelulusan.

\* Industri kreatif yang meliputi multimedia, seni budaya dan warisan budaya.

\* Mewujudkan 50,000 peluang pekerjaan menjelang 2015 hingga 2020.

\* Menjana pendapatan antara RM6 bilion hingga RM7.2 bilion setahun.

KUALA LUMPUR: Sebanyak 17 kementerian dan 13 jabatan kerajaan memperoleh penarafan empat bintang dalam prestasi pengurusan kewangan pada 2010 dengan memperoleh lebih 90 markah, berbanding hanya 10 kementerian dan empat jabatan pada tahun sebelumnya. Mengikut Laporan Ketua Audit Negara 2010 yang dikeluarkan semalam, kementerian yang dinilai sangat baik adalah Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar; Perumahan dan Kerajaan Tempatan; Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat; Kewangan; Tenaga, Teknologi Hijau dan Air; Pelajaran; Pertahanan; Perdagangan Antarabangsa dan Industri; Pengajian Tinggi dan Sumber Manusia. Jabatan yang mencapai tahap sangat baik pula adalah Unit Penyelarasaran Pelaksanaan, Jabatan Tenaga Kerja (Semenanjung), Jabatan Peguam Negara, Jabatan Kebajikan Masyarakat, Jabatan Tenaga Kerja Sarawak, Jabatan Arkib Negara, Jabatan Perangkaan dan Pejabat Setiausaha Persekutuan Sabah. Jabatan lain adalah Jabatan Insolvensi, Jabatan Pengangkutan Jalan, Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan, Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia serta Jabatan Perkhidmatan Awam. Sementara itu, lapan kementerian dinilai sebagai baik dalam prestasi pengurusan kewangan 2010 dengan memperoleh antara 80 dan 89 markah, manakala 22 jabatan memperoleh 70 hingga 89 markah. Semakan audit lanjut terhadap 25 kementerian mendapati secara umumnya, empat daripada enam kawalan utama berada pada tahap sangat baik, iaitu Kawalan Pengurusan, Bajet, Terimaan dan Perbelanjaan, manakala Pengurusan Akaun Amanah/Kumpulan Wang Amanah dan Deposit serta Pengurusan Aset dan Stor pada tahap baik. Bagi 35 jabatan pula, hanya tiga kawalan iaitu Kawalan Bajet, Terimaan dan Perbelanjaan berada pada tahap sangat baik, manakala tiga lagi iaitu Kawalan Pengurusan, Pengurusan Akaun Amanah/ Kumpulan Wang Amanah dan Deposit serta Pengurusan Aset dan Stor pada tahap baik. Ketua Audit Negara mengesyorkan beberapa cadangan untuk memantapkan prestasi pengurusan kewangan, termasuk pegawai pengawal atau ketua jabatan mengatur pemeriksaan secara menyeluruh untuk menentukan kelemahan yang dibangkitkan Jabatan Audit Negara berlaku dan mewujudkan sistem 'check and balance'. Ia juga mengesyorkan tindakan surcaj atau tatatertib dikenakan terhadap mereka yang gagal memungut hasil atau membuat bayaran yang tidak teratur.

KUALA LUMPUR: Pinjaman oleh kerajaan pada tahun lalu turun hampir 28 peratus kepada RM77.23 bilion, berbanding RM107.17 bilion pada 2009. **Laporan Ketua Audit Negara 2010** juga menyatakan jumlah bantuan luar negara menurun hampir satu peratus iaitu daripada RM450.82 juta pada 2009 kepada RM447.82 juta tahun lalu. Pinjaman dalam negeri terdiri daripada Bil Perbendaharaan, Terbitan Pelaburan Kerajaan, Sekuriti Kerajaan Malaysia, Sukuk dan pinjaman lain daripada institusi kewangan, pinjaman dan bantuan luar negara adalah daripada pinjaman projek, pinjaman pelbagai hala dan dua hala. Ketua Audit Negara, Tan Sri Ambrin Buang juga berkata, kerajaan membuat pelbagai bayaran balik pinjaman dalam dan luar negara berjumlah RM31.84 bilion pada 2010 berbanding RM50.93 bilion tahun sebelumnya. Laporan itu juga menyatakan 42 permohonan tuntutan ganti rugi berjumlah RM2.38 bilion dikemukakan kepada 12 kementerian dan Jabatan Perdana Menteri dalam tempoh lima tahun sehingga akhir tahun lalu. Sehingga akhir tahun lalu, 16 tuntutan pampasan berjumlah RM666.98 juta membabitkan sembilan kementerian diluluskan dengan 91.5 peratus atau RM610.56 juta dibayar kepada kontraktor berkaitan.

**Selasa , 25 Oktober, 2011 - Tabika diragui**

KUALA LUMPUR: Pemeriksaan audit terhadap pengurusan program Makanan Tambahan untuk Kanak-Kanak Tabika mendapati ada antara bahan kering di Kedah dan Kelantan disimpan di tempat tidak bersesuaian seperti bilik air, laci, bekas tong, stor barang serta kawasan simpanan yang dipenuhi najis lipas. Selain itu, ada makanan kering disimpan terlalu lama sehingga tamat tarikh luput, terdedah kepada ancaman serangga perosak dan ditempatkan bersebelahan bahan kimia seperti cat. Menurut laporan itu, penyimpanan bahan makanan itu tidak sesuai dan boleh menyebabkannya mudah rosak serta tidak selamat digunakan. Namun, Jabatan Audit Negara mendapati sesetengah Tabika tidak mematuhi peraturan kerana ketiadaan ruang stor dan kurang pengetahuan mengenai pengurusan stor di kalangan Pemaju Masyarakat (PM) dan Pembantu Pemaju Masyarakat (PPM). Bagaimanapun, Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS) dalam maklum balasnya menyatakan sudah membeli rak serta perabot bagi tujuan penyimpanan bekalan makanan basah dan kering. Selain itu, semakan audit mendapati 143 Tabika sudah diperiksa dan tidak mematuhi panduan menu makanan yang ditetapkan ibu pejabat KEMAS dengan menyediakan hidangan tidak tersenarai dalam menu. Peratus kegagalan untuk mematuhi menu yang paling tinggi adalah dari Kelantan dengan resipi ditetapkan oleh pejabat KEMAS Negeri berbeza dengan ibu pejabat. Ada Tabika di Kelantan menyediakan makanan bertih jagung, kismis bersama minuman Milo sedangkan ia sepatutnya kek lapis masam manis serta minuman susu bijirin.

**Selasa , 25 Oktober, 2011 - Beli alatan 2,805 peratus lebih tinggi harga pasaran**

LAPORAN Ketua Audit Negara 2010 yang dibentangkan semalam, mendapati Jabatan Taman Laut membuat pembelian lima alatan pada harga 177 peratus hingga 2,805 peratus lebih tinggi daripada harga pasaran. Mengikut perkiraan itu, perbezaan harga mencecah RM172,501 dan sepatutnya boleh dijimatkan sebelum sebarang pembelian dibuat. Antara peralatan yang dibeli melebihi harga pasaran termasuk laptop, iaitu RM11,845, melebihi hampir 246 peratus daripada harga pasaran RM3,428 dan TV LCD yang harga kontraknya RM16,100 berbanding harga pasaran RM2,182. Bagi alat pandang jauh 'Marine Binocular' dan 'Bushnell Binocular', masing-masing menunjukkan perbezaan ketara antara 1,893 hingga 2,805 peratus daripada harga pasaran asal RM1,940 dan RM2,827 berbanding RM56,350 dan RM56,350 harga ditetapkan dalam kontrak. Harga kontrak alat 'Colour Marine Radar (X-Band)' sebanyak RM47,725 pula menunjukkan perbezaan antara 478 peratus berbanding harga pasaran, iaitu RM8,255, manakala radio amatur atau Hand Held Portable VHF Transceiver pula dibeli pada harga RM4,324 berbanding harga pasaran RM1,561. Laporan itu menyatakan, dalam maklum balasnya, jabatan itu menyatakan kajian pasaran hanya dibuat berdasarkan pertanyaan lisan dengan Jabatan Perikanan memandangkan pegawai yang menguruskan perolehan tidak mempunyai kepakaran dan pengalaman dalam bidang berkaitan perolehan bot.

**Selasa , 25 Oktober, 2011 - Bumbung Stadium Nasional Bukit Jalil perlu dibaik pulih**

BUMBUNG Stadium Nasional Bukit Jalil didapati dalam keadaan tidak memuaskan dan boleh membahayakan pengunjung jika runtuh jika kerja membaik pulih tidak dilaksana segera. Ini kerana selain bumbung koyak yang menyebabkan pengguna terdedah kepada hujan, skru kabel kerangka bumbung itu longgar dan berkarat kerana peruntukan yang dimohon untuk kerja membaik pulih sejak 2006 tidak diluluskan. Berikut itu, Ketua Audit Negara mengesyorkan kepada Perbadanan Stadium Malaysia (PSM) yang menguruskan Kompleks Sukan Negara, membuat perancangan rapi supaya kerja membaik pulih dijalankan mengikut jadual selain meningkatkan pendapatan daripada kutipan sewa.

Pihak audit berpendapat berlaku kelewatan melaksana kerja penukaran bumbung yang sudah tamat tempoh jaminan pada 2008 dengan sebahagian besar bumbung koyak dan skru kabel longgar serta berkarat. Semakan lanjut mendapati PSM sudah memohon peruntukan sebanyak empat kali bermula 2006 hingga 2010 dan kerajaan meluluskan RM30 juta pada Disember 2010. Bagaimanapun, PSM menyerahkan kerja penukaran bumbung kepada Jabatan Kerja Raya pada April 2011 kerana PSM tidak mempunyai kepakaran teknikal. Mengenai audit Majlis Sukan Negara (MSN), laporan itu menyatakan proses pembelian kuda untuk sukan ekuestrian sepaututnya di bawah kuasa Ketua Pengarah MSN tetapi Pengarah Institut Sukan Negara (ISN) meluluskan perbelanjaan di bawah sekretariat World Endurance Championship (WEC) pada tahun 2007 hingga 2008. Semakan mendapati semua kuda dibeli ISN dibuat melalui proses rundingan terus menyebabkan kepentingan ISN tidak dilindungi.

## BERITA HARIAN online

Selasa , 25 Oktober, 2011 - 7 projek rumah tak dilaksana

KUALA LUMPUR: Kerajaan Negeri Kelantan gagal melaksanakan tujuh projek Rumah Awam Kos Rendah (RAKR) membabitkan 838 unit rumah bagi tempoh Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) berakhir 2010 kerana kelemahan pengurusan, masalah kewangan dan aliran tunai. Di bawah RMK-9, Bahagian Perumahan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan selaku badan pelaksana menerima peruntukan RM19 juta, tetapi semakan audit mendapati sehingga tempoh rancangan itu tamat, kerajaan negeri tidak membina rumah seperti dirancang. Mengikut perancangan, kerajaan melaksanakan projek RAKR Sungai Ketil di Gua Musang, Jubakar II (Tumpat), Kadok (Kota Bharu), Dalam Rhu (Tumpat), Padang Tembak II (Pengkalan Chepa), Labok (Machang) dan Bunut Susu II (Pasir Mas) yang membabitkan rumah teres, kluster dan pangsapuri kos rendah dengan anggaran kos pembinaan RM39.1 juta. Kelemahan perancangan menyebabkan projek tidak dapat dilaksanakan sehingga rakyat yang memerlukan rumah kos rendah tidak dapat memiliki, terutama bagi 1,913 pemohon yang berdaftar sehingga akhir 2010. Pengauditan itu dijalankan antara September hingga Disember 2010 dengan menumpukan kepada tiga lokasi, iaitu di Jeli, RAKR Gaal di Pasir Puteh dan RAKR Gunong, Bachok.

Kelemahan dikenal pasti adalah dalam tempoh RMK-9 apabila Kelantan tidak membangunkan sebarang projek perumahan RAKR seperti dirancang kerana masalah kewangan/aliran tunai, kegagalan menjual semua unit rumah yang dibina serta masalah tunggakan ansuran sewa beli dan sewa rumah masih tinggi. Laporan itu juga menyatakan pemaju yang gagal menyiapkan projek tidak dikenakan tindakan kerana kelemahan perjanjian, selain kelemahan dalam pemilihan pemohon. Selain itu, audit mendapati pembinaan projek sambungan RMK-8 secara usaha sama membabitkan dua blok pangsapuri 160 unit gagal disiapkan dalam tempoh ditetapkan, manakala jumlah tunggakan ansuran sewa beli dan sewa rumah mencecah RM9.4 juta sehingga akhir 2010. Kelemahan lain adalah 56 daripada 100 unit rumah RAKR Gaal belum dijual walaupun projek siap sejak 2007 dan 56 pembeli rumah secara terus belum menjelaskan bayaran mencecah RM2.45 juta walaupun rumah diduduki dan kunci diserahkan melebihi setahun. Bagi mengatasi kelemahan itu, Ketua Audit Negara mengesyorkan Bahagian Perumahan Pejabat SUK melaksanakan projek RAKR seperti dirancang, mengkaji semula skim jualan rumah secara terus dengan mengutamakan skim jualan secara sewa beli kerana menyusahkan rakyat pendapatan rendah mendapat pinjaman dan bayaran bulanan serta mengkaji semula syarat perjanjian usaha sama dengan pemaju bagi memastikan kepentingan kerajaan terjamin. Laporan juga mencadangkan Kerajaan Negeri mengkaji semula kaedah pemilihan pemohon yang layak melalui pengawalan data, pemeriksaan fizikal dan tawaran kepada mereka yang layak.

**Selasa , 25 Oktober, 2011 - Pulau Pinang disaran majukan rumah murah**

KERAJAAN Pulau Pinang disaran meningkatkan program pengurusan perumahan kos rendah, terutama aspek kelewatan proses pengagihan kepada 141, 497 pemohon rumah kos rendah dan 4,146 pemohon Projek Perumahan Rakyat (PPR). Semakan audit bagi tempoh 2008 hingga 2010 mendapati 13,035 mendaftar untuk rumah kos rendah, manakala 1,024 bagi PPR, menjadikan bilangan pemohon keseluruhan sehingga tahun lalu adalah 148,129 untuk kos rendah dan 4,573 PPR. Daripada jumlah itu, hanya 6,632 pemohon yang sudah mendapat rumah kos rendah dan 427 pemohon mendapat rumah PPR bagi tempoh 2008. Selain itu, ada tunggakan berjumlah RM850,00 dari hasil sewa, RM5.97 juta dari sewa beli dan RM4.95 juta yuran penyenggaraan yang memerlukan tindakan segera Bahagian Perumahan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk mengutip tunggakan bagi mengurangkan tunggakan. Akibat tunggakan berkenaan, penyenggaraan rumah kurang dilaksanakan dan berlaku penyusutan baki akaun Kumpulan Wang Penyenggaraan dari RM2.65 juta pada awal 2008 kepada RM780,00 pada akhir tahun lalu.

**Selasa , 25 Oktober, 2011 - Pelaburan Selangor, Kelantan ditegur**

PENGURUSAN kewangan kerajaan-kerajaan negeri secara keseluruhannya memuaskan tetapi Selangor dan Kelantan masing-masing ditegur dalam aspek pelaburan dan pelaksanaan projek. Laporan Ketua Audit Negara 2010 yang diumumkan Ketua Audit Negara, Tan Sri Ambrin Buang, semalam turut menunjukkan prestasi pengurusan ekonomi memberangsangkan di hampir semua negeri. Bagi Selangor, pulangan atas pelaburan jangka masa panjang tidak memuaskan kerana negeri itu mendapat pulangan dividen paling rendah dalam tempoh lima tahun dan tiada dividen diterima tahun lalu. Bagaimanapun, Selangor berjaya mengurangkan tunggakan hasil negeri kepada RM502.05 juta tahun lalu berbanding RM601.92 juta pada 2009. Menurut laporan itu, pencapaian perbelanjaan dan pelaksanaan rancangan pembangunan di Kelantan tidak memuaskan apabila 11 program yang dirancang belum dimulakan, manakala 51 lagi masih dilaksanakan. "Kerajaan negeri hendaklah berbelanja secara berhemat tanpa menjelaskan mutu perkhidmatan dan pembangunan ekonomi negeri," menurut laporan penyata kewangan bagi Negeri Kelantan 2010.

**Khamis, 27 Oktober, 2011 - Pendekatan inovatif mampu jimat KDN RM45.7 juta**

KUALA LUMPUR: Kementerian Dalam Negeri (KDN) berjaya menjimatkan hingga RM45.7 juta menerusi pelaksanaan Program Pemulihan Kemasyarakatan membabitkan kerjasama antara Jabatan Penjara Malaysia dan Angkatan Tentera. Menterinya, Datuk Seri Hishammuddin Hussein, berkata pendekatan berhemah dan inovatif yang dilaksanakan kerajaan membawa hasil terutama dari segi penjimatan kos. "Pendekatan inovatif melalui kerjasama polis dan tentera juga digunakan bagi mengadakan latihan asas kepolisan di kem tentera. "Langkah ini dapat mengatasi kekurangan pusat latihan polis dan mengandakan bilangan anggota, ia juga mengelak keperluan membina kem latihan baru yang bernilai RM250 juta dalam masa terdekat," katanya menggulung perbahasan ke atas Rang Undang-Undang Perbekalan 2012, di Dewan Rakyat. Menjawab soalan Ahli Parlimen, Mohd Nasir Zakaria (PAS-Padang Terap), Hishammuddin berkata, Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) sentiasa bekerjasama dengan semua agensi kerajaan termasuk Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) dalam usaha membersihkan data pemilih. "KDN juga akan bekerjasama dengan Jawatankuasa Pilihan Khas yang dijadual bermesyuarat pada 2 November ini. "KDN tidak ada apa-apa yang hendak disembunyikan," katanya sambil menjelaskan, dakwaan warga asing didaftarkan sebagai pemilih adalah tidak berdasas. Beliau berkata, penyalahgunaan kebebasan bersuara dan berhimpun seperti mengadakan demonstrasi jalanan sehingga menimbulkan ketegangan dalam masyarakat dan mengugat keselamatan negara, harus dielakkan.

KUALA LUMPUR: **Jabatan Audit Negara** berpuas hati dengan pembetulan dilakukan Badan Berkanun Persekutuan dan syarikat subsidiari berhubung syor dikemukakan dalam Laporan Ketua Audit Negara bagi 2008 dan 2009. Hingga April 2011, pihak audit mendapati bagi 2008 daripada 57 syor yang sedang ataupun belum diambil tindakan, sebanyak 27 (47.3 peratus) sudah diselesaikan, manakala bagi 2009 pula, sebanyak 82 syor dikemukakan dan 70 (85.4 peratus) diambil tindakan. Jumlah itu menunjukkan bahawa 12 ataupun 14.6 peratus syor sama ada sedang ataupun belum diambil tindakan oleh Badan Berkanun Persekutuan dan syarikat subsidiari terbabit. "Semakan audit susulan sudah dibuat bagi menilai sama ada tindakan pembetulan sudah diambil badan Badan Berkanun Persekutuan dan syarikat subsidiari," katanya. Sementara itu, Jabatan Kemajuan Masyarakat Malaysia (KEMAS) mengakui ada faktor kelalaian individu dalam isu kegagalan segelintir Tabika mematuhi panduan menu makanan ditetapkan oleh ibu pejabat mereka. Dalam Laporan Ketua Audit yang dikeluarkan baru-baru ini, semakan mendapati sebanyak 143 Tabika tidak mematuhi panduan menu ditetapkan ibu pejabat KEMAS dengan menyediakan hidangan tidak tersenarai dalam menu. Ketua Pengarah KEMAS, Datuk Abdul Puhat Mat Nayan, berkata masalah perbezaan pemahaman dikalangan Pembantu Pemaju Masyarakat (PPM) juga berlaku dan sejak pengubahan menu dijalankan pada 2009 masih ada Tabika masih menggunakan menu lama dan sebahagiannya mematuhi menu terbaru. "Ibu Pejabat KEMAS sudah meminta agar pihak KEMAS Negeri mematuhi panduan menu dan resipi makanan tambahan di semua tabika serta taska dan mengikut jadual Perolehan Bahan Makanan Mengikut Menu dan Resipi yang ditetapkan.

IPOH: Laporan Ketua Audit Negara 2010 yang menunjukkan status kewangan Perak semakin baik berbanding tahun sebelumnya adalah bukti kukuh menunjukkan dakwaan pakatan pembangkang kerajaan negeri di ambang muflis adalah pembohongan semata-mata. Menteri Besar, Datuk Seri Dr Zambry Abd Kadir, berkata laporan itu secara tidak langsung menjadi serampang dua mata kepada kerajaan negeri iaitu mengiktiraf kedudukan kewangan kukuh kerajaan Perak serta menafikan tuduhan pembangkang yang kerajaan muflis dalam ceramah mereka. "Begitupun, kerajaan negeri tidak sekadar berpuas hati dengan pengiktirafan ditunjukkan dalam laporan itu, sebaliknya akan terus berusaha memperbaiki lagi kedudukan kewangan negeri dengan mencari sumber baru bagi menambah dana. "Kita juga sedang memikirkan supaya wang yang diperoleh dapat diberikan semula kepada rakyat. Ini sebahagian usaha sedang dilakukan supaya hasil dan perolehan negeri boleh disalurkan semula kepada rakyat," katanya selepas menghadiri Majlis Hari Bertemu Pelanggan di sini, semalam.

Beliau mengulas laporan Ketua Audit Negara 2010 yang menunjukkan Tabung Pembangunan Disatukan tahun lalu mencatatkan baki RM762.33 juta iaitu melebihi RM73.08 juta berbanding 2009 yang mencatatkan RM689.25 juta. Perak juga mencatatkan penambahan sebanyak RM150.57 juta dalam kutipan hasil dan RM104.20 juta peningkatan pelaburan dalam negeri, selain mendapat maklum balas baik daripada kumpulan pendapatan rendah menerusi program Rancangan Perumahan Awam. Sementara itu, Zambry berkata, Bajet Perak 2012 akan dibentangkan pada sesi persidangan Dewan Undangan Negeri (DUN) Perak pada 21 hingga 24 November ini. Katanya, kerajaan negeri memikirkan bajet yang baik dan tidak membebankan rakyat, selain mengurangkan beberapa kekangan untuk memacu kedudukan ekonomi lebih pantas bergerak. "Ini disebabkan kita sedia maklum masalah yang dihadapi dari segi strateginya untuk meningkatkan pertumbuhan dan dalam masa yang sama kita memberikan kemudahan kepada rakyat," katanya.

KUALA LUMPUR: Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) bersedia membantu kerajaan Kelantan melaksanakan tujuh projek Rumah Awam Kos Rendah (RAKR) yang tidak dilaksanakan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan (RMKe-9). Pengarah Urusan SPNB, Datuk Dr Kamarul Rashdan Salleh, berkata langkah itu bukan berniat untuk mengambil alih projek berkenaan, sebaliknya membantu rakyat Kelantan memperoleh tempat kediaman selesa, murah dan bermutu. "SPNB tidak berniat untuk mengelepikan kerajaan negeri dengan mengambil alih projek ini, tetapi dengan kepakaran yang ada dan rekod pencapaian baik di beberapa projek perumahan mampu milik di seluruh negara, SPNB mampu melaksanakan tanggungjawab jika diberi kepercayaan kerajaan negeri. "Ketika ini pun SPNB berjaya menyiapkan 2,553 unit perumahan mesra rakyat di Bachok, Kuala Krai, Tumpat dan Kok Lanas, malah sesetengah rumah berkenaan sudah diduduki. SPNB juga sedang menyiapkan baki 317 unit lagi rumah mesra rakyat ini," katanya kepada Berita Harian, di sini, semalam.

Isnin lalu, **Laporan Ketua Audit Negara 2010**, mendedahkan kerajaan Kelantan gagal melaksanakan tujuh projek perumahan yang diamanahkan kepada mereka walaupun sudah diberikan peruntukan RM19 juta melalui Bahagian Perumahan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri itu. Mengikut perancangan, kerajaan negeri perlu melaksanakan projek RAKR Sungai Ketil di Gua Musang, Dalam Rhu dan Jubakar II (Tumpat), Kadok (Kota Bharu), Padang Tembak II (Pengkalan Chepa), Labok (Machang) serta Bunut Susu II (Pasir Mas) membabitkan rumah teres, kluster dan pangsapuri yang kosnya dianggarkan RM39.1 juta. Di RANTAU PANJANG: Kerajaan PAS Kelantan mendakwa tidak menerima peruntukan RM19 juta seperti dinyatakan dalam Laporan Ketua Audit. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerjaraya, Utiliti dan Alam Sekitar negeri, Datuk Md Anizam Abd Rahman, berkata sejak beliau memegang jawatan EXCO, tidak ada peruntukan diterima bagi tujuan melaksanakan projek berkenaan. "Saya tidak teliti lagi apa yang dinyatakan dalam laporan itu, tapi setahu saya, sejak memegang jawatan EXCO perumahan ini tidak ada peruntukan diberikan (Kerajaan) Pusat khususnya untuk (perumahan) kos rendah di Kelantan. "Sama ada RMKe-8 atau RMKe-9, sejak saya pegang jawatan ini tidak ada peruntukan daripada Kerajaan Pusat untuk (perumahan) kos rendah, tak terima sejak 2004," katanya selepas menghadiri Majlis Perasmian Projek Perlombongan Interbumi Mining Sdn Bhd dan Penyampaian Sumbangan Sempena Aidiladha di Lubuk Stol di sini, semalam.

GEORGETOWN: Ketiadaan rumah kos rendah dibina kerajaan DAP Pulau Pinang sejak memerintah negeri ini hingga tahun lalu, membuktikan kerajaan negeri tidak prihatin nasib rakyat berpendapatan rendah yang masih ramai belum memiliki rumah. Kegagalan kerajaan negeri menyediakan rumah kos rendah yang mendapat teguran dalam **Laporan Ketua Audit Negara 2010**, menunjukkan dasar kerajaan negeri yang tidak menggalakkan pembinaan rumah jenis itu. Pengerusi UMNO Pulau Pinang, Datuk Zainal Abidin Osman, berkata perkara itu yang dimasukkan dalam Laporan Ketua Audit Negara 2010, membuktikan kebenaran kenyataan pemimpin Barisan Nasional (BN) negeri sebelum ini. Sebelum ini, BN negeri mendedahkan kerajaan negeri gagal membina walaupun seunit rumah kos rendah tetapi kenyataan itu dinafikan kerajaan negeri. "Apa yang kita perkatakan selama ini terbukti benar. BN bercakap berdasarkan fakta untuk kepentingan rakyat berpendapatan rendah, bukannya membuat tuduhan melulu," katanya ketika dihubungi, semalam. Laporan Ketua Audit Negara 2010 menyebut bagi tempoh 2008 hingga 2010, kerajaan negeri tidak melaksanakan projek perumahan kos rendah baru. Pada masa sama, bilangan pendaftaran untuk mendapatkan rumah kos rendah dan projek perumahan rakyat berjumlah 152,702. Zainal berkata, dengan Laporan Ketua Audit Negara itu, kerajaan negeri tidak boleh lagi menyembunyikan fakta sebenar mengenai kegagalan membina rumah kos rendah. Sebelum ini, katanya, kerajaan negeri mendakwa membina sejumlah rumah dalam tempoh berkenaan, tetapi terbukti sebaliknya.

"Mungkin baru diluluskan...belum bina lagi. Di sini kita boleh menilai, siapa yang kerajaan negeri utamakan...rakyat berpendapatan rendah ataupun golongan tertentu saja," katanya. Sementara itu, Ketua Menteri, Lim Guan Eng, mengakui kerajaan negeri tidak pernah membina rumah kos rendah yang diperlukan penduduk Pulau Pinang sepanjang tempoh itu. "Ya, memang benar kerajaan negeri tidak pernah membinanya, tetapi ia hanya pada teknikal dan urusan itu dilakukan agensi pelaksana kerajaan negeri, yang mana 3,000 unit rumah kos rendah dibina sepanjang tempoh itu. "Kerajaan negeri hanya mampu membina 3,000 unit rumah menerusi agensi pelaksana berikutnya kekurangan wang, manakala pembinaan rumah selebihnya ditanggung swasta," katanya.

**BERITA HARIAN**  
**online**

**Khamis, 27 Oktober, 2011 - Pendedahan laporan audit atas perbetul kesilapan**

LAPORAN Ketua Audit Negara 2010 menarik perhatian ramai kerana ia mempunyai kaitan secara langsung dengan perbelanjaan wang kerajaan. Sebagai pembayar cukai pendapatan dan pelbagai jenis cukai lain, rakyat sememangnya mengharapkan jabatan dan agensi kerajaan mengamalkan perbelanjaan yang berhemah tidak kira sama ada kerajaan Persekutuan, kerajaan-kerajaan negeri yang ditadbir kerajaan Pusat atau pembangkang, jabatan dan agensi-agensinya. Pada masa sama, jika pihak terbabit berbelanja boros, mereka tidak boleh lari daripada pengawasan Ketua Audit Negara. Setiap kelemahan mereka dicatat dan dilaporkan kepada umum. Apabila ia dibentang di Parlimen dan ia menjadi tatapan ramai. Ini adalah sikap keterbukaan kerajaan yang jelas dan tidak berselindung. Jika sesebuah agensi membazirkan wang dengan pembelian peralatan dengan harga terlalu tinggi atau alat yang tidak boleh digunakan kerana ketiadaan bekalan elektrik dan sebagainya, ia tetap didedahkan. Bagi 2010, laporan Ketua Audit Negara menyatakan terdapat perbelanjaan berlebihan di tujuh kementerian dan agensinya, termasuk pembelian laptop dan televisyen LCD melebihi harga pasaran. Antara yang ketara ialah alat pandang jauh 'marine binocular' dan 'bushnell binocular' yang dibeli pada harga yang lebih tinggi daripada harga pasaran. Banyak lagi barang yang dibeli jelas tidak menunjukkan perbelanjaan berhemat oleh jabatan dan agensi kerajaan. Justeru, jaminan yang diberikan oleh Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Mohd Sidek Hassan kelmarin, bahawa kelemahan pengurusan kewangan itu tidak akan berulang pastinya melegakan banyak pihak. Namun kita berharap pihak pengurusan tertinggi kerajaan akan merumuskan satu mekanisme bagi memantau dengan telus dan tegas setiap perbelanjaan oleh semua kementerian dan agensi kerajaan agar tidak berlaku lagi ketirisan atau perbelanjaan yang tidak diurus dengan baik. Serentak dengan langkah kerajaan untuk menjimatkan perbelanjaan dengan mengurangkan suhu alat pendingin hawa di pejabat, kita juga berharap jabatan kerajaan mengelak daripada mengadakan seminar atau mesyuarat secara mewah di pusat peranginan atau hotel bertaraf lima bintang, kecuali jika ada keperluan untuk menganjurkannya di tempat berkenaan. Apapun kita berharap Laporan Ketua Audit Negara 2010 itu akan dijadikan sebagai asas untuk membetulkan apa juga kesilapan dan salah guna kuasa di jabatan dan agensi kerajaan bagi perbelanjaan semasa dan akan datang. Ini bukan kali pertama laporan seumpama itu dikeluarkan dengan pelbagai perbelanjaan atau pembelian peralatan pada harga yang mengejutkan dan kita juga berharap ia tidak lagi berulang pada masa depan.

**BERITA HARIAN**  
**online**

**Jumaat, 28 Oktober, 2011 - Hukum pembazir (HL)**

SITIAWAN: Tan Sri Muhyiddin Yassin mengarahkan tindakan disiplin atau hukuman setimpal diambil terhadap pihak yang terbukti melakukan pembaziran atau salah guna kuasa seperti dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara 2010. Timbalan Perdana Menteri berkata, kerajaan memandang serius semua teguran dalam laporan itu bagi memastikan perbelanjaan yang dikeluarkan oleh kementerian, jabatan serta agensi kerajaan benar-benar dimanfaatkan untuk faedah rakyat. "Setiap kelemahan yang didedahkan dalam laporan itu perlu diperbaiki dengan langkah tertentu seperti tindakan disiplin terhadap pihak berkaitan jika ada penyalahgunaan kuasa," katanya pada sidang media selepas melancarkan sisipan School Times akhbar New Straits Times, di Sekolah Menengah Kebangsaan Batu Sepuluh Lekir, dekat sini, semalam.

Serentak itu, Muhyiddin meminta semua kementerian, agensi kerajaan Persekutuan serta kerajaan negeri, termasuk yang dikuasai pembangkang tidak hanya membaca Laporan Ketua Audit Negara, sebaliknya mengambil perhatian serius semua teguran. Beliau berkata, teguran itu dapat dijadikan panduan untuk semua pihak menentukan supaya perbelanjaan daripada dana negara dimanfaatkan sebaik mungkin untuk rakyat. "Laporan itu mencakupi semua kementerian, agensi dan kerajaan negeri. Tidak terkecuali kerajaan yang dikuasai pembangkang, ada juga teguran audit yang mereka perlu jawab. Ini menunjukkan tanggungjawab Ketua Audit Negara yang mengambil kira semua pihak," katanya. Mengulas kritikan pembangkang terhadap dasar transformasi kerajaan berikut ketirisan yang dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara itu, Muhyiddin berkata, pembangkang tidak sepatutnya sesuka hati melabel demikian kerajaan kerajaan negeri yang dikuasai pembangkang turut ditegur. Sebuah portal berita kelmarin melaporkan Menteri Besar Selangor, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim, tidak senang dengan teguran terhadap Kumpulan Darul Ehsan Berhad (KDEB) yang mencatat keuntungan pada 2007-2008 berubah kepada menanggung kerugian RM122 juta pada 2009. Muhyiddin berkata, pemimpin pembangkang pernah berada dalam kerajaan dan menerajui beberapa kementerian semestinya tahu laporan Ketua Audit Negara sentiasa disertakan dengan teguran penting untuk memastikan perbelanjaan negara dilaksanakan dengan berhemah dan baik.

"Kita pada peringkat kementerian sudah memberi penjelasan kepada juruaudit dan mereka yang membuat pengauditan (mengenai perkara sebenar yang berlaku), tetapi teguran itu memang penting. "Ini bukan bermakna tiada penambahbaikan. Kerajaan faham dan laporan ini memang kita ambil kira sebagai laporan penting. Apa yang penting bagaimana kita dapat memastikan beberapa asas seperti sikap kebertanggungjawaban, telus dan sifat murni yang kita gunakan sebagai asas dalam menguruskan belanjawan negara mesti dijadikan pegangan utama," katanya. Terdahulu, ketika berucap pada perjumpaan khas bersama guru-guru agama Perak di Universiti Teknologi Petronas (UTP) di Seri Iskandar, beliau menyarankan guru agama dan pendidikan Islam memiliki pemikiran sejagat dan pandangan global, bukannya hanya tertumpu kepada sukan pelajaran dalam kelas semata-mata ketika menyampaikan ilmu di sekolah. Katanya, pemikiran yang mengambil kira perubahan di persekitaran dan seluruh dunia dalam aspek pendidikan, budaya, ikhtisas, politik dan ekonomi mampu melahirkan modal insan lebih berkualiti yang diperlukan negara bagi mencapai negara maju menjelang 2020. Pada sesi soal jawab pula, beliau berkata kerajaan sedia membantu Sekolah Agama Rakyat peringkat rendah atau menengah, terutama dalam aspek latihan guru, infrastruktur dan bantuan kewangan. "Kerajaan juga sedia menimbang cadangan memberi biasiswa atau menanggung kos pengajian guru sekolah agama rakyat yang ingin menyambung pengajian di institut pengajian guru serta Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI)," katanya. Pada majlis itu, Muhyiddin menyampaikan RM15.8 juta kepada 59 sekolah agama di negeri ini membabitkan RM11.9 juta kepada 32 sekolah menengah agama rakyat dan sekolah rendah agama rakyat, 24 Sekolah Agama Bantuan Kerajaan dan RM3.4 juta serta RM600,000 kepada tiga sekolah menengah kebangsaan agama.

**BERITA HARIAN**  
**online**

Jumaat, 28 Oktober, 2011 - Laporan audit dedah kelemahan agar kesilapan tidak berulang

LAPORAN Ketua Audit Negara 2010 yang didedahkan kepada umum, Isnin lalu membuktikan aspek pengurusan dan perbelanjaan kerajaan sepanjang tahun lalu boleh dianggap cekap dan berintegriti. Ia dibuktikan apabila sebanyak 17 kementerian dan 13 jabatan kerajaan memperoleh penarafan empat bintang dalam prestasi pengurusan kewangan pada 2010 dengan memperoleh lebih 90 markah, berbanding hanya 10 kementerian dan empat jabatan pada tahun sebelumnya. Pengurusan kewangan kerajaan negeri secara keseluruhannya juga memuaskan walaupun ada negeri ditegur dalam aspek pelaburan dan pelaksanaan projek. Walaupun begitu, masih terdapat beberapa kelemahan, kekurangan dan kemasukan yang ketara dalam aspek pengurusan dan perbelanjaan kerajaan sehingga menarik perhatian masyarakat, khasnya pembangkang. Beberapa kelemahan yang terkandung dalam laporan itu pada masa ini mungkin menimbulkan persepsi negatif terhadap kerajaan, terutama dalam isu perbelanjaan berlebihan membabitkan kementerian dan agensinya. **Laporan Ketua Audit Negara 2010** menyebut tujuh kementerian dan agensi kerajaan berada pada tahap pengurusan kewangan lemah. Tujuh kementerian dan agensi itu ialah Kementerian Kesihatan; Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air; Kementerian Pengangkutan;

Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi; Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN), Kastam Diraja Malaysia (KDRM) dan Perbadanan Stadium Nasional. Akibatnya, kelemahan itu kini digunakan pembangkang sebagai senjata untuk memburukkan kerajaan termasuk mendakwa ia adalah tanda kegagalan program transformasi kerajaan (GTP). Segala kelemahan itu kini dipergunakan sepenuhnya oleh pembangkang untuk mengelirukan dan menanam perasaan benci rakyat kepada kerajaan dalam ceramah, internet dan blog. Laporan audit itu kini seperti 'pisang goreng panas' bagi pembangkang untuk dijadikan modal politik untuk meraih sokongan rakyat dan melemparkan pelbagai tohmahan keronnya kerajaan sekarang korup, mengamalkan rasuah dan menyeleweng wang negara. Apa yang pasti, Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Mohd Sidek Hassan memberi jaminan kelemahan pengurusan kewangan tujuh kementerian dan agensi kerajaan terbabit akan dipastikan tidak berulang.

Sementara itu, Ahli Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) Datuk Rahman Dahalan, berkata laporan audit itu pada dasarnya menunjukkan tahap pengurusan kewangan pada peringkat kementerian dan agensi kerajaan mengalami peningkatan. Katanya, ia berbeza dengan laporan audit beberapa tahun sebelum yang amat jelas dan ketara berlaku penyelewengan perbelanjaan atau ketirisan pada peringkat kementerian atau jabatan. Beliau yang juga Ahli Parlimen Kota Belud menegaskan, laporan audit itu seharusnya dinilai dan dikaji secara mendalam oleh semua pihak sebelum membuat sebarang kesimpulan mengenai kelemahan yang dikemukakan. "Kita harus ingat, laporan audit bukan saja melaporkan perkara yang positif, tetapi juga tumpuannya ialah untuk mencari kelemahan supaya ia kemudian dapat diperbetulkan dan tidak berulang pada masa depan," katanya. Rahman berkata, segala kelemahan dan kepincangan itu masih mempunyai ruang untuk siasatan, penjelasan dan penilaian semula. "Sepatutnya, kita perlu memberi ruang dan peluang kepada kementerian, jabatan serta pegawai terbabit memberi penjelasan terutama apabila dipanggil PAC, bukan terus membuat kesimpulan. Laporan itu juga mendedahkan bahawa perkhidmatan awam dan kementerian masih memerlukan ruang untuk diperbaiki. Yang penting jangan dipolitikkan," katanya. Rahman menegaskan laporan audit itu juga tidak boleh dijadikan sandaran bahawa kerajaan mengamalkan rasuah, penuh dengan kelalaian atau ketirisan. Katanya, tanggapan yang kerajaan sekarang dipenuhi dengan rasuah adalah tidak adil dan prejudis kerana hasil laporan audit itu masih memerlukan siasatan. Malah katanya, jika ada pihak mendakwa kerajaan mengamalkan rasuah, ada juga kerajaan negeri ditadbir pembangkang yang melakukan penyelewengan atau kelemahan dalam pengurusan kewangan. "Adakah ini bermakna kerajaan negeri terbabit tidak cekap atau memiliki kerajaan yang tidak bagus. Sudah tentu ia tidak mencerminkan tanggapan itu. Oleh itu, beri peluang kepada semua kementerian dan agensi yang didapati melakukan perbelanjaan berlebihan untuk memberi penjelasan, bukan terus menuduh mereka menyeleweng atau rasuah," katanya.

**BERITA HARIAN**  
**online**

Sabtu, 29 Oktober, 2011 - KDN ambil tindakan wajar kelemahan pengurusan wang

PUTRAJAYA: Kementerian Dalam Negeri (KDN) akan mengambil tindakan sewajarnya jika siasatan mendapati wujud salah laku, kecuaian dan sikap tidak bertanggungjawab ke atas sebarang aspek pengurusan kewangan seperti didedahkan dalam **Laporan Ketua Audit Negara 2010**. Ketua Setiausaha, Tan Sri Mahmood Adam, berkata pihaknya sudah melantik pegawai khusus di setiap bahagian dan agensi di bawah kementerian itu bagi mengendalikan urusan serta hal ehwal membabitkan proses kerja Jabatan Audit Negara. Katanya, langkah itu juga selaras sasaran kementerian untuk mencapai penarafan empat bintang menerusi Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2011, selepas hanya mendapat tiga bintang dalam laporan sama bagi 2010. "Pelbagai inisiatif dan penambahbaikan sedang dilaksanakan termasuk menjalankan proses audit susulan terhadap proses pengauditan kewangan bagi November ini, selain mengenal pasti sebarang kelemahan pengurusan kewangan di setiap agensi dan bahagian di bawah kementerian. "Malah, kekerapan mesyuarat Jawatankuasa Audit kementerian akan turut ditambah daripada empat kali setahun kepada setiap bulan mulai Januari depan bagi memantau aktiviti keseluruhan pengurusan kewangan kementerian," katanya dalam satu kenyataan, semalam. Mahmood berkata, mesyuarat audit itu juga akan memberi fokus kepada usaha penambahbaikan dan panduan pengurusan kewangan bagi memastikan kelemahan diatasi. Justeru, beliau yakin sasaran mendapat penarafan empat bintang dalam Laporan Ketua Audit Negara 2011 dapat dicapai khususnya dengan kerjasama semua agensi dan bahagian di bawah kementerian.

KUALA LUMPUR: Kementerian Pengajian Tinggi bercadang mewujudkan satu unit khas untuk mengendalikan permit mengajar bagi 25,000 tenaga pengajar di institusi pendidikan tinggi swasta (IPTS) seluruh negara, menurut **Laporan Ketua Audit Negara 2010**. Dalam konteks sama, kementerian itu juga akan mewujudkan sistem permohonan secara online melalui kerjasama Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU) serta Unit Penyelaras Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri, yang dijangka siap dan digunakan pada akhir tahun ini. Menurut laporan itu, ketiadaan peruntukan yang jelas dalam Akta IPTS 1996 (Akta 555) serta kegagalan Kementerian Pengajian Tinggi menetapkan tempoh IPTS perlu mengemukakan permohonan permit mengajar, menyebabkan berlaku kes kelewatan mengemukakan permohonan permit mengajar dan guru mengajar tanpa permit di institusi berkenaan. "Sehubungan itu, satu sistem peringatan berkesan perlu diwujud bagi memastikan permit mengajar dimohon dan diperbaharui dalam tempoh ditetapkan," menurut laporan itu.

Permit mengajar bagi guru bertaraf warganegara adalah maksimum lima tahun, manakala bagi bukan warganegara, ia mengikut tempoh sah permit kerja yang dikeluarkan oleh Jabatan Imigresen. Tempoh suatu permit mengajar boleh dilanjutkan atas permohonan yang dibuat oleh guru berkenaan, dan ia hendaklah dikemukakan kepada Kementerian Pengajian Tinggi dalam tempoh enam bulan sebelum tamat tempoh permit. "Semakan Audit mendapati Universiti Teknologi Petronas, Tronoh, dan Curtin University of Technology, Miri, membuat permohonan pembaharuan permit mengajar guru selepas tamat tempoh permit disebabkan terlepas pandang tarikh tamat permit berkenaan. "Dua guru pula (di Curtin University of Technology) belum memperbaharui permit mengajar walaupun sudah tamat tempoh," menurut laporan itu. Sementara itu, Kementerian Pengajian Tinggi mengenakan kompaun bernilai RM60,000 terhadap enam IPTS pada tahun lalu, manakala sehingga Mei lalu pula, sebanyak lapan IPTS dikenakan kompaun RM80,000, kerana gagal mendaftarkan penambahan premis atau kemudahan. Selain itu, kementerian berkenaan juga sudah mula menjalankan siasatan terhadap 14 IPTS berkaitan isu sama, iaitu masing-masing tujuh institusi di Perak, Sarawak (tiga) dan Selangor (empat).

APABILA Laporan Ketua Audit Negara diumumkan saban tahun, maka terungkai banyak permasalahan seperti kelemahan sesebuah jabatan, bukan saja dari segi pengurusan kewangan dan pentadbiran, malah menjurus kepada kes penyelewengan, rasuah serta ketirisan. Memburukkan lagi keadaan, apabila kesilapan sama berulang dari semasa ke semasa. Untuk mendapat gambaran jelas bagaimana menangani masalah ini, wartawan Berita Minggu, KADIR DIKOH dan SYED RIDZUWAN SYED ISMAIL menemubual Ketua Audit Negara, Tan Sri Ambrin Buang dan Presiden Persatuan Akauntan Percukaian Malaysia (MATA), Abd Aziz Abu Bakar.

Ambrin Buang

?SABAN tahun Laporan Ketua Audit Negara dibuat, terutama bagi mengawasi perjalanan pentadbiran, pengurusan dan kewangan sesebuah kementerian, jabatan, badan berkanun dan syarikat subsidiari. Tetapi berdasarkan laporan terbaru, masih ada kementerian, jabatan serta anak syarikat kerajaan mengulangi kesilapan sama. Apakah ini menunjukkan jabatan terbabit mengambil ringan teguran laporan itu

Memang setiap kali Laporan Ketua Audit Negara dibentangkan, timbul persepsi bahawa kelemahan atau kesilapan sering berulang, seolah-olah jabatan terbabit mengambil ringan. Sebenarnya jabatan saya mengaudit jabatan/agensi yang berbeza setiap tahun, namun jenis kelemahan dan kesilapan lebih kurang sama. Ini menunjukkan sekiranya penjawat awam tidak berhati-hati dan berhemat dalam menguruskan wang

awam, tambahan pula tidak menyedari suatu hari nanti hasil kerja mereka akan diaudit, maka jabatan itu akan melakukan kesilapan yang sama disebabkan tiada kesedaran. Sekiranya penjawat awam kurang mahir dan kurang teliti ketika membuat kerja dan berlaku kurang pengawasan daripada pihak atasan, maka risiko melakukan kesilapan tetap ada. Malahan pula, memang banyak peraturan kewangan yang perlu dipatuhi.

? *Andainya berulang kali kelemahan itu dilakukan, maknanya saban tahun kesilapan sama berlaku, apa yang harus dilakukan. Apakah Jabatan Audit Negara (JAN) boleh membuat syor supaya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) melakukan siasatan.*

Kesilapan atau kelemahan ada pelbagai jenis. Bukan semua kesilapan mempunyai unsur rasuah yang wajar disiasat lanjut oleh SPRM. Bagi kes yang disyaki ada unsur penyelewengan, sememangnya kita berharap SPRM membuat siasatan sewajarnya. Kesilapan disebabkan kecuaian serius tetapi tidak disyaki mempunyai unsur rasuah, ketua-ketua jabatan adalah bertanggungjawab menjalankan penyiasatan dengan mengambil tindakan tata tertib. Saya ingin menyatakan kedua-dua langkah ini memang diambil. Saya difahamkan bagi Laporan Audit terbaru, SPRM membuka 36 fail siasatan.

? *Dalam penyediaan laporan tahunan, apa yang menjadi tumpuan JAN. Bagaimana mengenal pasti kelemahan sesebuah jabatan dan sebagainya. Apakah berdasarkan temu ramah dengan ketua jabatan atau merujuk kepada laporan kemajuan sesuatu projek dijalankan.*

Pengauditan kami melalui satu proses yang terperinci yang mana isu yang dibangkitkan hendaklah bersandarkan bukti yang jelas. Segala fakta yang berkaitan perlu mendapat pengesahan pihak yang diaudit. Selain itu, kami juga mengadakan perjumpaan dan temu ramah dengan pegawai jabatan yang terbabit serta menjalankan kaji selidik di kalangan kumpulan sasaran. Dari segi tumpuan, kita muhuh memastikan bahawa peraturan-peraturan sentiasa dipatuhi, apa-apa projek/aktiviti itu harus mencapai matlamat asal dan tidak berlaku gejala negatif seperti pemborosan, pembaziran dan penyelewengan.

? *Ketua Setiausaha Negara (KSN) baru-baru ini menyatakan kelemahan pengurusan kewangan tujuh kementerian dan agensi kerajaan akan dipastikan tidak berulang dan langkah penambahbaikan akan terus diperhebat untuk menjamin segala peruntukan yang diberi, diurus tadbir dengan berkesan. Tetapi KSN menyatakan 'saya tidak risau sangat bila Ketua Audit (Negara) beri pandangan sedemikian, saya risau jika masalah itu ada, tetapi Ketua Audit (Negara) tidak muhuh beri pandangan'. Apa pandangan Tan Sri mengenai kenyataan itu.*

Jabatan Audit Negara bukan saja membuat pemeriksaan tetapi juga mengetengahkan syor-syor pembetulan dan pemberian. Sebaik-baiknya, ketua-ketua jabatan/agensi hendaklah mengambil iktibar daripada kelemahan-kelemahan masa lalu mahupun kelemahan-kelemahan jabatan lain dan berusaha untuk mengelakkan teguran audit serta mengambil tindakan proaktif iaitu memperbanyak latihan, memastikan jawatankuasa pemantauan prestasi seperti Jawatankuasa Pengurusan Kewangan dan Akaun dan Jawatankuasa Audit benar-benar berfungsi. Begitu juga perlu dipastikan Unit Audit Dalaman benar-benar berfungsi untuk membantu pihak pengurusan meningkatkan prestasi dalam bidang pengurusan kewangan, perolehan dan sebagainya.

? *Rakyat sebagai pembayar cukai sudah pasti ingin tahu kedudukan perbelanjaan sesebuah jabatan, sama ada oleh kerajaan negeri yang ditadbir oleh Barisan Nasional (BN) atau pembangkang. Ketika membuat siasatan/semakan, apakah pertimbangan politik diambil kira oleh JAN seperti andaian sesetengah pihak. Boleh jelaskan kedudukan ini.*

Jabatan ini sama sekali tidak mengambil kira pertimbangan politik. Kami sentiasa sedar akan tanggungjawab kami sebagai satu institusi yang bebas dan profesional serta tidak mempunyai agenda politik.

? *Pada masa sama, jika pihak terbabit berbelanja boros, mereka tidak boleh lari daripada pengawasan Ketua Audit Negara. Setiap kelemahan mereka dicatat dan dilaporkan kepada umum. Apabila ia dibentang di*

*Parlimen dan menjadi tatapan ramai, ada yang tidak puas hati. Adakah Tan Sri setuju bahawa pihak JAN melaksanakan tugas 'tanpa rasa takut dan pilih kasih.'*

Ya, sememangnya menjadi amalan juruaudit untuk bekerja tanpa rasa takut dan pilih kasih. Laporan Audit disediakan mengikut standard dan prinsip pengauditan antarabangsa serta dibentangkan di Parlimen tanpa dipinda mana-mana pihak. Pengauditan kami berdasarkan 'balanced reporting' tetapi pada kebiasaannya yang mendapat perhatian umum ialah isu-isu kelemahan dan kesilapan penjawat awam.

*? Berdasarkan Laporan Ketua Audit Negara, ada juga perbelanjaan yang tak masuk akal. Misalnya pembelian laptop dan televisyen LCD melebihi paras pasaran. Antara yang ketara ialah alat pandang jauh marine binocular dan bushnell binocular yang dibeli pada harga lebih tinggi daripada harga pasaran. Banyak lagi barang yang dibeli jelas tidak menunjukkan perbelanjaan berhemat.*

Apakah yang perlu dilakukan oleh jabatan atau subsidiari terbabit, apakah pihak terbabit perlu meminta SPRM masuk menyiasat atau cuma membuat siasatan dalaman. Kebanyakan masalah yang berkaitan dengan perolehan kerajaan timbul daripada faktor kurang ketelitian pegawai yang mungkin kurang kepakaran teknikal dan kurangnya penyeliaan terhadap proses perolehan. Kalau disyaki ada unsur-unsur jenayah atau rasuah, sewajarlah dibabitkan SPRM atau Polis Diraja Malaysia (PDRM).

*? Pihak pembangkang pula cuba menjadikan Laporan Ketua Audit Negara sebagai isu. Antaranya ialah hutang Kerajaan Pusat kini melebihi RM31 bilion dan kononnya negara boleh muflis. Hakikatnya, pinjaman oleh kerajaan pada tahun lalu turun hampir 28 peratus kepada RM77.23 bilion berbanding RM107.17 bilion pada 2009. Apakah pada pandangan Tan Sri, hutang itu masih boleh dikawal dan berada pada tahap 'boleh diurus'.*

Saya fikir pada masa ini, hutang kerajaan adalah terkawal di paras 53.1 peratus daripada Keluaran Dalam Negara Kasar. Hutang ini adalah untuk membiayai projek pembangunan yang boleh menjana perkembangan ekonomi negara. Hampir seluruh hutang ini bersumberkan dalam negeri, maka risiko pertukaran wang asing paling minimum. Dalam keadaan sekarang, asalkan ekonomi negara kita berkembang, saya yakin kerajaan mampu mengawal hutang ke paras yang boleh diterima dan memastikan perbelanjaan berhemat sentiasa diamalkan oleh semua penjawat awam.

*? Keseluruhannya, apakah Tan Sri berpuas hati terhadap pengurusan kewangan Kerajaan Persekutuan?*

Pada keseluruhannya, pengurusan kewangan kerajaan bertambah baik berlandaskan prestasi kementerian/jabatan/agensi di bawah sistem penarafan Indeks Akauntabiliti. Saya harap prestasi ini akan bertambah baik dengan peningkatan bilangan jabatan dan agensi yang memperoleh penarafan sangat baik. Ini melambangkan kesedaran terhadap pengurusan kewangan yang cekap dan telus semakin meningkat.

*? Bagaimana pula pengurusan kewangan kerajaan-kerajaan negeri.*

Begitu juga, pada keseluruhannya sistem pengurusan kewangan di jabatan atau agensi negeri bertambah baik.

*? Apa nasihat Tan Sri kepada ketua-ketua jabatan dalam soal pengurusan kewangan dan pentadbiran supaya memperbaiki segala kelemahan serta teguran dalam laporan itu.*

Saya fikir ketua jabatan haruslah menekankan tindakan pencegahan yang berbeza dengan pendekatan 'fire fighting'. Dalam hal ini, amat penting mekanisme kawalan dalaman diperkasakan bagi mengelakkan berulang kembali kelemahan-kelemahan biasa. Mereka juga perlu memastikan penjawat awam yang menguruskan hal-hal kewangan mempunyai kewibawaan dari segi kecekapan dan integriti.

*? Adakah benar Jabatan Audit Negara asyik mencari kesalahan orang lain, seperti andaian sesetengah pihak.*

Saya sedar ada sesetengah pihak mempunyai tanggapan seperti itu. Namun, seperti yang dimandatkan oleh Perlembagaan Persekutuan dan Akta Audit 1957, tanggungjawab kami ialah untuk memeriksa dan memberi gambaran yang sebenar mengenai prestasi sesuatu jabatan/agensi kerajaan itu, baik dari segi menyedia penyata kewangan, mematuhi peraturan-peraturan kewangan kerajaan, menguruskan projek atau aktiviti mereka dan menguruskan syarikat subsidiari kerajaan. Hasil pengauditan itu akan dimaklumkan kepada umum dan diharap menjadi iktibar kepada penjawat awam yang lain. Laporan Audit juga mengandungi syor-syor untuk penambahbaikan bagi memperbetulkan kelemahan dan kesilapan yang dibuat oleh mereka yang kurang cekap atau lalai ketika membuat kerja. Pemantauan jawatankuasa bebas mampu elak ketirisan kewangan

Abd Aziz Abu Bakar ? *MENGAPA Laporan Ketua Audit Negara ini perlu diambil perhatian.*

Secara keseluruhannya bila laporan audit dikeluarkan oleh Ketua Audit Negara, ia adalah proses penilaian pengurusan kewangan negara sama ada pada peringkat Persekutuan, negeri atau agensi kerajaan. Hasil daripada laporan audit yang didedahkan ini, perlu diperbaiki. Prosesnya perlu semakin baik, tetapi apabila saranan atau kelemahan yang diutarakan tidak ada tindakan berkesan, ia akan merugikan proses audit itu sendiri. Kedudukan pengurusan kewangan negara juga akan menjadi lemah. Jika kita lihat salah satu daripada fokus dalam bajet yang lalu adalah untuk memantap dan memperkasakan perkhidmatan awam. Dari segi pengurusan kewangan adalah penambahbaikan kewangan sektor awam. Kerajaan perlu melihat bagaimana untuk mengurangkan defisit atau ke arah belanjawan seimbang iaitu sama ada kita tingkatkan hasil melalui cara meningkatkan cukai atau memperluaskan asas cukai. Kerajaan tidak boleh membuat pinjaman kerana kadar pinjaman setiap tahun semakin meningkat. Jika dilihat kadar peratus hutang Keluaran Dalam Negara Kasar (KNK), ia juga meningkat. Jika dibuat analisis dari segi kewangan negara, kerajaan tidak meminjam untuk belanja mengurus tetapi kerajaan perlu meminjam untuk perbelanjaan pembangunan. Jika dilihat dalam bajet yang dinyatakan baru-baru ini, 22 peratus daripadanya adalah untuk pembangunan. Seperti dinyatakan, untuk kurangkan defisit ini adalah dengan kerajaan menambah hasil atau kurangkan perbelanjaan. Pengurusan kewangan yang mantap ini penting kerana bayangan berapa jumlah wang yang kerajaan dapat selamatkan jika ketirisan ini dapat diatasi. Selain menambah pendapatan atau mengurangkan perbelanjaan, mengawal ketirisan juga langkah yang perlu dilakukan kerajaan.

? *Apakah cara lain untuk kerajaan kurangkan defisit.*

Cara lain untuk mengurangkan defisit, kerajaan perlu amalkan satu pengurusan kewangan berhemat yang lebih teliti dari segi menguruskan kewangan negara. Ketirisan yang berlaku perlu dikurangkan, contohnya dalam pemberian kontrak, kerajaan juga perlu melihat dari segi pembangunan infrastruktur yang sudah dibangunkan tetapi tidak diguna. Pengurusan aset ini penting kerana infrastruktur yang tidak dimanfaatkan bermakna kerugian kepada kerajaan. Satu kelemahan pemberian kontrak disebabkan tiada analisis atau kajian apabila sesuatu projek itu ingin dilaksanakan. Kajian terperinci penting dan jangan hanya mewujudkan projek supaya ada dana. Kadangkala sesuatu projek itu tidak perlu pun. Dalam pemberian kontrak e-tender, satu daripada kaedah untuk mengelak ketirisan. Tidak dinafikan ada projek yang bagus seperti pembinaan Lebuhraya Utara-Selatan dan Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA). Ada juga projek yang perlu dilihat manfaatnya. Contohnya dalam pemberian tender, jika sesuatu projek itu boleh dilaksanakan dengan kos lebih murah tanpa memerlukan orang tengah, mengapa ia perlu diberi kepada orang tengah sehingga menyebabkan kos itu naik. Perkara sebegini yang perlu dilihat kerajaan dalam memastikan tidak berlaku ketirisan. Kerajaan juga perlu membuat kajian terperinci dalam pemberian tender. Jika pemberian tender itu ingin diberikan, ia memerlukan pandangan perunding dan penelitian rapi. Jika semua kaedah ini dilaksanakan, ia mungkin agak menyukarkan beberapa pihak tetapi ia untuk kebaikan demi mengelak ketirisan .

? *Apa yang boleh dilakukan hasil penemuan audit ini.*

Saya berpendapat untuk mengelak teguran laporan audit ini tidak diambil tindakan, satu jawatankuasa pemantau yang bergerak secara bebas perlu ditubuhkan. Jawatankuasa ini harus bukan daripada kerajaan atau mana-mana parti politik tetapi terdiri daripada golongan profesional bebas yang boleh memantau hasil

audit ini, mengawal dan menentukan penemuan audit diambil tindakan oleh kerajaan supaya sistem kewangan negara diperbaiki. Perkara ini memang agak sukar tetapi itu yang perlu dilakukan untuk membolehkan jawatankuasa itu dapat menyuarakan pendapat secara bebas dan tanpa sebarang tekanan Ketua Audit Negara juga, selain mengemukakan kelemahan, ia juga boleh mengemukakan penyelesaian supaya kelemahan yang ada itu dapat diatasi. Berbalik kepada isu audit ini, kita tahu wujud pelbagai sistem untuk mengelak ketirisan tetapi terdapat satu elemen yang sukar dikawal iaitu faktor manusia yang melaksanakan sistem itu. Faktor seperti tamak, kehendak melebihi keperluan atau lebih mudah disebut rasuah, adalah sesuatu yang sukar dikawal. Walaupun polisi itu adalah yang terbaik, jika masih wujud faktor manusia ini, mereka akan mencari kelemahan atas sistem yang dibuat itu. Perkara sebegini yang menyebabkan ketirisan dalam sistem kewangan negara. Apa yang boleh dilakukan adalah kerajaan perlu mengawal penjawat awam daripada terbabit dalam gejala sebegini seperti meningkatkan nilai kerohanian.

Dalam pemberian kontrak ada elemen ini tetapi kerajaan perlu melihat bagaimana untuk menghentikan perkara ini atau mengawalnya. Teguran Ketua Audit Negara sesuatu yang bagus untuk menambah baik pengurusan kewangan. Sebab itu perlunya badan khas yang boleh memantau keadaan ini. Bila wujud kelemahan dalam kerajaan, badan khas ini boleh melihat atau menyarankan langkah untuk tindakan terutama perkara yang dinyatakan di dalam Laporan Ketua Audit Negara. Satu daripada program yang baik adalah Program Biro Tata Negara (BTN). Tetapi BTN perlu diperkemaskan supaya nilai kerohanian yang tinggi dapat dipupuk di kalangan penjawat awam, bukan hanya melaksanakan program supaya penjawat awam menyokong kerajaan. Memang ada pelbagai sistem kewangan yang boleh digunakan. Kita boleh ada sistem yang terbaik tetapi persoalannya siapa yang mengawal sistem itu. Perkara akhirnya berbalik kepada faktor manusia itu juga. Sebab itu perlunya nilai kerohanian yang tinggi untuk mengelak berlaku ketirisan. Tindakan yang dibuat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) juga langkah yang bagus dalam mengawal ketirisan ini. Operasi bersepdu yang dibuat bersama beberapa agensi lain dapat mengawal berlaku rasuah.



Ahad, 30 Oktober, 2011 - MARA siasat laporan audit

PUTRAJAYA: Majlis Amanah Rakyat (MARA) menubuhkan jawatankuasa khas bagi menyiasat pembelian pelbagai peralatan elektrik melebihi 100 peratus harga pasaran oleh beberapa Pusat GIAT MARA di seluruh negara seperti dalam Laporan Ketua Audit Negara 2010. Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Datuk Hassan Malek, berkata langkah itu perlu dan membolehkan MARA mengenal pasti dan mengambil tindakan tegas terhadap individu terbabit sekiranya terdapat bukti kukuh mengenai penyelewengan dalam pembelian peralatan berkenaan. "Jawatankuasa berkenaan dijangka mengambil masa sebulan bagi menyiapkan siasatan dan laporan akan diserahkan kepada Menteri, Datuk Seri Mohd Shafie Apdal, untuk tindakan lanjut," di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC) di sini, semalam. 'Peruntukan bajet ikut prestasi' IPOH: Permohonan mana-mana kementerian atau agensi kerajaan untuk mendapatkan peruntukan pada Bajet 2013 akan terjejas jika terbukti berlaku penyelewengan, salah guna kuasa dan pembaziran dilakukan oleh kakitangan mereka seperti terkandung dalam Laporan Ketua Audit Negara 2010. Menteri Kewangan Kedua, Datuk Seri Ahmad Husni Hanadzlah, berkata bajet yang dibentangkan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak baru-baru ini, menggunakan pendekatan berasaskan hasil iaitu penilaian prestasi kementerian atau agensi berasaskan hasil daripada perbelanjaan dilakukan dan bukan lagi berapa banyak perbelanjaan sudah dikeluarkan. Katanya, menerusi pendekatan itu, sebarang permohonan peruntukan pada belanjawan akan datang terikat atau mengambil kira prestasi perbelanjaan yang digunakan sekarang dan sebelum ini. "Ini secara tidak langsung akan menerapkan konsep akauntabiliti atau kebertanggungjawaban kakitangan terhadap majikan masing-masing. Ini bermakna jika berlaku penyelewengan, belanjawan berasaskan hasil mereka akan terjejas dan ini juga akan menjelaskan kedudukan kementerian atau agensi terbabit dalam konteks untuk mendapatkan belanjawan pada 2013. "Tindakan tegas harus diambil, kita harus beri mesej kepada perkhidmatan awam tidak boleh ambil ringan sebarang penyelewengan. Melalui mesej ini (pendekatan terbabit), kita percaya kualiti perkhidmatan awam akan meningkat," katanya pada sidang media selepas melancarkan Pusat Komputer 1Malaysia di Kampung Jelapang Jaya, di sini, semalam.

Beliau mengulas arahan Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin, supaya tindakan disiplin atau hukuman setimpal diambil terhadap pihak yang terbukti melakukan pembaziran, penyelewengan atau salah guna kuasa seperti dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara 2010. Ahmad Husni berkata, sebaik laporan itu dibentangkan, pihaknya meminta semua kementerian dan agensi kerajaan menyediakan laporan maklum balas terutama tindakan yang sudah diambil, belum selesai serta apakah tindakan susulan seterusnya. "Pada masa sama, Kementerian Kewangan turut memberi pekeliling kepada kementerian dan agensi bagaimana mahu melaksanakan perbelanjaan, tanggungjawab siapa dan siapa yang ada kuasa melaksanakannya. Jadi, jika berlaku penyelewengan, kita akan mengetahui apa bentuk tindakan yang harus diambil berasaskan Akta Prosedur Kewangan sedia ada," katanya. Beliau berkata, pada peringkat Kementerian Kewangan pula, beberapa pegawai sudah diarahkan membuat penyenaraian isu yang dibangkitkan termasuk tindakan yang sudah dan harus diambil terhadap kakitangan yang tidak mengikut prosedur kerajaan dalam perbelanjaan, selain membuat kajian perbandingan prestasi perbelanjaan yang dilakukan pada 2010 berbanding 2009.



Ahad, 30 Oktober, 2011 - Tiada agenda politik (HL)

KUALA LUMPUR: Jabatan Audit Negara bukan semata-mata mencari salah orang lain, sebaliknya memperbetulkan kelemahan dan kesilapan dilakukan mereka yang kurang cekap atau lalai ketika membuat kerja, kata Ketua Audit Negara Tan Sri Ambrin Buang. Malah katanya, ketua jabatan harus menekankan tindakan pencegahan, bukan pendekatan seperti 'memadam kebakaran' yang sudah berlaku, perkasakan mekanisme kawalan dalam untuk mengelak berulangnya kelemahan biasa dan jadikan kesilapan lalu sebagai iktibar. "Amalan juruaudit adalah untuk bekerja tanpa rasa takut dan pilih kasih. Laporan Audit disediakan mengikut standard dan prinsip pengauditan antarabangsa serta dibentangkan di Parlimen tanpa dipinda mana-mana pihak. Pengauditan kami berdasarkan 'balanced reporting' tetapi pada kebiasaannya yang mendapat perhatian umum ialah isu-isu kelemahan dan kesilapan penjawat awam," katanya kepada Berita Minggu.



Isnin, 31 Oktober, 2011 - Kelantan wajar ambil pengajaran daripada laporan audit

KOTA BHARU: Kerajaan PAS Kelantan harus memberi perhatian terhadap Laporan Ketua Audit Negara 2010 dalam memastikan nasib rakyat negeri itu sentiasa terbela selain meningkatkan pelaburan bagi memantapkan ekonomi negeri. Pengerusi Majlis Tindakan Pembangunan Negeri (MTPN) Kelantan, Datuk Seri Mustapa Mohamed, berkata jangan wujud sikap kurang senang terhadap laporan berkenaan dengan menganggap Jabatan Audit Negara bertindak menudung jari kepada pihak tertentu. Sebaliknya beliau berkata, pihak yang 'ditegur' dalam laporan berkenaan perlu mengambil langkah segera untuk memperbaiki segala kelemahan yang dilaporkan dalam audit berkenaan. "Jabatan berkenaan (audit) bukannya hendak menudung jari terhadap sesiapa dan laporannya perlu diberi perhatian semua pihak termasuk kerajaan negeri (Kelantan) dengan mengambilnya sebagai pengajaran serta melihatnya dalam konteks terbuka. "Laporan berkenan penting untuk memperbetulkan segala kelemahan dan kerajaan negeri harus mempunyai keazaman untuk memperbaikinya dengan harapan tahun depan ada penambahbaikan," katanya selepas majlis penyampaian pinjaman Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) kepada pelajar yang akan melanjutkan pelajaran ke Universiti Teknologi Mara (UiTM), di sini, semalam. Beliau mengulas mengenai laporan Ketua Audit Negara 2010, yang menunjukkan Kelantan antara dua negeri ditegur dalam aspek pelaburan dan pelaksanaan projek selain gagal melaksanakan tujuh projek perumahan yang diamanahkan walaupun sudah diberikan peruntukan RM19 juta melalui Bahagian Perumahan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri. Bagaimanapun, kerajaan PAS Kelantan mendakwa tidak menerima peruntukan berkenaan sebagaimana yang dinyatakan dalam laporan berkenaan sebagaimana yang dijelaskan Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerjaraya, Utiliti dan Alam Sekitar, Datuk Md Anizam Abd Rahman.

Mustapa yang juga Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri berkata, kelemahan untuk menarik pelabur ke negeri ini disebabkan Kelantan mempunyai beberapa halangan antaranya membabitkan kemudahan prasarana serta bekalan air. "Kelemahan seperti ini perlu diberi perhatian bagi memastikan pulangan pelaburan ke negeri ini memuaskan dan berharap benda yang sama tidak akan berulang lagi pada tahun akan datang," katanya.

## BERITA HARIAN online

Isnin , 31 Oktober, 2011 - Tiga inisiatif elak pembaziran. NKRA Membanteras Rasuah atasi kelemahan perolehan seperti laporan audit , Oleh Norfatimah [Ahmadtim@bharian.com.my](mailto:Ahmadtim@bharian.com.my)

KUALA LUMPUR: Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) Membanteras Rasuah menggariskan tiga inisiatif bagi menangani kelemahan dan kekurangan dalam perolehan kerajaan untuk mengelak isu yang dibangkitkan dalam Laporan Ketua Audit Negara 2010 berulang. Pengarah Bahagian Pemantauan dan Penyelarasian NKRA Membanteras Rasuah, Datuk Hisham Nordin, berkata modul kajian pasaran, penstrukturran dan penempatan pegawai teknikal serta penubuhan Unit Integriti adalah antara saranan berkenaan. "Kementerian dan agensi kerajaan perlu komited untuk memastikan pelbagai inisiatif yang digariskan itu dilaksanakan dan ketika ini, peranan kementerian dan agensi terbabit dilihat berada pada tahap kritis untuk memastikan saranan itu direalisasikan," katanya ketika dihubungi di sini, semalam. Hisham berkata, Kementerian Kewangan misalnya membangunkan Modul Kajian Pasaran dalam Sistem ePerolehan yang mana maklumat perolehan bekalan dan perkhidmatan secara tender, sebut harga dan eBidding yang dilaksanakan boleh diakses kementerian, jabatan dan agensi kerajaan. "Melalui maklumat ini, semua yang terbabit boleh membuat perbandingan harga dan spesifikasi sebagai panduan sebelum melaksanakan perolehan dan boleh mengelakkan perolehan bekalan dan perkhidmatan lebih tinggi dari harga pasaran," katanya. Selain itu, katanya, NKRA Membanteras Rasuah juga mengesyorkan kajian semula penstrukturran dan penempatan pegawai teknikal untuk mendapatkan komposisi bersesuaian berdasarkan kapasiti dan beban kerja. Dengan terlaksananya cadangan ini, semua projek akan dirancang, dinilai dan diselia oleh tenaga mahir dalam bidang berkaitan bagi mengelakkan berlaku projek gagal dan perolehan yang tidak memenuhi keperluan kementerian dan agensi kerajaan," katanya. Mengenai agensi penguat kuasa utama pula, penubuhan Unit Integriti dicadangkan dan ia seharusnya dipanjangkan kepada semua kementerian sebagai projek perintis bagi memantau pelaksanaan projek dan perolehan. Beliau berkata, unit ini perlu diwujudkan secara pentadbiran dengan melapor terus kepada SPRM bagi memastikan kebebasan dalam membuat tindakan dan laporan. Mengulas lanjut mengenai Laporan Audit Negara terkini, Hisham berkata, laporan itu dibuat berlandaskan prinsip ketelusan, profesional, akauntabiliti dan bebas. "Berbanding 2009, hanya 10 kementerian dan empat jabatan yang memperoleh penarafan sangat baik, manakala pada 2010 pula sebanyak 17 kementerian dan 13 jabatan mendapat penarafan sangat baik. "Peningkatan 70 peratus bilangan kementerian yang mendapat penarafan sangat baik dan 225 peratus bagi jabatan, manakala peningkatan keseluruhannya pula mencecah 114 peratus iaitu pencapai yang membanggakan," katanya. Beliau berkata, peningkatan ini diukur berdasarkan Indeks Akauntabiliti (IA) Pengurusan Kewangan yang bertujuan untuk memudahkan pengukuran kualiti secara objektif bagi pengurusan kewangan. "IA adalah mekanisme pengukuran komprehensif bagi menentukan tahap pematuhan peraturan kewangan berhubung dengan kawalan terhadap pengurusan, bajet, terimaan, perbelanjaan, pengurusan kumpulan wang amanah atau akaun amanah dan deposit serta aset, inventori dan stor. "IA adalah salah satu daripada Penunjuk Prestasi Utama (KPI) NKRA Membanteras Rasuah dalam urusan perolehan negara dan perkembangan ini adalah baik berdasarkan usaha kerajaan sejak penubuhan NKRA Membanteras Rasuah pada awal 2010,"

